




# 2021

## LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



*Menjana Pentaksiran Jitu*



Kita bina semangat berpasukan  
Kita mara ke arah satu tujuan  
Tanggungjawab kita tunaikan  
Sempurnakan kejayaan

Ketelusan amalan murni  
Kecekapan dijulang tinggi  
Integriti pegangan sejati  
Kualiti teras organisasi

Janakan pentaksiran  
Cemerlang dan gemilang  
Membentuk insan terbilang seimbang  
Perkasa, Pengukuran, Pendidikan  
Teras, Penilaian  
Lambang keunggulan

Berpegang teguh pada kejituan  
Kebolehpercayaan dan kesahan  
Pelihara kesaksamaan  
Laksanakan keadilan

Demi visi dan misi kita  
Bersatu berusaha seikhlas jiwa  
Berganding bahu tekun berjaya  
Jadikan kebanggaan negara  
Majlis Peperiksaan Malaysia.

Lagu: Mohd. Azam bin Sulung (Azam Dungun )  
Lirik: Eddey@Mohd Eddey bin Ahmad Esa

KANDUNG

1	PROFIL KORPORAT	19	TADBIR URUS KORPORAT
27	STRUKTUR ORGANISASI MAJLIS	49	PERUTUSAN PENGERUSI
55	URUS SETIA	67	KAWALAN DALAMAN DAN JAMINAN KUALITI
81	LAPORAN PENCAPAIAN	93	MESYUARAT UTAMA PENGURUSAN
97	MESYUARAT PERINGKAT URUS SETIA	101	MENEROKA MASA HADAPAN
107	JAMINAN KUALITI	113	PROGRAM JERAYAWARA JOM DUK SPM
121	LAPORAN PEPERIKSAAN	158	PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN
171	PRESTASI KEWANGAN	211	BADAN KEBAJIKAN, KEBUDAYAAN, DAN SOSIAL KAKITANGAN (BKKS) DAN PUSPANITA





# **PROFIL KORPORAT**

## VISI



Visi kami adalah untuk menjadi badan pentaksiran yang menjanjakan pentaksiran jitu yang dapat mengukur potensi seseorang insan secara holistik bersesuaian dengan nilai dan norma murni sejagat menjelang tahun 2025.

## MISI



Misi kami adalah untuk membangunkan dan mengurus pelbagai bentuk pentaksiran yang menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berwibawa, versatil, dan berdaya maju.

## NILAI



- Kejituan
- Kebolehpercayaan
- Kesahan
- Kesaksamaan
- Keadilan
- Kebolehukuran
- Dipercayai
- Kerelevan
- Berintegriti

## OBJEKTIF



1. Menyediakan dan menerbitkan sukatan pelajaran peperiksaan, peraturan dan skema peperiksaan, dan spesifikasi ujian yang lengkap dan sesuai bagi peperiksaan/ujian Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Malaysian University English Test (MUET), dan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW).
2. Mendaftarkan calon bagi peperiksaan/ujian STPM, MUET, dan SKBMW dengan cekap.
3. Menyediakan kertas peperiksaan/ujian STPM, MUET, SKBMW, psikometrik, dan ikhtisas yang jitu, sah, boleh dipercayai, saksama, dan adil.
4. Mentadbirkan peperiksaan/ujian STPM, MUET, SKBMW, psikometrik, dan ikhtisas dengan cekap dan adil.
5. Mengeluarkan keputusan peperiksaan/ujian STPM, MUET, SKBMW, psikometrik, dan ikhtisas yang diiktiraf oleh institusi penerima lulusan.

## MATLAMAT



Membangunkan pentaksiran yang jitu, berkualiti tinggi, holistik, dan diiktiraf pada peringkat nasional dan antarabangsa.

## STRATEGI



1. Mengeluarkan sukatan pelajaran peperiksaan, peraturan dan skema peperiksaan, serta spesifikasi ujian yang kemas kini.
2. Menghasilkan soalan yang menepati kehendak sukatan pelajaran peperiksaan dan spesifikasi ujian.
3. Memastikan pencetakan kertas soalan yang berkualiti tinggi dan pembekalan kertas soalan kepada calon mengikut jadual.
4. Meluaskan pengendalian peperiksaan secara dalam talian bersesuaian dengan peredaran semasa.
5. Membangunkan aplikasi yang bersesuaian yang dapat mengoptimumkan proses kerja untuk kemudahan kakitangan dan pelanggan.
6. Menyediakan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan di bawah Modified Budgeting System (MBS) @ Outcome Based Budgeting (OBB) dengan cekap.
7. Meningkatkan kompetensi staf melalui pemberian latihan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Awam.
8. Meningkatkan keupayaan, kecekapan, dan keberkesanannya pengurusan aduan supaya dapat menyelesaikan aduan dengan lebih efektif.

## DASAR KUALITI



Pihak pengurusan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) mempunyai komitmen untuk membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan kualiti berdasarkan International Standard ISO 9001 serta senantiasa menambah baik keberkesanannya sistem tersebut untuk mencapai objektif MPM dalam reka bentuk dan pembangunan kurikulum serta pengurusan peperiksaan bagi STPM dan MUET.

Pihak pengurusan MPM akan memastikan bahawa dasar kualiti MPM:

1. Bersesuaian dengan objektif MPM.
2. Merangkum komitmen untuk mematuhi keperluan dan senantiasa menambah baik keberkesanannya sistem pengurusan kualiti.
3. Menyediakan kerangka kerja untuk mewujudkan dan mengkaji semula objektif kualiti.
4. Disampaikan dan difahami oleh warga MPM.
5. Dikaji semula supaya senantiasa sesuai dengan objektif MPM.

## PIAGAM PELANGGAN



Komitmen kami adalah untuk menyediakan sukatan pelajaran peperiksaan dan mengendalikan peperiksaan dengan cekap dan teratur. Dalam melaksanakan tugas ini, kami akan memastikan yang berikut:

1. Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM dikeluarkan 18 bulan sebelum peperiksaan semester 1.
2. Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM dikeluarkan 8 bulan sebelum peperiksaan semester 1.
3. Peraturan, Spesifikasi dan Format Ujian bagi MUET dikeluarkan 18 bulan sebelum ujian sesi 1.
4. Keputusan peperiksaan STPM dikeluarkan dalam tempoh 14 minggu selepas tarikh akhir peperiksaan.
5. Keputusan MUET dikeluarkan dalam tempoh 10 minggu selepas tarikh akhir ujian.
6. Sijil STPM dikeluarkan selewat-lewatnya pada bulan Julai.
7. Penyata keputusan peperiksaan STPM dan penyata keputusan MUET yang dipohon melalui pos akan dikirimkan kepada pemohon dalam tempoh dua hari bekerja selepas permohonan diterima oleh MPM, dan yang dipohon di kaunter akan disiapkan dalam tempoh 30 minit selepas permohonan yang lengkap dan betul diterima.
8. Salinan Sijil STPM dan salinan Sijil MUET yang dipohon melalui pos akan dikirimkan kepada pemohon dalam tempoh dua hari bekerja selepas permohonan diterima oleh MPM, dan yang dipohn di kaunter akan disiapkan dalam tempoh 30 minit selepas permohonan yang lengkap dan betul diterima.

# LATAR BELAKANG



MPM yang ditubuhkan pada 1 Februari 1980 di bawah Akta Parliment Akta Majlis Peperiksaan Malaysia [Akta 225] ialah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai perkhidmatan tertutup dan beroperasi di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Majlis perasmian penubuhan MPM telah disempurnakan oleh Menteri Pelajaran Malaysia pada ketika itu, iaitu YB Dato' Musa bin Hitam pada 22 April 1980.

Matlamat penubuhan MPM adalah untuk mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan peperiksaan-peperiksaan itu.

Peperiksaan yang diwartakan ialah peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang peperiksaan pertamanya adalah pada tahun 1982 untuk menggantikan peperiksaan Higher School Certificate (HSC) dan Sijil Tinggi Persekolahan (STP) yang dikendalikan oleh University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES, United Kingdom (UK)).


Menurut YBhg. Tan Sri Haji Omar bin Mohd Hashim melalui bukunya yang bertajuk "Menongkah Gelombang Pendidikan", MPM merupakan badan korporat yang mempunyai kebebasan untuk menentukan mutu dan taraf peperiksaan tanpa apa apa gangguan serta mempunyai pengurusan kewangan sendiri.

Selepas pengambilalihan kedua-dua peperiksaan tersebut oleh MPM, nama peperiksaan STP dan HSC telah ditukar kepada peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Selain itu, penubuhan MPM juga bertujuan untuk merealisasikan pengendalian peperiksaan tersebut dalam bahasa Malaysia sepenuhnya.

Hal ini bersesuaian dengan pelaksanaan dasar menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara dari peringkat pendidikan rendah hingga peringkat pendidikan prauniversiti, iaitu tingkatan enam.

Di samping itu, pihak UCLES sendiri yang tidak sanggup lagi mengendalikan peperiksaan HSC/STP di Malaysia berikutan dengan perubahan dasar penggunaan bahasa pengantar. Perubahan ini telah menyebabkan perlunya sebuah badan peperiksaan, iaitu MPM, ditubuhkan untuk mengambil alih fungsi UCLES itu. Selepas beberapa siri rundingan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (kini Kementerian Pendidikan Malaysia), pihak UCLES telah menyerahkan tanggungjawab kepada MPM untuk mengendalikan peperiksaan tersebut sepenuhnya mulai tahun 1982.

Selepas 40 tahun berlalu, MPM masih mengekalkan hubungan kerjasama dengan UCLES (kini dikenali sebagai Cambridge Assessment International Education, UK), iaitu sebagai ahli mesyuarat penetapan standard STPM dan juga memberi khidmat nasihat bagi penetapan standard STPM ini.



Akta  
Majlis Peperiksaan Malaysia 1980  
[Akta 225]

## KEANGGOTAAN MAJLIS



MPM diurus oleh lembaga pengelola yang disebut "Majlis". Berdasarkan Akta MPM Seksyen 4(1) (a) hingga (f), keahlian Majlis terdiri daripada semua naib canselor universiti awam, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengarah Peperiksaan, lima orang ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia. Berdasarkan Akta MPM Seksyen 4(2) dan 4(3), Pengerusi Majlis dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan naib canselor bagi satu tempoh tidak lebih dari 3 tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan dan boleh dilantik semula sebagai Pengerusi Majlis apabila tamat tempoh jawatannya sebagai Pengerusi.

Pada tahun 1980, iaitu pada tahun pertama penubuhan MPM, Ahli Majlis adalah sebanyak 13 orang yang terdiri daripada:

### PENGERUSI

**01**

**YM. PROF. DIRAJA UNGKU  
ABDUL AZIZ BIN UNGKU ABDUL HAMID**  
Naib Canselor  
Universiti Malaya

### AHLI

**02**

**YBHG. TAN SRI DATO' HAJI HAMDAN BIN SHEIKH TAHIR**  
Naib Canselor  
Universiti Sains Malaysia

### AHLI

**03**

**YBHG. DATO' PROF. DR. AWANG HAD BIN SALLEH**  
Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### AHLI




**04**




**YBHG. TAN SRI PROF. DR. MOHD RASHDAN BIN HAJI BABA**  
Naib Canselor  
Universiti Pertanian Malaysia  
(kini Universiti Putra Malaysia)

AHLI <b>05</b>	YBHG. TAN SRI AINUDDIN BIN ABDUL WAHID Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia
AHLI <b>06</b>	YBHG. DATO' HAJI OTHMAN BIN ABDUL MALIK Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia (kini Kementerian Pendidikan Malaysia)
AHLI <b>07</b>	YBHG. TAN SRI DATO' HAJI MURAD BIN MOHD NOR Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Kementerian Pelajaran Malaysia (kini Kementerian Pendidikan Malaysia)
AHLI <b>08</b>	YBHG. TAN SRI HAJI OMAR BIN MOHD HASHIM Pengarah Peperiksaan Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia (kini Kementerian Pendidikan Malaysia)
AHLI <b>09</b>	YBRS. PROF. DR. YIP YAT HOONG Dekan, Institut Pengajian Tinggi Universiti Malaya
AHLI <b>10</b>	ENCIK M. SOCKALINGAM Pengurus Besar Asia Tenggara Oxford University Press
AHLI <b>11</b>	PUAN KHALIDAH ADIBAH BINTI HAJI MOHD AMIN Pengarang Kumpulan (Bahasa) The New Straits Times
AHLI <b>12</b>	YBHG. DATUK ARNI BIN HAJI LAMPAM Pengarah Pentadbiran Sarawak Shell Berhad
AHLI <b>13</b>	YBHG. DATUK DR. A.R. LO SU FOOK Lo Klinik 131, Jalan Gaya, Kota Kinabalu, Sabah

Dengan perkembangan semasa, dan selaras dengan Malaysia dijadikan hub pendidikan tinggi, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia telah bertambah. Selaras dengan Akta MPM, keanggotaan Majlis kini telah menjadi 28 orang.

Senarai Pengurus MPM sejak ditubuhkan pada 1980 hingga tahun 2021 adalah seperti yang berikut:





## URUS SETIA MAJLIS



Operasi Majlis Peperiksaan Malaysia dilaksanakan oleh Urus Setia Majlis yang bertanggungjawab kepada Majlis. Urus Setia Majlis diketuai oleh Ketua Eksekutif (sebelum tahun 2002 digelar Setiausaha Agung). Berdasarkan Akta MPM 15(1), Ketua Eksekutif MPM hendaklah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Pentadbir, dan Ketua Pegawai Akademik Majlis. Senarai Ketua Eksekutif MPM adalah seperti yang berikut:



01

**YBHG. DATO' SYED ABU BAKAR  
BIN DATO' SYED AHMAD BARAKBAH**  
1 Ogos 1980 hingga 3 April 1995



02

**YBHG. TUAN HAJI  
ABDUL RAHMAN BIN MOHD. ALI**  
12 Jun 1995 hingga 11 Jun 1997



03

**YBHG. DATO' HAJI TERMUZI  
BIN HAJI ABDUL AZIZ**  
12 Jun 1997 hingga 31 Mac 2005



04

**YBHG. TUAN HAJI OMAR BIN ABU BAKAR**  
1 April 2005 hingga 17 Disember 2011



05

**YBHG. PUAN MAZIYAH BINTI HAMZAH**  
28 Disember 2011 hingga 1 Mei 2013



06

**YBHG. DR. JAMIL BIN ADIMIN**  
7 April 2014 hingga 18 Julai 2016



07

**YBRS. TUAN HAJI MOHD FAUZI  
BIN DATUK HAJI MOHD KASSIM**  
19 Julai 2016 hingga 5 Julai 2021



08

**YBRS. ENCIK ADNAN BIN HUSIN**  
5 Julai 2021 hingga kini

## PREMIS




Pada tahun 1980, MPM memulakan operasinya di Tingkat 9, Bangunan Lembaga Peperiksaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Pada bulan Disember 1984, MPM berpindah ke Bangunan KUWASA di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, dan kemudian berpindah ke Wisma Mirama di Jalan Wisma Putra, Kuala Lumpur pada bulan Mei 1995. Hasrat MPM untuk mempunyai bangunan sendiri sejak akhir tahun 1980-an tercapai apabila Bangunan MPM di atas sebidang tanah seluas 2.43 hektar di Bandar Baru Selayang siap dibina pada bulan Mei 1998 dan mula diduduki pada bulan Julai 1998. Bangunan MPM telah disempurnakan perasmianya oleh YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia, pada 14 September 2004.



Bangunan Lembaga Peperiksaan  
di Jalan Duta, Kuala Lumpur



Bangunan Kuwasa  
di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur



Wisma Mirama  
di Jalan Wisma Putra, Kuala Lumpur

1998  
*hingga  
kini*





Bangunan Majlis Peperiksaan Malaysia  
di Bandar Baru Selayang, Selangor



MPM Test Centre, Bangunan Eco Sky  
Jalan Ipoh, Kuala Lumpur

## PROFIL KORPORAT

Kemudahan  
Computer Based Test (CBT),  
di MPM Test Centre  
Eco Sky, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur



Sejak MPM ditubuhkan, bidang tugas MPM yang pada mulanya hanya mengendalikan peperiksaan STPM telah diperluaskan kepada pelbagai peperiksaan yang lain.

Pada tahun 1999, MPM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Malaysian University English Test (MUET) yang wajib diduduki oleh semua pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran peringkat ijazah pertama ke Universiti Awam (UA). Mulai tahun 2012, ujian ini dikendalikan sebanyak tiga kali setahun.

Mulai tahun 2003 pula, MPM telah diamanahkan untuk mengendalikan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi anggota Perkhidmatan Pelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM) sehingga peperiksaan ini dimansuhkan pada 1 Januari 2011.

Di samping itu, MPM juga telah mengendalikan Malaysian Information Technology Examination (MITPE) bagi pihak Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn. Bhd. (METEOR) dari tahun 2005 sehingga tahun 2010. MPM mentadbir peperiksaan MITPE, manakala pihak METEOR menguruskan pendaftaran dan urusan profesionalnya. Peperiksaan ini membolehkan para graduan dan golongan profesional Teknologi Maklumat (IT) mendapat pengiktirafan dalam kemahiran IT di seluruh dunia. Peperiksaan terakhir MITPE yang dikendalikan MPM adalah pada 31 Oktober tahun 2010 disebabkan tiada calon yang mendaftar di Malaysia. Namun demikian, peperiksaan ini masih ditawarkan di Jepun.

Mulai tahun 2008, MPM mengelolakan ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI) bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi hingga tahun 2012. Ujian psikometrik ini bertujuan untuk menilai sahsiah pelajar dan graduan yang ingin mengikuti program pengajian pendidikan untuk menjadi pendidik. Ujian ini kemudiannya telah diserahkan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 2013.

Mulai tahun 2009 pula, MPM mengelolakan ujian Malaysian University Selection Inventory (MUnSyl) bagi pihak Universiti Sains Malaysia. Ujian MUnSyl merupakan satu instrumen psikometrik untuk menyaring calon yang akan melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia (USM) dalam pelbagai program pengajian. Pada tahun 2014, USM telah mengambil alih ujian ini sepenuhnya.

Pada tahun 2010, MPM telah menandatangani memorandum perjanjian dengan Malaysian Financial Planning Council (MFPC) untuk mengendalikan peperiksaan bagi pihaknya, iaitu Shariah Registered Financial Planner dan Registered Financial Planner

## FUNGSI



Capstone. Peperiksaan Shariah Registered Financial Planner dan Registered Financial Planner Capstone ialah peperiksaan profesional yang diadakan bertujuan untuk melahirkan perancang kewangan shariah dalam kalangan warga kerja terutamanya dalam sektor insurans dan kewangan. Peperiksaan ini telah diambil alih sepenuhnya oleh MFPC pada tahun 2015.

Mulai tahun 2011, MPM telah memperkenalkan ujian Career Selection Inventory for Malaysians (CaSIM I dan CaSIM II). Ujian CaSIM I digunakan bagi memilih calon yang sesuai untuk mengikuti program pengajian yang bersesuaian di IPT, manakala ujian CaSIM II digunakan untuk memilih calon pekerja yang sesuai berdasarkan minat kerjaya, personaliti, kecerdasan emosi, nilai integriti, dan kemahiran insaniah calon.

Pada 1 Julai 2015, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia telah meluluskan pengelolaan peperiksaan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW). Peperiksaan ini untuk menguji kecekapan berbahasa Melayu Warganegara Asing yang belajar, berkhidmat, dan bermastautin sekurang-kurangnya setahun di Malaysia. Sukatan Pelajaran dan Peperiksaan SKBMW ini dibina secara kerjasama antara MPM dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Pada tahun 2016, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama MPM telah memperkenalkan Ujian Penilaian Kompetensi Kemahiran Pedagogi Guru Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM). Ujian STEM ini merupakan satu instrumen pengukuran untuk guru-guru STEM. Ujian ini hanya dikendalikan sekali sahaja iaitu pada tahun 2016.

Pada 28 Februari 2017, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah melantik MPM sebagai pengendali peperiksaan Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) bagi pihak MQA. MPM telah diberi mandat untuk mengelolakan APEL T-4 (kemasukan ke program diploma), APEL T-5 (kemasukan ke program Diploma Lanjutan), dan APEL T-6 (kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda).

Pada tahun 2019, MPM telah menambah kekerapan pengelolaan ujian MUET, iaitu melalui MUET on Demand (MoD) dalam bentuk Computer Based Test (CBT) dan juga Paper Based Test (PBT). MPM juga telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk mengelolakan peperiksaan Imtihan al-Kafaah Li al-Lughah al-Arabiyyah (IKLA), dengan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mewujudkan mata pelajaran Tahfiz al-Quran sebagai tambahan mata pelajaran dalam peperiksaan STPM, dengan Majlis Dekan-Dekan Perubatan Universiti Awam Malaysia bagi mengelola Peperiksaan Prakemasukan Ijazah Lanjutan Perubatan (PPILP) atau dikenali sebagai Medical Specialist Pre-Entrance Examination (MedEx), dengan Universiti Teknikal Malaysia

Melaka (UTeM) bagi menghasilkan Aplikasi Korpus MUET dan Aplikasi MUETLex, dengan MIMOS Berhad untuk mengelola ujian psikometrik Prospek Kerjaya.

Pada tahun 2020, MPM telah diberi tanggungjawab oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengelola ujian CEFR Readiness untuk Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Opsyen Bahasa Inggeris. Guru yang bukan opsyen Bahasa Inggeris tetapi mengajar mata pelajaran yang berkenaan juga digalakkan mengambil ujian ini. Tujuan ujian ini adalah untuk mengetahui tahap penguasaan bahasa Inggeris berdasarkan piawaian CEFR Readiness dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Opsyen Bahasa Inggeris. Ujian ini telah ditamatkan pada tahun 2021.

Ini juga bersesuaian dengan MUET telah dijajarkan dengan CEFR semenjak tahun 2019. MUET juga telah diterima dan diiktiraf oleh kebanyakan universiti di Singapura termasuk Universiti Nasional Singapura, Universiti Teknologi Nanyang dan Universiti Pengurusan Singapura, serta beberapa universiti di luar Malaysia dan Singapura seperti Universiti East London, Universiti Metropolitan Manchester, Universiti Gloucestershire dan Universiti Robert Gordon.

Pada tahun 2021, MPM sekali lagi telah diberi tanggungjawab oleh KPM untuk mengelola Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG) bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Opsyen dan Opsyen Bahasa Melayu. Tujuan ujian ini diadakan adalah untuk mengetahui tahap penguasaan bahasa Melayu berdasarkan piawaian Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Opsyen Bahasa Melayu. Ujian UPBMG yang pertama akan dilaksanakan pada tahun 2022.

Aktiviti yang dilaksanakan oleh MPM dalam mengelolakan peperiksaan adalah seperti yang berikut:

- Menyediakan peraturan dan skema peperiksaan.
- Mengkaji, mengemaskinikan, dan menggubal Sukatan Pelajaran Peperiksaan.
- Menggubal dan menyediakan kertas soalan dan bahan peperiksaan.
- Menyelaraskan pendaftaran calon peperiksaan.
- Menyelaraskan pengendalian peperiksaan dan pemarkahan skrip jawapan calon.
- Memproses dan menyemak keputusan peperiksaan.
- Menetapkan standard kertas dan mata pelajaran serta menganugerahkan keputusan peperiksaan.
- Mentafahus rayuan calon tentang keputusan peperiksaan.
- Melatih kakitangan Urus Setia dan penjawat yang dilantik oleh MPM.
- Mengkaji dan menyelidik perilaku calon dan hal-hal lain yang berkaitan dengan peperiksaan.

LOGO	KOD PEPERIKSAAN	NAMA PEPERIKSAAN	TAHUN MULA PEPERIKSAAN
	<b>900</b>	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)	<b>1982</b>
	<b>800</b>	Malaysian University English Test (MUET) MUET on Demand (MoD)	<b>1999</b> <b>2018</b>
<b>PTK</b>	<b>700</b>	Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)	<b>2003</b> <i>hingga</i> <b>2011</b>
	<b>600</b>	Sijil Kecekapan Bahasa Melayu Bagi Warga Asing (SKBMW)	<b>2015</b>
	<b>500</b>	Imtihan al-Kafaah Li al-Lughah al-Arabiyyah (IKLA)	<b>2020</b>
	<b>400</b>	Peperiksaan Prakemasukan Ijazah Lanjutan Perubatan (MedEx)	<b>2019</b>



**TADBİR URUS  
KORPORAT**

# KEANGGOTAAN MAJLIS TAHUN 2021




YBHG. PROF. DATUK TS. DR. WAHID  
BIN RAZZALY



Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 10 Mac 2021)

- Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Penggerusi Majlis Peperiksaan Malaysia
- Penggerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan dan Kewangan
- Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi



YBHG. PROF. EMERITUS DATUK IR. DR.  
MOHD AZRAAI BIN KASSIM



Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 9 Mac 2021)



YBHG. DATUK YUSRAN SHAH  
BIN MOHD YUSOF



- Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Sokongan
- Ahli Jawatankuasa Tetap Pengurusan dan Kewangan
- Ahli Jawatankuasa Tender
- Ahli Jawatankuasa Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- Ahli Jawatankuasa Tatatertib Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi



YBHG. DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI  
BINTI ABDOL HAMID



Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
(mulai 22 Jun 2021)



**YBHG. DATUK DR. HABIBAH  
BINTI ABDUL RAHIM**

- Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia (hingga 5 April 2021)



**YBRS. ENCIK ADNAN BIN HUSIN**

- Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia (mulai 5 Julai 2021)
- Penggerusi Jawatankuasa Pengambilan Kakitangan
- Penggerusi Jawatankuasa Pensijilan dan Panel Pengesahan Keputusan
- Penggerusi Jawatankuasa Tata tertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Sokongan
- Penggerusi Jawatankuasa Tata tertib Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- Penggerusi Jawatankuasa Rayuan Tata tertib Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Sokongan
- Ahli Jawatankuasa Tetap Pengurusan dan Kewangan
- Ahli Jawatankuasa Naik Pangkat
- Ahli Jawatankuasa Tender
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurusan Risiko



**YBRS. TUAN HAJI MOHD FAUZI  
BIN DATUK HAJI MOHD KASSIM**

- Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia (hingga 4 Julai 2021)



**YBHG. DATO' HAJI  
PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI**

- Pengarah Peperiksaan Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (hingga 15 Oktober 2021)
- Ahli Jawatankuasa Pensijilan dan Panel Pengesahan Keputusan
- Ahli Jawatankuasa Audit



YBHG. PROF. EMERITUS DATUK IR. DR.  
MOHD AZRAAI BIN KASSIM  
• Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA  
(hingga 9 Mac 2021)  
• Ahli Majlis



YBRS. PROF. TS. DR. HAJAH  
ROZIAH BINTI MOHD JANOR  
• Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA  
(mulai 9 Ogos 2021)  
• Ahli Majlis



YBHG. PROF. DATUK DR.  
MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI  
• Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sarawak  
• Ahli Majlis



YBHG. DATO' PROF. DR.  
NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR  
• Naib Canselor UMT  
(hingga 12 April 2021)  
• Ahli Majlis



YBRS. PROF. DR  
MAZLAN BIN ABD. GHAFFAR  
• Naib Canselor  
Universiti Malaysia Terengganu  
(mulai 2 Ogos 2021)  
• Ahli Majlis  
• Ahli Jawatankuasa Pensijilan



YBHG. PROF. DATO' DR.  
MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN  
• Naib Canselor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(hingga 5 Februari 2021)  
• Ahli Majlis  
• Pengerusi Jawatankuasa Audit




YBHG. PROF. DATO' DR.  
MD. AMIN BIN MD. TAFF  
• Naib Canselor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(mulai 24 Jun 2021)  
• Ahli Majlis  
• Pengerusi Jawatankuasa Audit




YBHG. PROF. DATO' DR  
AHMAD BASHAWIR  
• Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
(hingga 25 Ogos 2021)  
• Ahli Majlis




YBHG. PROF. DATO' IR. DR.  
MOHD HAMDI ABD SHUKOR  
• Naib Canselor  
Universiti Malaya  
• Ahli Majlis  
• Pengerusi Jawatankuasa Tender




YBHG. PROF. DATO' TS. DR.  
**NOOR AZIZI BIN ISMAIL**  
• Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan  
(hingga 27 Ogos 2021)  
• Ahli Majlis  
• Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan  
dan Pengurusan Risiko




YBHG. PROF. DATO' DR.  
**HASSAN BASRI BIN AWANG MAT DAHAN**  
• Naib Canselor  
Universiti Sultan Zainal Abidin



YBRS. PROF. IR. TS. DR. R.  
**BADLISHAH BIN AHMAD**  
• Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis  
(hingga 28 Mac 2021)  
• Ahli Majlis




YBRS. LT. KOL. PROF. TS. DR.  
**ZALIMAN BIN SAULI**  
• Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis  
(mulai 9 Ogos 2021)  
• Ahli Majlis




YBRS. PROF. IR. DR.  
**WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF**  
• Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
(hingga 28 Ogos 2021)  
• Ahli Majlis




YBHG. PROF. DATUK WIRA DR.  
**RAHA BINTI ABDUL RAHIM**  
• Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
(hingga 28 Ogos 2021)  
• Ahli Majlis




YBRS. LT. KOL. PROF. TS. DR.  
**ZALIMAN BIN SAULI**  
• Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sabah  
• Ahli Majlis  
• Pengerusi Jawatankuasa Naik Pangkat



YBHG. PROF. DATO' DR.  
**MOHAMED RIDZA WAHIDDIN**  
• Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia  
• Ahli Majlis



YBHG. PROF. DATO' DR.  
**FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN**  
• Naib Canselor  
Universiti Sains Malaysia  
• Ahli Majlis




**YBRS. PROF. DR.  
MOHD ROSLAN BIN SULAIMAN**

- Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia
- Ahli Majlis
- Ahli Jawatankuasa Pengambilan Kakitangan



**YBHG. LT. JEN. DATUK  
HASAGAYA BIN ABDULLAH**

- Naib Canselor  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
- Ahli Majlis




**YBHG. PROF. DATUK TS. DR.  
AHMAD FAUZI BIN ISMAIL**

- Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia  
(mulai 1 Januari 2021)
- Ahli Majlis



**YBHG. PROF. DATO' TS. DR.  
MOHD EKIHWAN BIN HAJI TORIMAN**

- Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(mulai 1 Januari 2021)
- Ahli Majlis



**YBRS. PROF. DR.  
KANTHASAMY A/L NALLUSAMY**

- Ahli Majlis yang dilantik oleh  
Yang Di-Pertuan Agong
- Pensyarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Ahli Jawatankuasa Tetap Pengurusan  
dan Kewangan
- Ahli Jawatankuasa Audit



**YBRS. PROF. MADYA DR.  
ZAINAL AMIN BIN AYUB**

- Ahli Majlis dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong
- Dekan, Pusat Pengajian Undang-Undang  
Universiti Utara Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Rayuan Tataterib dengan Tujuan  
Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Eksekutif,  
Timbalan Ketua Eksekutif, Kumpulan Pengurusan  
Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional,  
dan Kumpulan Sokongan
- Ahli Jawatankuasa Rayuan Tataterib Bukan dengan  
Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua  
Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, Kumpulan  
Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan  
dan Profesional, dan Kumpulan Sokongan
- Ahli Jawatankuasa Pensijilan dan Panel Pengesahan



**YBRS. PROF. MADYA DR.  
ONG CHEE TIONG**

- Ahli Majlis dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong
- Ahli Jawatankuasa Tataterib dengan Tujuan Buang  
Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Eksekutif, Timbalan  
Ketua Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi,  
dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- Ahli Jawatankuasa Tataterib Bukan dengan Tujuan  
Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan  
Pengurusan dan Profesional, dan Kumpulan Sokongan




**YBRS. ENCIK AHMAD FAUZI BIN SUNGIP**

- Ahli Majlis dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong
- Ketua Seksyen Bahagian Perolehan Kerajaan  
Kementerian Kewangan Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Tetap Pengurusan  
dan Kewangan
- Ahli Jawatankuasa Tender




**YBHG. DATUK DR. WORRAN HAJI KABUL**


- Ahli Majlis dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong
- Ahli Jawatankuasa Rayuan Tataterib dengan Tujuan  
Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Eksekutif,  
Timbalan Ketua Eksekutif, Kumpulan Pengurusan  
Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional,  
dan Kumpulan Sokongan
- Ahli Jawatankuasa Rayuan Tataterib Bukan Dengan  
Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat  
bagi Ketua Eksekutif,  
Timbalan Ketua Eksekutif, Kumpulan Pengurusan  
Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional,  
dan Kumpulan Sokongan



**YBRS. PROF. TS. DR HAJI  
MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN**  
• Penolong Naib Canselor  
Pendidikan Berterusan dan Swasta  
Universiti Teknologi MARA  
(hingga 29 Oktober 2021)




**YBRS. PROF. DR.  
HASHIM BIN SAIM**  
• Pensyarah  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
(hingga 4 Mac 2021)




**YBRS. PROF. TS. DR. AZME BIN  
KHAMIS**  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
(UTHM)  
(mulai 5 Mac 2021)




**YBRS. PROF. DR.  
AHMAD HATA BIN RASIT**  
• Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Sarawak




**YBRS. PROF. TS. DR.  
MOHD ZAMRI BIN IBRAHIM**  
• Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Terengganu  
(mulai 7 Januari 2021)




**YBRS. PROF. DR.  
SHAHIMI BIN MOHTAR**  
• Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Utara Malaysia  
(mulai 19 Mei 2021)



**YBRS. PROF. DR.  
KAMILA GHAZALI**  
• Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Malaya  
(hingga 14 November 2021)




**YBRS. PROF. DR.  
MOHD RAFI BIN YAACOB**  
• Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Kelantan  
(hingga 14 Jun 2021)



**YBRS. PROF. DR.  
NIK MAHERAN  
BINTI NIK MUHAMMAD**  
• Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Kelantan  
(mulai 8 September 2021)




**YBRS. PROF. IR. TS. DR.  
MOHD RIZAL BIN ARSHAD**  
• Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Perlis  
(mulai 13 April 2021)




**YBHG. DATO' TS. DR.  
ROSLI NIN MOHD YUNUS**  
• Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Pahang



**YBRS. PROF. DR.  
ZULKIFLIE BIN IBRAHIM**  
• Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
(mulai 19 Mei 2021)

**YBRS. PROF. DR. RASID MAIL**

- Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Sabah

**YBRS. PROF. DR. ABDUL RAHIM BIN ABDUL RAHMAN**

- Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Sains Islam Malaysia (hingga 1 Disember 2021)

**YBRS. PROF. DR. MOHD RADHI IBRAHIM**

- Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
(mulai 2 Disember 2021)

**YBHg. PROF. DATO' DR. AHMAD FARHAN**


- Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Sains Malaysia  
(hingga 4 April 2021)

**VBHG. PROF. DATO' DR. NARIMAH BINTI SAMAT**

- Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Sains Malaysia  
(mulai 8 September 2021)

**YBRS. PROF. DR. M. IQBAL SARIPAN**

- Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Putra Malaysia

**YANG MULIA PROF. EMERITUS DR. TENGKU MOHD BIN TENGKU SEMBOK**

- Felo Penyelidik Kanan  
Pusat Keselamatan Siber dan  
Revolusi Industri Digital  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

**YBRS. PROF. DR. ZAINUDDIN BIN ABDUL MANAN**

- Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Teknologi Malaysia  
(hingga 14 Jun 2021)

**YBRS. PROF. SR. DR. HISHAMUDDIN BIN MOHD ALI**

- Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Teknologi Malaysia  
(mulai 8 September 2021)


**YBHg. PROF. DATO' IR. DR. MOHD MARZUKI MUSTAFA**

- Pensyarah  
Jabatan Kejuruteraan Elektrik,  
Elektronik dan Sistem  
Universiti Kebangsaan Malaysia




# **STRUKTUR ORGANISASI MAJLIS**

# STRUKTUR ORGANISASI MAJLIS



## JAWATANKUASA TETAP PENGURUSAN DAN KEWANGAN



**PENGERUSI**  
**YBHG. PROF. DATUK TS. DR.  
WAHID BIN RAZZALY**

Pengerusi Majlis  
(mulai 10 Mac 2021)

Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



**PENGERUSI**  
**YBRS. PROF. EMERITUS IR. DR. MOHD  
AZRAAI BIN KASSIM**

Pengerusi Majlis  
(hingga 9 Mac 2021)

Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA

**AHLI**

- **YBHG. DATUK YUSRAN SHAH  
BIN MOHD YUSOF**  
Ketua Setiausaha (atau wakil)  
Kementerian Pendidikan Malaysia
- **YBRS. PROF. DR. KANTHASAMY A/L  
NALLUSAMY**  
Ahli Majlis
- **YBRS. ENCIK AHMAD FAUZI BIN SUNGIP**  
Ahli Majlis  
Wakil Perbendaharaan Malaysia
- **TUAN HAJI SUHAIMI B HAMZAH**  
(sehingga 22 september 2021)  
Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam
- **TUAN HAJI SUHAIMI B ALI@AHMAD**  
(mulai 23 september 2021)  
Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam
- **ENCIK ADNAN BIN HUSIN**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 5 Julai 2021)
- **TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN DATUK HAJI  
MOHD KASSIM**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 4 Julai 2021)

**SETIAUSAHA**

**PUAN SUHANA BINTI SADINA ALI, CA**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Kewangan  
Majlis Peperiksaan Malaysia

## FUNGSI JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun. Fungsi utamanya ialah:

**(a) Kewangan**

- (i) menggubal dasar kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia dan memperakukannya kepada Majlis untuk diluluskan;
- (ii) mengkaji, menilai, dan memperakukan kepada Majlis tentang Anggaran Belanjawan, Belanjawan Tambahan, dan Hasil Tahunan Majlis Peperiksaan Malaysia;
- (iii) mencadangkan dan mengemukakan kepada Majlis kadar-kadar bayaran berikut, iaitu:
  - kadar fi atau caj bagi semua jenis peperiksaan,
  - kadar bayaran elaun kepada penjawat yang dilantik mengendalikan dan menyelia pusat peperiksaan,
  - kadar bayaran elaun kepada penjawat yang dilantik mengendalikan pemeriksaan skrip jawapan peperiksaan,
  - kadar bayaran elaun kepada penjawat yang dilantik mengendalikan penggubalan soalan peperiksaan,
  - kadar bayaran elaun kepada ahli-ahli Majlis dan ahli-ahli yang dilantik oleh Majlis untuk menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh Majlis,
  - kadar bayaran perkhidmatan perunding dan perkhidmatan dari dalam dan luar negara,
- (iv) memeriksa kedudukan kewangan, perbelanjaan, dan pendapatan Majlis Peperiksaan Malaysia setiap kali bermesyuarat;
- (v) meneliti draf Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bersama-sama dengan Laporan Juruaudit dan mengemukakan kepada Majlis bersama-sama dengan pandangannya sebelum disampaikan kepada YB Menteri; dan
- (vi) meluluskan perakuan pelupusan stok harta yang nilai asalnya mengikut had yang ditentukan oleh pekeliling Perbendaharaan semasa dan seterusnya melaporkan kepada Majlis.

**(b) Pengurusan**

- (i) mengkaji dan memperakukan kepada Majlis rancangan atau projek pembangunan fizikal Majlis Peperiksaan Malaysia;
- (ii) menggubal dan mencadangkan kepada Majlis dasar, strategi, dan skim berhubung dengan peningkatan profesionalisme staf termasuk merombak struktur organisasi, fungsi bahagian atau unit, dan lain-lain yang seumpamanya;
- (iii) meluluskan bagi pihak Majlis syarat-syarat perkhidmatan serta tanggungjawab dan tugas berkaitan dengan jawatan yang akan diwujudkan dari semasa ke semasa;
- (iv) memperakukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan memaklumkan kepada Majlis perwujudan jawatan baharu;
- (v) menentukan dasar dan peraturan mengenai pengambilan atau pelantikan penasihat pakar luar sama ada penggunaan pakar teknik atau profesional untuk apa-apa urusan yang ada hubung kaitnya dengan tugas Majlis Peperiksaan Malaysia;
- (vi) mengawal secara am pelaksanaan kerja Majlis Peperiksaan Malaysia supaya berjalan sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis dan mengesahkan perubahan yang perlu bagi memperbaiki lagi perjalanan rancangan dengan berkesan;
- (vii) mengkaji dan meluluskan sistem peperiksaan dan perkhidmatan dalam jabatan yang disediakan oleh Urus Setia; dan
- (viii) menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasa lain yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

## JAWATANKUASA TENDER



PENGERUSI  
**YBHG. PROF. DATO' IR. DR. MOHD HAMDI BIN ABD SHUKOR**  
 Naib Canselor  
 Universiti Malaya

## AHLI

- **YBHG. DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF**  
 Ketua Setiausaha (atau wakil)  
 Kementerian Pendidikan Malaysia
- **YBRS. ENCIK AHMAD FAUZI BIN SUNGIP**  
 Ahli Majlis  
 Wakil Perbendaharaan Malaysia
- **ENCIK ADNAN BIN HUSIN**  
 Ketua Eksekutif  
 Majlis Peperiksaan Malaysia  
 (mulai 5 Julai 2021)
- **TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN DATUK HAJI MOHD KASSIM**  
 Ketua Eksekutif  
 Majlis Peperiksaan Malaysia  
 (hingga 4 Julai 2021)

## SETIAUSAHA

**PUAN SUHANA BINTI SADINA ALI, CA**  
 Setiausaha Bahagian  
 Bahagian Pengurusan Kewangan  
 Majlis Peperiksaan Malaysia

## FUNGSI JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah:

- (a) menimbangkan dan meluluskan tender yang bernilai lebih daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) tetapi tidak lebih daripada lima juta ringgit (RM5 juta);
- (b) menimbangkan dan meluluskan tender tertutup daripada pembekal yang dikenal pasti bagi barang-barang tertentu dan diperlukan segera yang nilainya lebih daripada RM50,000.00 tetapi tidak lebih daripada lima juta ringgit (RM5 juta);
- (c) menimbangkan dan memperakukan tender yang bernilai lebih daripada lima juta ringgit (RM5 juta) kepada Majlis;
- (d) menimbangkan dan meluluskan pembelian yang dibuat daripada pembekal tunggal yang tidak mengikut peraturan sebut harga atau tender.

**JAWATANKUASA NAIK PANGKAT**


**PENGERUSI**  
**YBHGS. PROF. DATUK DR.**  
**TAUFIQ YAP YUN HIN**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sabah

**AHLI**

- **Setiausaha Bahagian**  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
- **ENCIK ADNAN BIN HUSIN**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 5 Julai 2021)
- **TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN DATUK HAJI MOHD KASSIM**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 4 Julai 2021)

**SETIAUSAHA**

**ENCIK AHMAD KHAIRUL BIN HARUN**  
Pegawai Tadbir  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Majlis Peperiksaan Malaysia

**FUNGSI JAWATANKUASA**

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah:

- (a) meluluskan dan memaklumkan kepada Majlis pencalonan oleh Urus Setia tentang kenaikan pangkat kakitangan Urus Setia; dan
- (b) menimbangkan dan meluluskan pencalonan oleh Urus Setia tentang pemangkuan dan tanggung kerja kakitangan Urus Setia mengikut pekeliling kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

## JAWATANKUASA TATATERTIB

**A. Tindakan Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat**

- (i) Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional



**PENGERUSI**  
**YBHG. PROF. DATUK TS. DR.  
WAHID BIN RAZZALY**

Pengerusi Majlis  
(mulai 10 Mac 2021 hingga kini)

Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



**PENGERUSI**  
**YBRS. PROF. EMERITUS IR. DR.  
MOHD AZRAAI BIN KASSIM**

Pengerusi Majlis  
(hingga 9 Mac 2021)

Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA

**AHLI**

- **YBHG. DATUK YUSRAN SHAH  
BIN MOHD YUSOF**  
Ketua Setiausaha (atau wakil)  
Kementerian Pendidikan Malaysia
- **YBHG. PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR  
BIN HAJI ABDUL GHANI**  
Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
(hingga 14 September 2021)
- **YBRS. PROF. MADYA DR. ONG CHEE TIONG**  
Ahli Majlis

**SETIAUSAHA**

**ENCIK MUHAMMAD FIQREE SYAMIM  
BIN MD. AMINROL**  
Pegawai Integriti  
Majlis Peperiksaan Malaysia

(ii) Kumpulan Sokongan



## AHLI

- Timbalan Ketua Setiausaha  
(Sumber Manusia)  
Kementerian Pendidikan Malaysia
- Penasihat Undang-undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
- YBHG. PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR  
BIN HAJI ABDUL GHANI  
Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
(hingga 14 September 2021)
- YBRS. PROF. MADYA DR. ONG CHEE TIONG  
Ahli Majlis


## SETIAUSAHA

ENCIK MUHAMMAD FIQREE SYAMIM  
BIN MD. AMINROL  
Pegawai Integriti  
Majlis Peperiksaan Malaysia

## JAWATANKUASA TATATERTIB

## B. Tindakan Tatatertib BUKAN dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat

- (i) Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi



**PENGERUSI**  
**YBHG. PROF. DATUK TS. DR.  
WAHID BIN RAZZALY**

Pengerusi Majlis  
(mulai 10 Mac 2021 hingga kini)

Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



**PENGERUSI**  
**YBRS. PROF. EMERITUS IR. DR.  
MOHD AZRAAI BIN KASSIM**

Pengerusi Majlis  
(hingga 9 Mac 2021)

Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA

### AHLI

- **YBHG. DATUK YUSRAN SHAH  
BIN MOHD YUSOF**  
Ketua Setiausaha (atau wakil)  
Kementerian Pendidikan Malaysia
- **YBHG. PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR  
BIN HAJI ABDUL GHANI**  
Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
(hingga 14 September 2021)
- **YBRS. PROF. MADYA DR. ONG CHEE TIONG**  
Ahli Majlis

### SETIAUSAHA

**ENCIK MUHAMMAD FIQREE SYAMIM  
BIN MD. AMINROL**  
Pegawai Integriti  
Majlis Peperiksaan Malaysia

(ii) Kumpulan Pengurusan dan Profesional



### AHLI

- Timbalan Ketua Setiausaha  
**(Sumber Manusia)**  
Kementerian Pendidikan Malaysia
- **YBHG. PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR BIN HAJI ABDUL GHANI**  
Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
(hingga 14 September 2021)
- **YBRS. PROF. MADYA DR. ONG CHEE TIONG**  
Ahli Majlis

### SETIAUSAHA

**ENCIK MUHAMMAD FIQREE SYAMIM BIN MD. AMINROL**  
Pegawai Integriti  
Majlis Peperiksaan Malaysia

## JAWATANKUASA TATATERTIB

(iii) Kumpulan Sokongan



**PENGERUSI**  
**ENCIK BADRUL HISHAM  
BIN ABDULLAH**

Timbalan Ketua Eksekutif 2  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 23 September 2021)



**PENGERUSI**  
**ENCIK ZAKARIA BIN KAMALUDIN**

Timbalan Ketua Eksekutif 2  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 22 September 2021)

### AHLI

- **Timbalan Ketua Setiausaha  
(Sumber Manusia)**  
Kementerian Pendidikan Malaysia
- **Penasihat Undang-undang**  
Kementerian Pendidikan Malaysia
- **YBHG. PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR  
BIN HAJI ABDUL GHANI**  
Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
(hingga 14 September 2021)
- **YBRS. PROF. MADYA DR. ONG CHEE TIONG**  
Ahli Majlis

### SETIAUSAHA

**ENCIK MUHAMMAD FIQREE SYAMIM  
BIN MD. AMINROL**  
Pegawai Integriti  
Majlis Peperiksaan Malaysia

## BIDANG KUASA DAN PERATURAN MESYUARAT

Rujuk BAHAGIAN I JADUAL KETIGA AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000,  
AKTA 605

## JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

### A. Tindakan Tataterrib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat

- (i) Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional



Pengerusi  
**YB DATUK DR. MOHD RADZI  
BIN MD JIDIN**  
Menteri Kanan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

#### AHLI

- **YBHG. DATUK DR. WORRAN BIN HAJI KABUL**  
Ahli Majlis
- **YBRS. PROF. MADYA DR. ZAINAL AMIN  
BIN AYUB**  
Ahli Majlis

#### SETIAUSAHA

**ENCIK MUHAMMAD FIQREE SYAMIM  
BIN MD. AMINROL**  
Pegawai Integriti  
Majlis Peperiksaan Malaysia



Pengerusi  
**YBHG. DATUK YUSRAN SHAH  
BIN MOHD YUSOF**  
Ketua Setiausaha (atau wakil)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

#### AHLI

- **YBHG. DATUK DR. WORRAN BIN HAJI KABUL**  
Ahli Majlis
- **YBRS. PROF. MADYA DR. ZAINAL AMIN  
BIN AYUB**  
Ahli Majlis

#### SETIAUSAHA

**ENCIK MUHAMMAD FIQREE SYAMIM  
BIN MD. AMINROL**  
Pegawai Integriti  
Majlis Peperiksaan Malaysia

## JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

## B. Tindakan Tatatertib BUKAN dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat

- (i) Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi



PENGERUSI  
**YB DATUK DR. MOHD RADZI  
BIN MD JIDIN**  
Menteri Kanan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## AHLI

- **YBHG. DATUK DR. WORRAN BIN HAJI KABUL**  
Ahli Majlis
- **YBRS. PROF. MADYA DR. ZAINAL AMIN  
BIN AYUB**  
Ahli Majlis

## SETIAUSAHA

**ENCIK MUHAMMAD FIQREE SYAMIM  
BIN MD. AMINROL**  
Pegawai Integriti  
Majlis Peperiksaan Malaysia



PENGERUSI  
**YBHG. DATUK YUSRAN SHAH  
BIN MOHD YUSOF**  
Ketua Setiausaha (atau wakil)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## AHLI

- **YBHG. DATUK DR. WORRAN BIN HAJI KABUL**  
Ahli Majlis
- **YBRS. PROF. MADYA DR. ZAINAL AMIN  
BIN AYUB**  
Ahli Majlis

## SETIAUSAHA

**ENCIK MUHAMMAD FIQREE SYAMIM  
BIN MD. AMINROL**  
Pegawai Integriti  
Majlis Peperiksaan Malaysia

## JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

(iii) Kumpulan Sokongan



Pengerusi  
**ENCIK ADNAN BIN HUSIN**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 5 Julai 2021)



Pengerusi  
**TUAN HAJI MOHD FAUZI  
BIN DATUK HAJI MOHD KASSIM**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 4 Julai 2021)

### AHLI

- **YBHG. DATUK DR. WORRAN BIN HAJI KABUL**  
Ahli Majlis
- **YBRS. PROF. MADYA DR. ZAINAL AMIN  
BIN AYUB**  
Ahli Majlis

### SETIAUSAHA

**ENCIK MUHAMMAD FIQREE SYAMIM  
BIN MD. AMINROL**  
Pegawai Integriti  
Majlis Peperiksaan Malaysia

### FUNGSI JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah:

- menerima, menimbangkan, dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai terhadap keputusan sesuatu Jawatankuasa Tataterib;
- menghantar balik kes tataterib kepada Jawatankuasa Tataterib untuk pertimbangan semula sekiranya perlu;
- mengesahkan keputusan Jawatankuasa Tataterib;
- mengesahkan keputusan Jawatankuasa Tataterib berhubung dengan salah laku pegawai, tetapi mengubah hukuman kepada suatu hukuman yang lebih ringan; atau
- mengakaskan keputusan dan hukuman Jawatankuasa Tataterib dan membebaskan pegawai daripada pertuduhan.

## JAWATANKUASA PENGAMBILAN KAKITANGAN



Pengerusi  
**ENCIK ADNAN BIN HUSIN**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 5 Julai 2021)



Pengerusi  
**TUAN HAJI MOHD FAUZI  
BIN DATUK HAJI MOHD KASSIM**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 4 Julai 2021)

**AHLI**

- **YBRS. PROF. DR. MOHD ROSLAN  
BIN SULAIMAN**  
Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia
- **ENCIK ZAKARIA BIN KAMALUDIN**  
Timbalan Ketua Eksekutif 1  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 23 September 2021)
- **ENCIK BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH**  
Timbalan Ketua Eksekutif 2  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 23 September 2021)

**SETIAUSAHA**

**ENCIK AHMAD KHAIRUL BIN HARUN**  
Pegawai Tadbir  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Majlis Peperiksaan Malaysia

**FUNGSI JAWATANKUASA**

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah:

- (a) memilih dan memperakarkan kepada Majlis untuk kelulusan kakitangan baru kumpulan A dan B;
- (b) memilih dan memaklumkan kepada Majlis kakitangan baru kumpulan C dan D.

**JAWATANKUASA PENSIJILAN DAN PANEL PENGESETAHAN KEPUTUSAN**


**PENGURUSI**  
**ENCIK ADNAN BIN HUSIN**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 5 Julai 2021)



**PENGURUSI**  
**TUAN HAJI MOHD FAUZI  
BIN DATUK HAJI MOHD KASSIM**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 4 Julai 2021)

**AHLI**

- **YBRS. PROF. DR MAZLAN BIN ABD. GHAFFAR**  
Naib Canselor (atau Ahli Gilir)  
Universiti Malaysia Terengganu  
(mulai 2 Ogos 2021)
- **YBHG. DATO' PROF. DR. NOR AIENI  
BINTI HAJI MOKHTAR**  
Naib Canselor (atau Ahli Gilir)  
Universiti Malaysia Terengganu  
(hingga 13 April 2021)
- **YBHG. DATO' HAJI PKHARUDDIN  
BIN HAJI GHAZALI**  
Pengarah Lembaga Peperiksaan (atau wakil)  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
(hingga 15 Oktober 2021)
- **ENCIK ZAKARIA BIN KAMALUDIN**  
Timbalan Ketua Eksekutif 1  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 23 September 2021)
- **ENCIK BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH**  
Timbalan Ketua Eksekutif 2  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 23 September 2021)

- **MR. MARK DOWLING**  
Wakil Cambridge Assessment
- Ketua Pemeriksa tiap-tiap mata pelajaran/kertas yang berkenaan

**TURUT SERTA**

- Pegawai mata pelajaran
- **YBRS. PROF. MADYA DR. ZAINAL AMIN  
BIN AYUB**  
Ahli Majlis
- Ahli lain yang difikirkan perlu

**SETIAUSAHA**

**PUAN SITI RUHANI BINTI HAJI ABU SUJAK**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Penyelidikan dan Dasar Peperiksaan  
Majlis Peperiksaan Malaysia

**FUNGSI JAWATANKUASA**

Jawatankuasa ini bersidang dua kali setahun. Fungsi utamanya ialah:

- (a) menetapkan standard sesuatu kertas dan mata pelajaran; dan
- (b) menganugerahkan gred kertas dan gred mata pelajaran.

## JAWATANKUASA SIASATAN KES SALAH LAKU



PENGERUSI  
**ENCIK ZAKARIA BIN KAMALUDIN**

Timbalan Ketua Eksekutif 1  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 22 September 2021)

### AHLI

Sekurang-kurangnya dua orang pegawai gred 48 dan ke atas bagi setiap kumpulan penyiasat

### SETIAUSAHA

**ENCIK RAGIB BIN AHMAD**  
Ketua Pegawai Keselamatan  
Majlis Peperiksaan Malaysia

### FUNGSI JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan oleh Majlis dan mengikut peraturan seperti yang diperuntukkan dalam Kaedah 10 Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, kaedah-kaedah Majlis Peperiksaan Malaysia (Tatacara Dalam Kes Salah Laku) 1986 bagi calon peperiksaan yang disyaki melakukan salah laku dalam peperiksaan.

## PENGERUSI

Pakar Bidang yang dilantik oleh Majlis

## AHLI

- Wakil-wakil universiti tempatan (mengikut bidang)
- Wakil Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia
- Wakil Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia
- Wakil Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pendidikan Malaysia
- Empat orang wakil guru

## TURUT SERTA

- Timbalan Ketua Eksekutif 1
- Setiausaha Bahagian (Bahagian Sains Sosial dan MUET / Bahagian Sains dan Matematik)

## SETIAUSAHA

Pegawai mata pelajaran berkenaan Majlis Peperiksaan Malaysia

## FUNGSI JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini bersidang apabila ada keperluan. Fungsi utamanya ialah:

- (a) menggubal sukatan pelajaran dan memperakukan kepada Majlis untuk kelulusan;
- (b) menggubal contoh kertas soalan dan memperakukan kepada Majlis untuk kelulusan.

JAWATANKUASA AUDIT



Pengerusi  
**YBHG. PROF. DATO' DR.  
MD. AMIN BIN MD. TAFF**  
Naib Canselor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(mulai 24 Jun 2021)



Pengerusi  
**YBHG. PROF. DATO' DR.  
MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN**  
Naib Canselor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(hingga 5 Februari 2021)

AHLI

- **YBHG. DATO' HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI**  
Pengarah Lembaga Peperiksaan (atau wakil)  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
(hingga 15 Oktober 2021)
- **YBRS. PROF. DR. KANTHASAMY A/L NALLUSAMY**  
Ahli Majlis

TURUT SERTA

- **ENCIK ADNAN BIN HUSIN**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 5 Julai 2021)
- **TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN DATUK HAJI MOHD KASSIM**  
Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 4 Julai 2021)

SETIAUSAHA

**ENCIK MOHD TARMIZI BIN HATI @ MOHD. HADI**  
Juruaudit  
Majlis Peperiksaan Malaysia

## FUNGSI JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun. Fungsi utamanya ialah:

- (a) mengkaji keperluan Unit Audit Dalam termasuk piagamnya;
- (b) mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan dari dalam;
- (c) mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan, serta penyelarasan antara Juruaudit Dalam dan Luar;
- (d) mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Luar dan memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Majlis;
- (e) mengkaji dan menasihati Majlis berhubung dengan penyata kewangan, prospectus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan;
- (f) mengkaji dan menasihati Majlis berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif tentang akti viti yang tertakluk kepada laporan pengauditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis;
- (g) mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Majlis serta tata kelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertelingkahan yang berlaku dalam Majlis Peperiksaan Malaysia;
- (h) memastikan bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan;
- (i) melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa; dan
- (j) melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan sebarang penyelewengan untuk tindakan yang sesuai.

## JAWATANKUASA PELABURAN DAN PENGURUSAN RISIKO



PENGERUSI  
**YBHGS. PROF. DATO' TS. DR.  
NOOR AZIZI BIN ISMAIL**  
 Naib Canselor  
 Universiti Malaysia Kelantan  
 (hingga 27 Ogos 2021)

### AHLI

- **ENCIK ADNAN BIN HUSIN**  
 Ketua Eksekutif  
 Majlis Peperiksaan Malaysia  
 (mulai 5 Julai 2021)
- **TUAN HAJI MOHD FAUZI  
BIN DATUK HAJI MOHD KASSIM**  
 Ketua Eksekutif  
 Majlis Peperiksaan Malaysia  
 (hingga 4 Julai 2021)
- **YBHG. DATUK ZULKARNAIN BIN MD EUPOSE**  
 Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga  
 Berhad
- **PUAN HAJAH NORASHIKIN BINTI MOHD  
KASSIM**  
 Naib Presiden Eksekutif Perbendaharaan  
 Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad  
 Kuala Lumpur
- **TUAN HAJI ABD KADIR SAHLAN**  
 Mantan Ketua Pegawai Pelaburan  
 Jabatan Pelaburan  
 Lembaga Tabung Haji

### SETIAUSAHA

**PUAN SUHANA BINTI SADINA ALI, CA**  
 Setiausaha Bahagian  
 Bahagian Pengurusan Kewangan  
 Majlis Peperiksaan Malaysia

### FUNGSI JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini bersidang dua kali setahun atau jika ada keperluan. Fungsi utamanya ialah:

- (a) membuat cadangan strategi pelaburan berdasarkan dasar pelaburan yang diluluskan oleh Majlis;
- (b) membuat keputusan pelaburan setakat wang dana yang diluluskan oleh Majlis bagi tujuan pelaburan;
- (c) mengawal pelaksanaan kerja pelaburan supaya berjalan sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pelaburan;
- (d) membantu meningkatkan nilai modal pelaburan dalam jangka masa pendek dan panjang;
- (e) menasihati Majlis tentang perkembangan atau perubahan dalam keadaan ekonomi dan perniagaan yang akan mempengaruhi prestasi pelaburan; dan
- (f) menimbangkan, mengkaji, dan memaklumkan kepada Majlis laporan mengenai kedudukan pelaburan dari semasa ke semasa.





# PERUTUSAN PENGERTASI



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰى وَبَرَكَاتُهُ

Dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bersama dengan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Ini merupakan laporan pertama saya sebagai Pengerusi MPM sejak memegang jawatan ini pada 10 Mac 2021. Saya amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. atas pelantikan ini dan berasa amat bertuah dapat berganding buku bersama-sama dengan KPM dan juga Ahli Majlis serta warga kerja MPM dalam bidang pentaksiran dan penilaian. Pada kesempatan ini, saya menjunjung kasih atas perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah atas perkenan baginda melantik patik sebagai Pengerusi MPM yang ke-14.

## KEJAYAAN

### Pentaksiran dan Penilaian

Pada tahun 2021, MPM telah membuat penjadualan semula takwim pengoperasian MPM kerana pandemik COVID-19 masih menular dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih berkuatkuasa. Penjadualan semula takwim pengoperasian MPM ini bagi membolehkan MPM mengatur semula pelbagai aspek logistik berkaitan dengan pelaksanaan peperiksaan di bawah kendalian MPM. Justeru, MPM telah berjaya melaksanakan kesemua peperiksaan yang ditangguhkan pada tahun 2020 hasil daripada perancangan teliti dan komitmen tinggi pihak pengurusan, warga kerja dan semua penjawat MPM yang terlibat serta Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Peperiksaan dan ujian yang telah ditangguhkan pada tahun 2020 telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2021, iaitu peperiksaan Semester 3, Ulangan 1 dan Ulangan 2 STPM 2020 dan Semester 1 STPM 2021, Ujian MUET Sesi 2 2020, Ujian MUET on Demand (MoD) Sesi Oktober 2020, Peperiksaan MedEx 2020, dan ujian CEFR Readiness (K2). Kesan penangguhan peperiksaan STPM 2020 ke tahun 2021 dan pelaksanaan PKP, maka peperiksaan Semester 3, Ulangan 1, Ulangan 2 STPM 2021, Semester 1 STPM 2022, dan MUET Sesi 3 telah dijadualkan pada tahun 2022.

Pencapaian yang ditunjukkan oleh calon dalam peperiksaan STPM 2021 amat menggalakkan. Secara keseluruhannya, pencapaian PNGK calon peperiksaan STPM 2021 ialah 2.79 meningkat sebanyak 0.01 mata berbanding dengan pencapaian PNGK STPM 2020 sebanyak 2.78.

Bagi ujian MUET Sesi 1 2021 dan MoD Sesi April 2021, format ujiannya telah menggunakan Sukatan dan Spesifikasi MUET selaras dengan CEFR. Secara keseluruhannya, prestasi pencapaian calon yang mendapat band 4 dan ke atas adalah amat menggalakkan dan tahniah saya ucapkan kepada calon-calon yang telah menduduki ujian ini. Laporan dan statistik pencapaian yang lebih lanjut boleh diteliti pada halaman Laporan Peperiksaan dalam buku laporan tahunan ini.

Selain itu, buat julung kalinya pada tahun 2021, MPM telah berjaya mentadbirkan ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW) secara dalam talian bagi kesemua empat komponen ujian, iaitu Kemahiran Menulis (600/1), Kemahiran Membaca (600/2), Kemahiran Mendengar (600/3), dan Kemahiran Bertutur (600/4). Ujian ini telah berjaya diadakan pada 26 Disember 2021. Kaedah pemeriksaan bagi kertas Kemahiran Menulis (600/1) dan Kemahiran Bertutur (600/4) ujian ini juga buat pertama kalinya dilaksanakan secara dalam talian oleh pemeriksa-pemeriksa yang dilantik oleh MPM.

Pada tahun 2021 juga, MPM buat julung kalinya telah berjaya melaksanakan Ujian Imtihan Al-Kafaah Li Al-Lughah Al-Arabiyyah (IKLA) kepada para pelajar baharu ambilan tahun 2021 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ujian ini merupakan ujian kompetensi bahasa Arab yang diwajibkan oleh pihak USIM bagi menentukan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di USIM. Kesemua komponen ujian IKLA, iaitu Kemahiran Mendengar (500/1), Kemahiran Membaca (500/2), Kemahiran Menulis (500/3), dan Kemahiran Bertutur (500/4) telah diuji secara dalam talian dan kaedah pemeriksaan bagi kertas Kemahiran Menulis (500/3) dan Kemahiran Bertutur (500/4) telah dilaksanakan secara dalam talian.

MPM sekali lagi telah diberikan kepercayaan oleh Majlis Dekan Perubatan Universiti Awam Malaysia untuk mengendalikan peperiksaan pra-kemasukan ijazah lanjutan perubatan (MedEx) kepada para doktor yang sedang dalam perkhidmatan yang ingin melanjutkan pelajaran pada peringkat Sarjana (Master) di universiti awam (UA) Malaysia pada tahun ini. Sebanyak 17 kertas telah ditawarkan kepada calon bagi peperiksaan MedEx pada tahun 2021 dengan kesemua kertas peperiksaan ini telah diuji secara dalam talian dan pengawasan calon sepanjang peperiksaan turut dilakukan secara dalam talian oleh pegawai-pegawai MPM.

## **Prestasi Kewangan**

Secara keseluruhannya, MPM telah berjaya mengurus operasi tahun 2021 seperti yang dirancangkan, walaupun dikenakan sekatan terhadap geran daripada Kerajaan. Dalam hal ini, MPM senantiasa mengamalkan pengurusan kewangan yang berstrategik sebagai petunjuk utama dalam menjamin kemampuan kewangan yang lestari menerusi amalan perbelanjaan berhemah dengan mengoptimumkan kos, tanpa menjadikan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

Pada tahun 2021, MPM mencatatkan pendapatan sebanyak RM52,113,184 berbanding dengan RM29,697,422 pada tahun 2020, iaitu meningkat sebanyak RM22,415,762 atau 75%. Peningkatan ini adalah hasil daripada peperiksaan/ujian yang dapat MPM laksanakan berbanding tahun 2020 meskipun sekatan Geran Kerajaan kepada MPM bagi menggantikan yuran peperiksaan STPM yang dikecualikan pembayarannya bagi calon sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan, iaitu daripada RM15,000,000 pada tahun 2020 kepada RM10,000,000 pada tahun 2021.

Daripada pendapatan yang berjumlah RM52,113,184 tersebut, sebanyak RM10,000,000 adalah hasil daripada urus niaga bukan pertukaran, iaitu geran mengurus daripada Kerajaan yang merupakan wang gantian semula yuran STPM yang dikecualikan kepada calon sekolah Kerajaan. RM36,981,230 pula adalah hasil daripada urus niaga pertukaran yang terdiri daripada yuran dan caj peperiksaan. Manakala sebanyak RM5,131,954 adalah hasil daripada faedah dan dividen, jualan penerbitan, dan pelbagai serta daripada pendapatan lain dan terimaan bukan hasil.

Dari segi perbelanjaan, sebanyak RM51,363,610 telah dibelanjakan untuk membiayai kos operasi MPM pada tahun 2021 berbanding dengan RM41,373,517 pada tahun 2020, dengan peningkatan perbelanjaan sebanyak 23%. Pada tahun 2021, MPM telah mencatatkan lebihan sebanyak RM749,574.

Dari segi aset bukan semasa, jumlahnya adalah sebanyak RM39,020,411 berbanding dengan RM39,680,480 pada tahun 2020, iaitu menurun sebanyak RM660,069 (2%). Penurunan ini adalah impak daripada penyusutan nilai tahunan aset tetap, iaitu bangunan, perabot, kenderaan, dan peralatan ICT. Jumlah aset semasa pula adalah sebanyak RM205,434,161 berbanding dengan RM215,695,515 pada tahun 2020, iaitu menyusut sebanyak RM10,261,354 (5%) kerana pengeluaran deposit tetap, iaitu rizab tunai bagi menampung perbelanjaan operasi.

## **Prospek Masa Hadapan MPM**

Pandemik COVID-19 telah mengubah landskap dalam banyak sektor, termasuklah sektor pendidikan yang merangkumi bidang pentaksiran. Ia memberi kesan yang sangat besar kepada sistem pendidikan, bukan sahaja di Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Oleh yang demikian, MPM sebagai badan pentaksiran perlu memperkemaskan sistem penyampaian pentaksirannya bagi menyesuaikan diri dengan norma baharu dengan membabitkan lebih banyak sistem automasi dalam talian serta bagi memenuhi keperluan semasa berkaitan dengan teknologi.

Insya-Allah, mulai tahun hadapan, MPM akan mempertingkatkan dan memperkasakan lagi kualiti perkhidmatan dengan memperbanyakkan perkhidmatan secara elektronik dan mentransformasikan perkhidmatan atas talian MPM secara menyeluruh.

Melangkah ke hadapan, MPM akan mengenalpasti semua cabaran yang mendarat dan akan merangka pelan strategik bagi menanganinya bersesuaian dengan situasi dan keadaan sosio-ekonomi semasa. Dalam konteks pentaksiran, MPM telah meneroka kaedah pentaksiran alternatif dan pentaksiran fleksibel, selaras dengan Scenario Planning MPM dalam buku Merisik Masa Hadapan MPM, iaitu antaranya e-marking dengan pemeriksa memeriksa secara dalam talian, dan melaksanakan ujian MUET di luar negara seperti Indonesia. Insya-Allah, MPM akan mengorak langkah ke negara antarabangsa yang lain pada masa hadapan.

Saya yakin dengan barisan Ahi Majlis yang komited, barisan pengurusan yang berwibawa, dibantu oleh pasukan kerja yang berdedikasi, MPM mampu mengalas tanggungjawab yang semakin mencabar dalam bidang pentaksiran kini. Saya juga yakin MPM akan mampu meneroka kaedah pentaksiran baharu dalam pasca COVID-19 ini dengan terus memastikan operasinya mematuhi piawaian yang ditetapkan melalui dasar dan piawaian tadbir urus korporat yang ketat lagi berhemat, pengurusan risiko yang mantap, ISO, dan berlandaskan mandat Akta penubuhannya

## **Penghargaan**

Saya berasa amat bangga dengan prestasi kecemerlangan yang dicapai oleh MPM dari semasa ke semasa sejak ditubuhkan pada tahun 1982 hingga kini. Sebagai sebuah badan Pentaksiran, MPM telah berjaya menguruskan pelbagai jenis Peperiksaan selain Peperiksaan STPM. Mulai tahun 2019 MPM telah mengembangkan lagi sayapnya dengan mengendalikan Ujian MUET di luar negara.

Pada tahun 2021 telah banyak peperiksaan kendalian MPM diuruskan secara dalam talian. Semua ini merupakan indeks prestasi kepada kejayaan MPM sebagai badan peperiksaan dan Pentaksiran.

Permintaan yang semakin meningkat daripada organisasi luar untuk MPM mengendaliakan peperiksaan mereka menunjukkan MPM mempunyai kredibiliti dan komitmen yang tinggi dalam menguruskan Peperiksaan dan Pentaksiran. Keprihatinan dan sokongan yang berterusan daripada semua pihak berkepentingan terutamanya YB Menteri Kanan Pendidikan , Kementerian Pendidikan Malaysia, dan Kementerian Pengajian Tinggi yang telah membantu MPM mencapai anjakan paradigm daripada sebuah badan Pentaksiran yang hanya mengendalikan peperiksaan dalam negara sahaja suatu ketika dahulu kini telah menerobos pasaran luar negara.


Dalam kesempatan ini , saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang masih berkhidmat atau yang sudah menamatkan perkhidmatan atas jasa bakti menyumbangkan ide-ide yang berasas dan sentiasa menyuntik aspirasi dan motivasi untuk terus berjaya kepada pihak Pengurusan MPM dan warga MPM.

Akhir sekali, saya berharap agar warga MPM akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti dan inovasi dalam bidang Peperiksaan dan Pentaksiran bagi merealisasikan MPM sebagai sebuah badan peperiksaan yang unggul dan bertaraf dunia dan global.

Saya juga mendoakan agar usaha kita ini akan sentiasa diberkati Allah SWT dan segala yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.



YBHG. PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY  
Pengerusi  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



URUS SETIA


# CARTA ORGANISASI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**KETUA EKSEKUTIF**

JUSA B (VU6)

**TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF 1**  
**JUSA C (VU7)**

Sektor Penyelidikan, Pembinaan,  
dan Pengujian



**UNIT PERHUBUNGAN AWAM**

Pegawai Perhubungan  
Awam (S44)


**UNIT UNDANG-UNDANG**

Pegawai Undang-undang  
(L48)



## TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF 2 (DG54)

Sektor Pentadbiran Am, Kewangan,  
dan Pengendalian Peperiksaan



# PEGAWAI UTAMA MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



**Duduk (dari kiri):**

Ahmad Kamal bin Haji Abdul Hadi (Setiausaha Bahagian Percetakan Keselamatan), Encik Zakaria bin Kamaludin (Timbalan Ketua Eksekutif 1), Encik Adnan bin Husin (Ketua Eksekutif), Encik Badrul Hisham bin Abdullah (Timbalan Ketua Eksekutif 2), Puan Nor Azma binti Abu Bakar (Setiausaha Bahagian Sains dan Matematik).

**Berdiri barisan tengah (dari kiri):**

Puan Siti Ruhani binti Hj Abu Sujak (Setiausaha Bahagian Penyelidikan dan Dasar Peperiksaan), Puan Aswardati binti Yaakub (Setiausaha Bahagian Sains Sosial dan MUET), Puan Nor Qaily binti Sa'ari (Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat), Puan Sharifah Norsana binti Syed Abdullah (Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET), Encik Azman bin Hussein (Setiausaha Bahagian Pembinaan & Pengendalian Kompetensi), Encik Ahmad Khairul bin Harun (Pegawai Tadbir).

**Berdiri barisan belakang (dari kiri):**

Encik Mohamad Khairul Asyraf bin Mohd Fauzi (Wakil Setiausaha Bahagian Pengurusan Kewangan), Encik Muhammad Fiqree Syamim bin Md. Aminrol (Pegawai Undang-Undang), Encik Mohd Tarmizi bin Hati @ Mohd Hadi (Juruaudit Dalam), Encik Muhamad Syafiq bin Mohd Tyeb (Pegawai Perhubungan Awam), Puan Nur Khairunisa binti A Aziz (Penolong Pegawai Tadbir 1 – turut serta).

## PERJAWATAN

Jumlah perjawatan MPM hingga 31 Disember 2021 ialah 176. Jumlah jawatan yang diisi sebanyak 170. Pecahan perjawatan MPM mengikut kumpulan adalah seperti yang berikut:

Kumpulan Perjawatan	Bilangan Jawatan		
	Peruntukan Sedia Ada	Bilangan Jawatan Diisi	Kosong
Pengurusan Tertinggi (VU7)	2	2	-
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - 54)	59	57	2
Kumpulan Pelaksana 1B (Gred 27 - 40)	22	22	-
Kumpulan Pelaksana 1C (Gred 17 - 26)	70	69	1
Kumpulan Pelaksana 2 (Gred 1 - 16)	23	20	3
JUMLAH	176	170	6

# PEGAWAI UTAMA MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**ENCIK ADNAN BIN HUSIN**

Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 5 Julai 2021)

Timbalan Ketua Eksekutif 1  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 4 Julai 2021)



**TUAN HAJI MOHD FAUZI  
BIN DATUK HAJI MOHD  
KASSIM**

Mantan Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 4 Julai 2021)

**ENCIK ZAKARIA  
BIN KAMALUDIN**

Timbalan Ketua Eksekutif 1  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 23 September 2021)

Timbalan Ketua Eksekutif 2  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(hingga 22 September 2021)



**ENCIK BADRUL HISHAM  
BIN ABDULLAH**

Timbalan Ketua Eksekutif 2  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
(mulai 23 September 2021)

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Sains Sosial dan MUET  
(hingga 22 September 2021)




**ENCIK AHMAD KAMAL  
BIN HAJI ABDUL HADI**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Percetakan  
Keselamatan



**PUAN SHARIFAH  
NORSANA BINTI  
SYED ABDULLAH**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengendalian  
STPM dan MUET



**PUAN NOR AZMA  
BINTI ABU BAKAR**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Sains dan  
Matematik



**PUAN NOR QAILY  
BINTI SA'ARI**

Pengurus  
Bahagian Teknologi Maklumat



**PUAN SUHANA  
BINTI SADINA ALI**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan



**PUAN ASWARDATI  
BINTI YAAKUB**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Sains Sosial  
dan MUET  
(mulai 23 September 2021)



**ENCIK AZMAN  
BIN HUSSEIN**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pembinaan dan  
Pengendalian Kompetensi



**PUAN SITI RUHANI  
BINTI HAJI ABU SUJAK**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Penyelidikan  
dan Dasar Peperiksaan

**TUAN HAJI KHAWARI  
BIN HAJI IDRIS**

Pegawai  
Perhubungan Awam  
(hingga 15 Mei 2021)



**ENCIK RAGIB  
BIN AHMAD**

Ketua Pegawai  
Keselamatan



**ENCIK MUHAMAD  
SYAFIQ BIN MOHD  
TAYEB**

Pegawai Perhubungan Awam  
(mulai 15 Oktober 2021)



ENCIK AHMAD  
KHAIRUL BIN HARUN

Pegawai Tadbir



ENCIK MOHD  
TARMIZI BIN HATI @  
MOHD. HADI


Juruaudit Dalam



ENCIK MUHAMMAD  
FIQREE SYAMIM  
BIN MD. AMINROL


Pegawai Integriti





# KAWALAN DALAMAN DAN JAMINAN KUALITI PENGURUSAN

## STRUKTUR KAWALAN DALAMAN DAN JAMINAN KUALITI PENGURUSAN



## MAJLIS

Badan tertinggi yang menentukan dasar dan membuat keputusan di MPM ialah Lembaga Pengelola MPM yang dikenali sebagai Majlis. "Majlis" akan bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun. Mengikut Seksyen 7(1) Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225], tugas Majlis ialah mengelolakan, tertakluk kepada dan mengikut akta ini, peperiksaan-peperiksaan tertentu dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan peperiksaan itu, termasuklah:

- (a) menyediakan dan menerbitkan sukatan-sukatan pelajaran peperiksaan;
- (b) menyediakan kertas-kertas peperiksaan;
- (c) menerima masuk atau mendaftar calon-calon; dan
- (d) menganugerahkan sijil-sijil.

## JAWATANKUASA MAJLIS

Untuk melaksanakan fungsi Majlis dan memastikan sistem kawalan dalaman Majlis adalah tekal dan cekap, Majlis telah menujuhkan sepuluh jawatankuasa dengan fungsi masing-masing seperti yang berikut:

- (i) Jawatankuasa Tetap Pengurusan dan Kewangan  
(dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia)
- (ii) Jawatankuasa Tender  
(dipengerusikan oleh Naib Canselor Universiti Malaya)
- (iii) Jawatankuasa Naik Pangkat  
(dipengerusikan oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah)
- (iv) Jawatankuasa Tata tertib buat pecahan  
(dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia)
- (v) Jawatankuasa Pengambilan Kakitangan  
(dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia)
- (vi) Jawatankuasa Pensijilan dan Panel Pengesahan Keputusan  
(dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia)
- (vii) Jawatankuasa Siasatan Kes Salah Laku  
(dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif 1, Majlis Peperiksaan Malaysia)
- (viii) Jawatankuasa Sukatan Pelajaran Peperiksaan  
(dipengerusikan oleh Pakar Bidang yang dilantik oleh Majlis)
- (ix) Jawatankuasa Audit  
(dipengerusikan oleh Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris)
- (x) Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurusan Risiko  
(dipengerusikan oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan)

## URUS SETIA

Untuk menjamin dasar-dasar yang diputuskan oleh sepuluh jawatankuasa tersebut, Urus Setia yang diketuai oleh Ketua Eksekutif dengan kekuatan 176 orang kakitangan telah memberikan komitmen yang tinggi bagi melaksanakannya. Urus Setia telah mengatur strategi agar semua tugas dilaksanakan mengikut piawaian, prosedur, kualiti, integriti, dan keberhasilan yang telah ditentukan. Untuk itu, Urus Setia telah melaksanakan ISO 9001:2015, bekerjasama dengan badan luar, melaksanakan amalan budaya korporat, audit dalaman, dan audit luaran. Status pelaksanaan akan dilaporkan kepada jawatankuasa yang berkenaan untuk mendapatkan pandangan sekiranya perlu.

## ISO 9001:2015

Ketua Eksekutif telah mengarahkan tugas harian yang dilaksanakan oleh kakitangan MPM didokumenkan. Ini bertujuan untuk menjamin mutu dan hasil kerja dilaksanakan mengikut piawaian oleh kesemua kakitangannya. MPM telah dianugerahkan Sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 bagi pengurusan STPM dan MUET daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan The International Certification Network (IQNet) (nombor sijil QMS01934) sejak 12 Disember 2008 dan sijil yang terkini telah diperoleh pada 15 Oktober 2020 dan tempoh sah sijil ini adalah sehingga 31 Julai 2023.

Untuk menjamin ketekalan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ini, Ketua Eksekutif akan sentiasa berusaha secara berterusan untuk membuat penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti MPM yang meliputi proses penggubalan sukatan pelajaran peperiksaan sehingga proses pengeluaran sijil STPM dan MUET, berasaskan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015. Antara tindakan yang diambil termasuklah:

- Memastikan semua pegawai dan kakitangan MPM memahami dan menghayati perihal pentingnya kehendak pelanggan dan peraturan tentang pengendalian peperiksaan STPM sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225] pindaan 2006;
- Mewujudkan dan meluluskan Dasar dan Objektif Kualiti MPM (Manual Kualiti klausa 5.2 dan 6.2), dan memastikan bahawa pegawai dan kakitangan MPM sentiasa memahami Dasar dan Objektif Kualiti MPM;
- Mengadakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan sekurang-kurangnya satu kali dalam 12 bulan; dan
- Memastikan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti MPM disediakan dan melakukan penambahbaikan secara berterusan.

## KERJASAMA DENGAN BADAN PENTAKSIRAN ANTARABANGSA DAN KAWALAN STANDARD

Bagi mengekalkan standard STPM pada tahap prauniversiti, MPM bekerjasama dengan semua universiti awam tempatan dalam bidang penggubalan Sukatan Pelajaran Peperiksaan, pembinaan kertas soalan, pemeriksaan skrip jawapan, dan penetapan standard bagi peperiksaan STPM. Bagi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa, MPM bekerjasama dengan Cambridge Assessment International Education (CAIE), UK dalam bentuk bantuan kepakaran bagi penetapan standard STPM dan juga mendapatkan nasihat kepakaran dalam bidang pentaksiran daripada mereka. Dalam urusan penetapan standard ini, pihak CAIE menghantar wakilnya dalam mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan untuk menetapkan standard peperiksaan STPM. Di samping itu, MPM juga ialah ahli International Association of Educational Assessment (IAEA) untuk membolehkan MPM mengikuti perkembangan terkini dalam aspek pembangunan sukan pelajaran peperiksaan dan pentaksiran pendidikan serta berkongsi pengetahuan dalam bidang pentaksiran. Kerjasama dengan Badan Pentaksiran Antarabangsa dan Kawalan Standard

Bagi mengekalkan standard STPM pada tahap prauniversiti, MPM bekerjasama dengan universiti awam, universiti swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dan industri dalam penggubalan Sukatan Pelajaran Peperiksaan. Manakala, dalam pembinaan kertas soalan dan pemeriksaan skrip jawapan bagi peperiksaan STPM, MUET, dan SKBMW, MPM bekerjasama dengan pakar daripada universiti awam, universiti swasta, dan KPM. Bagi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa, MPM bekerjasama dengan Cambridge Assessment International Education (CAIE), UK dalam bentuk bantuan kepakaran bagi penetapan standard STPM dan juga mendapatkan nasihat kepakaran dalam bidang pentaksiran daripada mereka. Dalam urusan penetapan standard ini, pihak CAIE menghantar wakilnya dalam mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan untuk menetapkan standard STPM sejak tahun 1982. Di samping itu,



**Cambridge Assessment  
International Education**

MPM juga ialah ahli International Association of Educational Assessment (IAEA) untuk membolehkan MPM mengikuti perkembangan terkini dalam aspek pembangunan Sukatan Pelajaran Peperiksaan dan pentaksiran pendidikan serta berkongsi pengetahuan dalam bidang pentaksiran.

Seperti pada tahun 2020, bagi tahun 2021, Persidangan Tahunan IAEA masih tidak dapat dianjurkan kerana penularan wabak COVID-19 masih berlaku di seluruh dunia.

### **AUDIT DALAM**

Unit Audit Dalam diberi tanggungjawab menjalankan tugas audit kewangan dan audit pengurusan dengan bidang tugas seperti berikut:

- (i) Menilai pelaksanaan perancangan, penyeliaan, arahan dan pengawalan berdasarkan dasar, arahan dan peraturan pengurusan telah dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan objektif dan amalan pengurusan yang baik.
- (ii) Mengkaji sistem sedia ada untuk memastikan ia selaras dengan dasar dan peraturan terutamanya bidang yang mempunyai kesan terhadap operasi serta menentukan sama ada organisasi mematuhi jika perlu, mencadangkan dasar yang sesuai.
- (iii) Menentukan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengawas operasi.
- (iv) Mengkaji ketepatan dan kesahihan maklumat kewangan.
- (v) Mengkaji cara yang sesuai untuk melindungi aset dan mengesahkan kewujudan aset tersebut.
- (vi) Menilai faedah dan keberkesanan penggunaan sumber yang ada, mengenal pasti peluang untuk meningkatkan penggunaan sumber serta mencadangkan cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan.
- (vii) Mengkaji perjalanan organisasi dan perlaksanaan program untuk memastikan sama ada hasilnya selaras dengan objektif yang telah ditentukan, dan sama ada ia telah dilaksanakan seperti mana yang dirancang.
- (viii) Menyelaras tugas Unit Audit Dalam dengan Audit Luar.
- (ix) Melaporkan kepada pihak pengurusan tentang kakitangan yang didapati melakukan penyelewengan dan kakitangan yang sepatutnya mengambil tindakan di atas sesuatu teguran audit.
- (x) Menilai semua rancangan dan tindakan yang telah diambil selaras dengan teguran audit mengenainya .
- (xi) Pemeriksaan mengejut tidak berjadual panjar wang runcit.

Urus Setia juga menjalankan audit dalaman sistem pengurusan kualiti ISO 9001:2015 sekali setahun. Tujuan pengauditan adalah untuk menilai keberkesanannya pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti supaya memenuhi perkara-perkara yang berikut:

- Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti adalah selaras dengan perancangan kualiti dan Objektif kualiti MPM.
- Sistem Pengurusan Kualiti dilaksanakan dan disenggarakan dengan berkesan. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti adalah selaras dengan kehendak ISO 9001:2015.
- Kelemahan dalam Sistem Pengurusan Kualiti termasuk masalah yang berpotensi untuk berlaku dan proses yang boleh dikesan.
- Penemuan audit terdahulu diambil tindakan pembetulan yang berkesan.
- Ruang untuk penambahbaikan yang berterusan dan meningkatkan keberkesanannya proses utama dapat dikenal pasti.

Audit Dalaman dijalankan mengikut jadual yang dirancang oleh Juruaudit Dalam, dan laporan audit dalaman dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

## AUDIT LUAR

MPM telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit luar terhadap pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 di MPM. Proses audit luar bermula dengan pelaksanaan audit dokumen terhadap empat peringkat dokumen, iaitu manual kualiti, prosedur kerja, arahan kerja, dan rekod. Seterusnya, bagi memastikan keberkesanannya pelaksanaan sistem pengurusan kualiti, satu audit pematuhan dilaksanakan setelah sekurang-kurangnya satu audit kualiti dalaman dan satu mesyuarat kajian semula pengurusan dijalankan selepas pelaksanaan audit dokumen. Pensijilan ISO 9001:2015 telah dianugerahkan kepada MPM selepas berjaya mematuhi standard ISO yang ditetapkan dan lulus dalam audit pematuhan yang dijalankan.



MPM juga diaudit oleh Jabatan Audit Negara dua tahun sekali. Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan MPM dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang ditetapkan. Selain itu, MPM juga diaudit oleh syarikat audit bertauliah yang dilantik oleh Jabatan Audit Negara setiap tahun. Tujuan audit ini adalah untuk menjamin pengurusan kewangan, akaun, dan pelaburan MPM dikendalikan mengikut piawaian kewangan. Pengauditan juga dijalankan dengan meneliti Akta MPM, peraturan kewangan, minit mesyuarat, dan memeriksa rekod berkaitan

dengan pengurusan MPM bagi tahun yang berkenaan. Di samping itu, perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai yang berkenaan. Analisis prestasi kewangan pula disediakan berdasarkan penyata kewangan MPM bagi tahun berakhir 31 Disember tahun yang tersebut.

Dalam aspek bahasa, MPM juga boleh diaudit secara rawak oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Audit Bahasa diadakan dengan tujuan menjamin kualiti penggunaan Bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran selaras dengan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.



Dari aspek keselamatan pula, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri akan melaksanakan Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan setiap dua tahun sekali di MPM. Inspektorat ini bertujuan untuk mempertingkatkan tahap keselamatan perlindungan di semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan bagi menjaga kerahsiaan dan aset kerajaan supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat di samping melakukan penilaian bagi Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan yang diadakan dua tahun sekali bagi tiga kategori iaitu lima bintang (cemerlang), empat bintang (baik) dan tiga bintang (memuaskan). Asas penilaian anugerah itu adalah berdasarkan empat komponen iaitu komitmen pengurusan, keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan peribadi. MPM pernah menerima Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2016 dan Tahun 2014 dengan Empat Bintang daripada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.

MPM juga diperiksa oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang melaksanakan Inspektorat Pemeriksaan Premis bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988.



## PELAN ANTIRASUAH NASIONAL

Pelan Antirasuah Nasional telah diwujudkan berdasarkan keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 8 Jun 2018, yang mana telah memutuskan bahawa satu pelan antirasuah yang menyeluruh perlu dirangka dengan segera untuk menangani isu berkaitan rasuah di negara ini. Pelan ini telah dilancarkan pada 29 Januari 2019 dan dibangunkan bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Pelan ini dibuat berdasarkan enam strategi yang akan diberi keutamaan berdasarkan kepada enam sektor utama merangkumi sektor politik, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, pentadbiran sektor awam, perundangan dan kehakiman serta tadbir urus korporat. Terdapat 115 inisiatif yang telah digariskan di dalam pelan ini dengan wawasan agar dapat dilaksanakan dan dicapai dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2019-2023.

Pelan Antirasuah Kementerian Pendidikan Malaysia telah dilancarkan pada 25 Februari 2020 di Putrajaya. Berdasarkan enam sektor atau bidang utama yang telah dikenalpasti dalam Pelan Antirasuah Nasional dalam menilai risiko rasuah, tiga bidang telah dikenalpasti sebagai bidang keutamaan yang cenderung kepada rasuah di KPM, iaitu pentadbiran sektor awam, perolehan awam serta tadbir urus korporat dan sebanyak 39 inisiatif telah dikenalpasti dan disenaraikan dalam pelan ini. Pelan Antirasuah KPM diformulakan bertujuan membantu KPM membangunkan Pelan Strategi Antirasuah secara lebih berfokus dengan menggariskan penyataan masalah, mekanisma pendekatan dan inisiatif serta program-program yang relevan dalam usaha memperkuuhkan pelan pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan di KPM. Pelan Antirasuah KPM dibangunkan dan digubal berdasarkan beberapa strategi utama iaitu

- Membangunkan pelan dengan menekankan governans, integriti dan antirasuah dalam KPM
- Memerangi rasuah di semua peringkat KPM selari dengan semangat dokumen panduan utama iaitu Pelan Antirasuah Nasional (NACP)
- Menganalisi data, mengenal pasti konteks, pengurusan risiko rasuah, perancangan scenario penggubalan pelan, pemantauan dan penilaian bagi setiap tindakan.

## **PELAN PENGURUSAN RISIKO MPM**

MPM telah mewujudkan Pelan Pengurusan Risiko MPM pada 6 Januari 2018 selaras dengan keperluan ISO 9001:2015, iaitu klausula 6.1 yang memerlukan organisasi menyatakan risiko dan peluang.

MPM juga telah mengenal pasti dan mengkaji setiap isu dalaman serta isu luaran yang berkemungkinan mendarangkan risiko kepada MPM. Isu dalaman dan luaran ini telah menjadi peluang untuk MPM bagi menjana peperiksaan selain peperiksaan STPM dan MUET. Hasil isu dalaman dan luaran ini, satu Daftar Risiko dan Daftar Peluang telah dihasilkan.

## **PEKELILING/PERATURAN KERAJAAN**

Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan, MPM pada dasarnya tertakluk kepada pekeliling/peraturan kerajaan. Walau bagaimanapun, menurut Seksyen 16(f) dalam Akta Parlimen Akta Majlis Peperiksaan Malaysia [Akta 225], Majlis dengan kelulusan Menteri boleh menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut mana-mana peraturan, kaedah, dasar, surat pekeliling, dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

## **AMALAN BUDAYA KORPORAT**

Urus Setia juga mengamalkan budaya korporat untuk meningkatkan keberkesanan tadbir urusnya. Bagi tujuan ini, Urus Setia telah menujuhkan jawatankuasa seperti yang berikut:

- Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) yang bersidang sekurang-kurangnya tiga kali setahun
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) yang bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun
- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat (JPICT) yang bersidang sekurang-kurangnya tiga kali setahun
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JPAK) yang bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun
- Mesyuarat Pengurusan MPM yang bersidang sekurang-kurangnya 10 kali setahun
- Mesyuarat Audit Dalam yang bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun

- Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan yang bersidang sekurang-kurangnya tiga kali setahun
- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun
- Mesyuarat Profesional MPM yang bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun
- Bengkel Pemurnian Laporan Tahunan dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun
- Mesyuarat Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Bajet dan Takwim MPM yang bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun
- Mesyuarat Bersama Jabatan yang bersidang sekurang-kurangnya tiga kali setahun
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengumuman Keputusan yang bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun
- Mesyuarat Jawatankuasa Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun
- Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Persaraan yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Pembuka Tender yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Harga Tender yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Skim Hadiah Latihan yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan Rekod Jabatan yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Kes Rayuan Semak Semula yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SAGA yang bersidang sekiranya perlu - tanya SUB(KEW)
- Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Pemurnian Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM yang bersidang sekiranya perlu
- Mesyuarat Jawatankuasa Panel Penaksiran Draf Soalan yang bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun bagi setiap kertas peperiksaan
- Mesyuarat Jawatankuasa Semak Kaji Draf Kertas Soalan yang bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun bagi setiap kertas peperiksaan
- Mesyuarat Jawatankuasa Program Jom STPM yang bersidang sekiranya perlu  
Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penyetaraan antara Band MUET Baharu dengan Band MUET Lama yang bersidang mengikut jadual
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun

Sebagai sebuah badan peperiksaan yang disegani, MPM telah dijemput untuk menjadi ahli dalam beberapa jawatankuasa peringkat kebangsaan seperti Jawatankuasa Sektoral National Technology Innovation Sandbox (NTIS) KPM, Jawatankuasa Kerja Task Force Pembangunan Kurikulum Bahasa Inggeris Lepasan Menengah (PSELCF), Jawatankuasa MQA (Ketua Eksekutif), dan Jawatankuasa UKM (Ketua Eksekutif), Jawatankuasa Kerja Inisiatif Bahasa Inggeris (JKKBI).







# LAPORAN PENCAPAIAN

## PROGRAM UTAMA

Pengurusan profesional dan pengoperasian peperiksaan merupakan program utama MPM. Peperiksaan yang diwartakan ialah Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai tahun 1982, Malaysian University English Test (MUET) mulai tahun 1999, dan Sijil Kecekapan Bahasa Melayi bagi Warganegara Asing (SKBMW) mulai tahun 2015.

STPM telah dikendalikan secara sistem modular sejak kohort tahun 2013. MUET telah dikendalikan sekali setahun pada tahun 1999; dua kali setahun mulai tahun 2000; dan tiga kali setahun mulai tahun 2012, serta kaedah secara MUET on Demand (MoD) sejak tahun 2018 yang telah menerobos pasaran antarabangsa di Indonesia pada tahun 2019, manakala ujian SKBMW sejak tahun 2015.

MUET juga telah berjaya didaftarkan cap dagangan di bawah milikan MPM dan telah menerima sijil pendaftaran pada 30 Mei 2019. Milikan cap dagangan ini berkuatkuasa selama 10 tahun bermula dari 17 Julai 2018 sehingga 17 Julai 2028.

Peperiksaan Semester 3, Ulangan 1, dan Ulangan 2 STPM 2020 yang ditangguhkan kepada tahun 2021 akibat PKP telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2021. Atas rasa keperihatinan bagi kes calon yang terkesan dengan COVID-19, dalam tempoh kuarantin kendiri, dalam tempoh menunggu keputusan saringan COVID-19, memakai gelang kuarantin dan bergejala teruk (demam, batuk, selesema, dan sesak nafas), MPM telah berjaya melaksanakan peperiksaan Jadual Ganti (JG) untuk calon-calon ini tanpa dikenakan sebarang bayaran. Maklumat berkaitan tarikh peperiksaan tersebut adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jenis Peperiksaan STPM	Tarikh Peperiksaan	Tarikh Jadual Ganti
Semester 3 STPM 2020	5, 6, 7, 8, dan 12 April 2021	19, 20, 24, 25, dan 27 Mei 2021
Ulangan 1 STPM 2020	16, 17, 18, dan 22 Mac 2021	3, 4, 5, dan 6 Mei 2021
Ulangan 2 STPM 2020	8, 9, 10, dan 15 Mac 2021	21, 22, 27, dan 28 April 2021

Bagi peperiksaan Semester 1 STPM 2021, MPM telah berjaya melaksanakannya pada 16, 17, 18, dan 22 Mac 2021 manakala, peperiksaan Semester 2 STPM 2021 juga telah berjaya dilaksanakan pada 25, 26, 27, dan 28 Oktober 2021. Bagi peperiksaan Semester 3, Ulangan Semester 1, Ulangan Semester 2 STPM 2021 dan peperiksaan Semester 1 STPM 2022 telah diadakan pada tahun 2022 mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

Peperiksaan STPM 2021	Tarikh
Semester 1	16, 17, 18, dan 22 Mac 2021
Semester 2	25, 26, 27, dan 28 Oktober 2021
Ulangan Semester 1	14, 15, 16, dan 17 Februari 2022
Semester 3	25, 26 Mei 2022 dan 13, 14, 15 Jun 2022
Ulangan Semester 2	16, 20, 21 dan 22 Jun 2022
JG Semester 3	25, 26, 27, dan 28 Julai 2022
JG Ulangan Semester 2	1, 2, dan 3 Ogos 2022

Nota: Peperiksaan JG ialah peperiksaan khusus yang diadakan untuk calon yang tidak dapat hadir pada peperiksaan asal disebabkan masalah COVID-19.

Atas keperihatinan MPM terhadap calon-calon yang terkesan dengan kes COVID-19 seperti pada tahun 2020, calon-calon STPM 2021 tersebut juga telah diberikan peluang untuk menduduki peperiksaan JG secara percuma pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan, seperti dalam jadual di atas:

Tarikh peperiksaan baharu yang dicadangkan ini pada dasarnya telah pun mengambil kira kecukupan waktu Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) secara bersemuka dan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) secara dalam talian yang diperlukan oleh guru dan calon, iaitu minima 20 minggu bagi setiap semester.

Bagi pengendalian ujian MUET pada tahun 2021 pula, MUET Sesi 1 dan Sesi 2 telah berjaya dilaksanakan dalam tahun 2021, tetapi ujian MUET Sesi 3 2021 telah dianjak ke tahun 2022. MUET Sesi 3 dianjak ke tahun 2022 kerana sekiranya diadakan juga dalam tahun 2021, ianya akan menyebakan ujian MUET Sesi 3 bersambung terus pada minggu berikutnya sebaik sahaja tamat ujian Speaking MUET Sesi 2. Hal ini akan menyebabkan pemeriksa Speaking dalam kalangan guru terpaksa meninggalkan sekolah masing-masing sebagai pemeriksa Speaking dua minggu berturut-turut. Tarikh ujian MUET tahun 2021 adalah seperti pada jadual yang berikut:

Ujian MUET 2021	Tarikh Ujian	
	Lisan ( <i>Speaking</i> )	Bertulis ( <i>Listening, Reading, dan Writing</i> )
Sesi 1	17, 18, 22, 23, 24, dan 25 Februari 2021	10 April 2021
Sesi 2	8, 9, 10, 15, 16, dan 17 November 2021	23 Oktober 2021
Sesi 3	17, 19, 20, 24, 25, dan 26 Januari 2022	22 Januari 2022

Selain itu, bilangan calon yang mendaftar dan menduduki ujian MUET Sesi 1 2021, MUET Sesi 2 2021, dan MUET Sesi 3 2021 adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Ujian MUET 2021	Bilangan Calon	Bilangan Calon Menduduki
Sesi 1	27,938	25,993
Sesi 2	61,125	54,285
Sesi 3	73,967	69,140

Secara keseluruhannya, prestasi pencapaian keputusan MUET Sesi 1 2021 menunjukkan sebanyak 99.16% calon telah mendapat Band 3 dan ke atas manakala bagi MUET Sesi 2 2021, sebanyak 97.70% telah mendapat Band 3 dan ke atas. Prestasi pencapaian keputusan MUET bagi Sesi 3 2021 menunjukkan sebanyak 97.52% calon telah mendapat Band 3 dan ke atas.

Pada tahun 2021, MPM terus mengadakan ujian MoD secara kaedah atas permintaan atau MUET on Demand (MoD). Hal ini berikutan permintaan tinggi oleh masyarakat untuk menduduki ujian MUET. Pada tahun ini, ujian MoD telah berjaya dilaksanakan sebanyak 10 kali, iaitu pada 30 Januari 2021, 6 Februari 2021, 27 Februari 2021, 29 Mac 2021, 10 April 2021, 24 April 2021, 23 Oktober 2021, 13 November 2021, 4 Disember 2021, dan 19 Disember 2021. Ujian MoD yang dijadualkan pada 19 Jun 2021, 3 Julai 2021, 21 Ogos 2021, dan 25 September 2021 tidak dapat dilaksanakan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 dalam negara.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2021 seramai 7,879 calon telah menduduki ujian MoD. Daripada jumlah tersebut, terdapat juga calon dari luar negara yang menduduki ujian ini, antaranya ialah dari China dan Timur Tengah. Petugas peperiksaan bagi ujian ini pula terdiri daripada kakitangan MPM, kakitangan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), kakitangan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), guru-guru sekolah kerajaan, dan kakitangan pusat pusat yang dipilih untuk menjadi pusat MoD untuk tahun 2021.

Pada tahun 2021, MPM telah mengadakan ujian SKBMW buat julung kalinya secara dalam talian (online) semenjak ujian ini mula diperkenalkan pada tahun 2016. Pada tahun 2021, dicatatkan seramai 83 calon telah mendaftar untuk menduduki ujian SKBMW sekali gus merupakan bilangan calon teramai yang pernah dicatatkan mendaftar ujian ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 43 calon merupakan warganegara asing yang bekerja dan belajar di Malaysia dan seramai 40 calon lagi merupakan calon warganegara asing yang menetap di Jepun.

Ujian SKBMW pada tahun 2021 telah diadakan pada 26 Disember 2021 melibatkan ujian kemahiran Bertutur, Membaca, dan Mendengar pada sebelah pagi, manakala ujian kemahiran Menulis pada sebelah petang. Keputusan ujian ini telah telah dikeluarkan pada 13 Januari 2022 di portal rasmi MPM. Dalam ujian tersebut, seramai 40 orang pemeriksa telah dilantik untuk menguji calon dalam kemahiran Bertutur dan dua orang pemeriksa dipertanggungjawabkan untuk meriksa skrip jawapan calon bagi kemahiran Menulis. Seramai 14 orang staf MPM telah dilantik sebagai Ketua Pengawas dan Pengawas sepanjang ujian berlangsung.

Pada tahun 2021, MPM buat pertama kalinya telah mengendalikan ujian IKLA kepada calon dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan ujian ini telah diadakan secara dalam talian yang melibatkan empat kemahiran, iaitu Membaca, Menulis, Mendengar, dan Bertutur. Ujian ini telah diadakan sebanyak dua kali, iaitu yang pertama pada 30

September hingga 6 Oktober 2021 melibatkan seramai 2797 calon ambilan pertama USIM. Keputusan ujian bagi kemahiran Membaca, Mendengar, dan Bertutur telah di keluarkan pada 8 Oktober 2021. Keputusan ujian kemahiran Menulis dan keputusan keseluruhan ujian IKLA 2021 telah dikeluarkan pada 15 Oktober 2021 di portal rasmi MPM.

Pada 25 dan 26 Oktober 2021, MPM telah mengendalikan ujian IKLA buat kali kedua yang melibatkan kemahiran Membaca, Mendengar, Menulis, dan Bertutur kepada seramai 326 calon ambilan kedua USIM. Keputusan keseluruhan ujian ini telah diumumkan di portas rasmi MPM pada 2 November 2021. Sepanjang dua kali ujian IKLA ini dijalankan, seramai 8 orang staf MPM telah terlibat sebagai Ketua Pengawas dan Pengawas ujian.

Pada tahun 2021 juga, sekali lagi MPM telah diberikan kepercayaan oleh Majlis Dekan Perubatan Universiti Awam Malaysia untuk mengendalikan peperiksaan pra-kemasukan ijazah lanjutan perubatan (MedEx) kepada para doktor yang sedang dalam perkhidmatan yang ingin melanjutkan pelajaran pada peringkat Sarjana (Master) di universiti awam (UA) di Malaysia.

Pada tahun ini, peperiksaan MedEx yang dikendalikan oleh MPM ialah peperiksaan MedEx tahun 2020. Hal ini kerana peperiksaan ini pada asalnya dirancang untuk diadakan pada 24 Oktober 2020. Namun demikian, peperiksaan ini telah ditunda kepada tarikh baharu sebanyak dua kali, iaitu pada 9 Januari 2021 dan 23 Januari 2021. Ini kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan dan pada masa yang sama, ramai dalam kalangan calon yang terlibat dengan ujian ini bertugas sebagai anggota barisan hadapan (*frontliner*) bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 dalam negara. Peperiksaan MedEx tahun 2020 akhirnya telah dapat dijalankan dari 3 hingga 5 Mei 2021 secara dalam talian (*online*) berbanding secara bersemuka pada tahun 2019.

Keputusan peperiksaan MedEx tahun 2020 telah diumumkan di portal rasmi MPM pada 7 Jun 2021.

Sebanyak 17 kertas telah ditawarkan untuk peperiksaan MedEx tahun 2020 dan seramai 2,592 calon telah mendaftar untuk menduduki ujian tersebut. Peperiksaan ini telah dikendalikan oleh 30 orang staf MPM yang bertugas sebagai Ketua Pengawas, Pengawas peperiksaan, dan juruteknik pada hari peperiksaan.

MPM juga masih meneruskan jalinan kolaborasi dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi memasarkan Korpus MUET dan MUETLex.

## SASARAN DAN PENCAPAIAN

MPM telah menetapkan sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) untuk dicapai pada tahun 2021. Kesemua sasaran yang telah ditetapkan MPM pada tahun 2021 telah dicapai sepenuhnya seperti yang berikut:

### 1. Sukatan Pelajaran Peperiksaan

Sukatan Pelajaran Peperiksaan bagi semua mata pelajaran STPM perlu diedarkan kepada penerima selewat-lewatnya 18 bulan sebelum peperiksaan STPM (Semester 1). Walau bagaimanapun, tiada sukatan pelajaran peperiksaan yang baharu yang perlu diedarkan pada tahun 2021 kerana peperiksaan STPM 2021 dan STPM 2022 masih menggunakan sukatan pelajaran peperiksaan yang telah diedarkan pada tahun 2012.

*Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions* bagi MUET perlu diedarkan kepada penerima selewat-lewatnya 18 bulan sebelum peperiksaan. MPM telah mengedarkannya dengan memuat naik ke portal rasmi MPM pada 22 Julai 2019. Sukatan yang baharu ini digunakan mulai MUET Sesi Tahun 2021, iaitu ujian pertamanya pada 17 Februari 2021.

Peraturan Am, Sukatan Peperiksaan, Skala Tahap Kecekapan, Format Ujian, dan Soalan Contoh peperiksaan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW) telah dimuat naik ke portal rasmi MPM pada bulan Januari 2016 sebagai makluman kepada orang ramai, iaitu 8 bulan sebelum ujian pertama diadakan pada bulan Oktober 2016. Walau bagaimanapun, tiada dokumen baharu yang perlu diedarkan pada tahun 2021 kerana peperiksaan SKBMW Tahun 2021 masih menggunakan dokumen yang telah diedarkan pada tahun 2016.

Sukatan Pelajaran Peperiksaan	Sasaran Tahun 2021	Pencapaian Tahun 2021
Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM	Diedarkan selewat-lewatnya 8 bulan sebelum peperiksaan STPM (Semester 1) bermula	Tiada sukatan pelajaran peperiksaan yang baharu yang perlu diedarkan pada tahun 2021 kerana peperiksaan STPM 2021 dan STPM 2022 masih menggunakan sukatan pelajaran peperiksaan yang diedarkan pada tahun 2012
<i>Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions</i> bagi MUET	Diedarkan selewat-lewatnya 18 bulan sebelum ujian	Telah diedarkan pada 22 Julai 2019, iaitu 18 bulan sebelum ujian pertama pada 17 Februari 2021. Spesifikasi Ujian MUET yang baharu ini telah disejajarkan ( <i>align</i> ) dengan The Common European Framework of Reference for Languages (CEFR).

SUKATAN PELAJARAN PEPERIKSAAN	SASARAN TAHUN 2021	PENCAPAIAN TAHUN 2021
Peraturan Am, Sukatan Peperiksaan, Skala Tahap Kecekapan, Format Ujian, dan Soalan Contoh peperiksaan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW)	Diedarkan selewat-lewatnya 8 bulan sebelum ujian	Tiada dokumen baharu yang perlu diedarkan pada tahun 2021 kerana peperiksaan SKBMW tahun 2021 masih menggunakan dokumen yang diedarkan pada tahun 2016




## 2. Peraturan Dan Skema Peperiksaan

Peraturan dan Skema Peperiksaan bagi STPM 2021 perlu diedarkan kepada penerima selewat-lewatnya 8 bulan sebelum peperiksaan STPM 2021 (Semester 1). MPM telah mengedarkannya dengan memuat naik ke portal rasmi MPM pada 31 Januari 2020, iaitu 14 bulan sebelum peperiksaan STPM 2021 (Semester 1) yang telah dijadualkan pada 22 Mac 2021.

*Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions* bagi MUET perlu diedarkan kepada penerima selewat-lewatnya 18 bulan sebelum ujian. MPM telah mengedarkan dokumen ini kepada penerima dengan memuat naik ke portal rasmi MPM pada 22 Julai 2019. Sukatan yang baharu ini digunakan mulai MUET Sesi 1 Tahun 2021, iaitu ujian pertamanya pada 17 Februari 2021.

Peraturan Am, Sukatan Peperiksaan, Skala Tahap Kecekapan, Format Ujian, dan Soalan Contoh peperiksaan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara

Asing (SKBMW) telah dimuat naik ke portal rasmi MPM pada bulan Januari 2016 sebagai makluman kepada orang ramai. Untuk peperiksaan SKBMW tahun 2021, tiada dokumen baharu yang perlu diedarkan kerana peperiksaan SKBMW pada tahun ini masih menggunakan dokumen yang telah diedarkan pada tahun 2016.



Sukatan Pelajaran Peperiksaan	Sasaran Tahun 2021	Pencapaian Tahun 2021
Peraturan dan Skema Peperiksaan bagi STPM	Diedarkan selewat-lewatnya 8 bulan sebelum peperiksaan	Diedarkan pada 30 Mac 2021, iaitu 14 bulan sebelum peperiksaan STPM 2022 (Semester 1) (peperiksaan bermula pada 14 Februari 2022)
<i>Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions Bagi MUET</i>	Diedarkan selewat-lewatnya 18 bulan sebelum ujian	Telah diedarkan pada 22 Julai 2019, iaitu 18 bulan sebelum ujian pertama pada 17 Februari 2021. Spesifikasi Ujian MUET yang baharu ini telah disejajarkan ( <i>align</i> ) dengan The Common European Framework of Reference for Languages (CEFR).
Peraturan Am, Sukatan Peperiksaan, Skala Tahap Kecekapan, Format Ujian, dan Soalan Contoh peperiksaan SKBMW	Diedarkan selewat-lewatnya 8 bulan sebelum ujian	Tiada dokumen baharu yang perlu diedarkan pada tahun 2021 kerana peperiksaan SKBMW tahun 2021 masih menggunakan dokumen yang diedarkan pada tahun 2016

### 3. Penyediaan Kertas Peperiksaan

Peperiksaan/Ujian	Bilangan Kertas/Item Peperiksaan Yang Perlu Disediakan	Bilangan Kertas/Item Peperiksaan Yang Telah Disediakan	Catatan
STPM 2021 (Semester 1)	23 Kertas	23 Kertas	Peperiksaan telah dilaksanakan pada tahun 2021, iaitu pada 16, 17, 18, dan 2 Mac 2021
STPM 2021 (Semester 2)	23 Kertas	23 Kertas	Peperiksaan telah dilaksanakan pada tahun 2021, iaitu pada 25, 26, 27, dan 28 Oktober 2021
STPM 2021 (Semester 3)	36 Kertas	36 Kertas	Peperiksaan telah dianjak ke tahun 2022, iaitu pada 25, 26 Mei 2022 dan 13, 14, 15 Jun 2022
STPM 2021 (Ulangan Semester 1)	23 Kertas	23 Kertas	Peperiksaan telah dianjak ke tahun 2022, iaitu pada 14, 15, 16, dan 17 Februari 2022
STPM 2021 (Ulangan Semester 2)	23 Kertas	23 Kertas	Peperiksaan telah dianjak ke tahun 2022, iaitu pada 16, 20, 21, 22 Jun 2022
STPM 2021 (Kerja Kursus)	25 Kertas	25 Kertas	Telah dilaksanakan pada tahun 2021
MUET 2021	45 Kertas	45 Kertas	Kertas ujian telah disediakan sebelum tahun ujian
MUET on Demand	65 Kertas	65 Kertas	Kertas ujian telah disediakan sebelum tahun ujian
SKBMW	4 Kertas	4 Kertas	Kertas soalan telah disediakan sebelum tahun peperiksaan. Seramai 83 orang calon (40 orang daripadanya warga Jepun) telah menduduki peperiksaan SKBMW yang diadakan secara dalam talian menggunakan aplikasi Lifesize
MedEx	17 Kertas	17 Kertas	Telah dilaksanakan pada tahun 2021

#### **4. Pentadbiran Peperiksaan**

Jadual waktu peperiksaan STPM 2021 (Semester 1) telah dimuat naik ke portal MPM pada 3 Ogos 2020, awal 6 bulan 2 minggu daripada tempoh yang disasarkan, iaitu diedarkan selewat-lewatnya sebulan sebelum peperiksaan Semester 1 STPM 2021. Peperiksaan ini telah dilaksanakan bermula pada 16 Mac 2021.

Jadual waktu peperiksaan STPM 2021 (Semester 2, Semester 3, Ulangan 1, dan Ulangan 2) juga telah dimuat naik ke portal MPM pada 3 Ogos 2021, awal 7 minggu 3 hari daripada tempoh yang disasarkan, iaitu selewat-lewatnya sebulan sebelum peperiksaan Semester 2, Semester 3, Ulangan 1, dan Ulangan 2 STPM 2021.

Semua calon yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan kendalian MPM bagi tahun 2021, iaitu peperiksaan STPM, ujian MUET, Ujian MUET on Demand, Peperiksaan SKBMW, dan Peperiksaan MedEx telah berjaya menduduki peperiksaan masing-masing.

#### **5. Pemeriksaan Skrip Jawapan**

Semua mesyuarat penyelarasan pemeriksaan skrip jawapan bagi peperiksaan bertulis Semester 1 dan Semester 2 STPM 2021 telah dijalankan secara dalam talian mengikut jadual dan kerja pemeriksaan dapat disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan, iaitu 15 hari. Semua markah telah dihantar dengan jayanya dan terkawal ke dalam sistem secara dalam talian yang dikenali sebagai aplikasi e-submission.

#### **6. Pengeluaran Keputusan**

Keputusan peperiksaan STPM perlu dikeluarkan dalam tempoh 14 minggu selepas tarikh akhir peperiksaan. MPM telah berjaya mengeluarkan keputusan STPM seperti yang berikut:

- Keputusan peperiksaan STPM 2021 (Semester 1) telah dikeluarkan pada 30 Jun 2021, iaitu dalam tempoh 14 minggu selepas tarikh akhir peperiksaan pada 22 Mac 2021.
- Keputusan peperiksaan STPM 2021 (Semester 2) telah dikeluarkan pada 29 Disember 2021, iaitu dalam tempoh 9 minggu selepas tarikh akhir peperiksaan pada 28 Oktober 2021.
- Keputusan peperiksaan STPM 2021 (Semester 3) telah dikeluarkan 9 Ogos 2022, iaitu dalam tempoh 8 minggu 5 hari selepas tarikh akhir peperiksaan pada 15 Jun 2022.
- Keputusan peperiksaan STPM 2021 (Ulangan 1) telah dikeluarkan pada 27 Mei 2022, iaitu dalam tempoh 14 minggu selepas tarikh akhir peperiksaan pada 17 Februari 2022.

- Keputusan peperiksaan SPM 2021 (Ulangan 2) telah dikeluarkan pada pada 11 Ogos 2022, iaitu dalam tempoh 7 minggu 6 hari selepas tarikh akhir peperiksaan pada 16 Jun 2022.
- Sijil SPM 2021 dikeluarkan selewat-lewatnya 2 bulan selepas keputusan dikeluarkan dan MPM telah menghantarnya pada 18 Oktober 2022.

Keputusan MUET perlu dikeluarkan dalam tempoh 10 minggu selepas tarikh akhir ujian. MPM telah berjaya mengeluarkan keputusan MUET seperti yang berikut:

- Keputusan MUET Sesi 1 2021 telah dikeluarkan pada 18 Jun 2021, iaitu dalam tempoh 9 minggu 6 hari selepas tarikh akhir ujian pada 10 April 2021.
- Keputusan MUET Sesi 2 2021 telah dikeluarkan pada 13 Januari 2022, iaitu dalam tempoh 10 minggu selepas tarikh akhir ujian pada 17 November 2021.
- Keputusan MUET Sesi 3 2021 telah dikeluarkan pada 24 Mac 2022, iaitu dalam tempoh 8 minggu 5 hari selepas tarikh akhir ujian pada 22 Januari 2022.

Keputusan SKBMW 2021 perlu dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu (hari bekerja) selepas tarikh akhir ujian pada 26 Disember 2021. Keputusan SKBMW 2021 telah dikeluarkan pada 13 Januari 2022, iaitu dalam tempoh sasaran.

Keputusan MedEx 2021 perlu dikeluarkan dalam tempoh 3 minggu (hari bekerja) selepas tarikh akhir ujian pada 5 Mei 2021. Keputusan peperiksaan ini telah dikeluarkan pada 7 Jun 2021, iaitu awal 2 hari dari tempoh sasaran.

## **7. Kawalan Keselamatan Bahan Peperiksaan**

Kertas peperiksaan/ujian telah dihantar dan disimpan di bilik kebal peringkat kawasan serta diedarkan ke pusat peperiksaan mengikut prosedur pengendalian keselamatan. Penghantaran kertas peperiksaan tersebut telah diselarasakan dengan memastikan pematuhan terhadap SOP pencegahan penularan wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan kod-kod kawalan yang telah didaftarkan di pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Secara keseluruhannya pada tahun 2021, tidak ada kertas peperiksaan atau kertas jawapan calon yang hilang atau dicerbohi semasa proses penghantaran atau pengedaran atau pengiriman.



# MESYUARAT UTAMA PENGURUSAN

## MESYUARAT MAJLIS

Siri Mesyuarat	Tarikh	Tempat
Ke-155	9 Mac 2021	Dewan Besar, Majlis Peperiksaan Malaysia
Ke-156	1 Julai 2021 (secara hibrid)	Bilik Diskusi Omar Abu Bakar, Majlis Peperiksaan Malaysia
Ke-157	23 September 2021 (secara hibrid)	Bilik Diskusi Omar Abu Bakar, Majlis Peperiksaan Malaysia
Ke-158	23 Disember 2021 (secara hibrid)	Bilik Diskusi Omar Abu Bakar, Majlis Peperiksaan Malaysia

## JAWATANKUASA MAJLIS

Mesyuarat	Siri	Tarikh
Jawatankuasa Tetap Pengurusan dan Kewangan	Ke-91 (secara hibrid)	23 Februari 2021
	Ke-92 (secara hibrid)	15 September 2021
	Ke-93 (secara hibrid)	2 Disember 2021
Jawatankuasa Tender	Bil. 1/2021 (secara hibrid)	30 Ogos 2021
	Bil. 2/2021	10 Disember 2021
Jawatankuasa Naik Pangkat	Bil. 1/2021 (secara hibrid)	10 September 2021
	Bil. 2/2021 (secara hibrid)	8 Disember 2021
Jawatankuasa Tatatertib	Tidak bersidang pada tahun 2021 kerana tiada kes	
Jawatankuasa Pengambilan Kakitangan	Ke-36 (secara hibrid)	19 Ogos 2021
	Ke-37 (secara hibrid)	23 September 2021
	Ke-38	14 Disember 2021
Jawatankuasa Pensijilan	STPM 2020 (Semester 3, Ulangan Semester 1, dan Ulangan Semester 2) dan STPM 2021 (Semester 1) (secara hibrid)	8 hingga 10 Jun 2021
	STPM 2021 (Semester 2) (secara hibrid)	15 dan 16 Disember 2021

Mesyuarat	Siri	Tarikh
Panel Pengesahan Keputusan MUET	Sesi 1 Tahun 2021 (secara hibrid)	16 Jun 2021
	Sesi 2 Tahun 2021 (secara hibrid)	Dibawa ke tahun 2022
	Sesi 3 Tahun 2021	Dibawa ke tahun 2022
Panel Pengesahan Keputusan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW)	Tahun 2021	Dibawa ke tahun 2022
Panel Pengesahan Keputusan Medical Specialist Pre-Entrance Examination (MedEx)	Tahun 2020	31 Mei 2021
Panel Pengesahan Keputusan Imtihan al-Kafaah Lil al-Lughah Al-Arabiyah (IKLA)	Tahun 2021	15 Oktober 2021
Jawatankuasa Siasatan Kes Salah Laku	STPM 2020 (Semester 3, Ulangan 1, dan Ulangan 2)	26 hingga 28 April 2021
	STPM 2021 (Semester 1)	26 hingga 28 April 2021
	STPM 2021 (Semester 2)	25 hingga 30 November 2021
Jawatankuasa Audit	Ke-51 (Bil. 1/2021)	17 September 2021
	Ke-52 (Bil. 2/2020)	16 Disember 2021
Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurusan Risiko	Tidak bersidang pada tahun 2021	

**JAWATANKUASA SUKATAN PELAJARAN  
PEPERIKSAAN STPM**

Jawatankuasa Permurnian Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM yang ditubuh pada tahun 2015 bagi matapelajaran Sains dan Matematik dan Sains Sosial telah bersidang pada tahun 2021 seperti pada jadual yang berikut:

Mata Pelajaran Sains dan Matematik

Siri	Tarikh
Mesyuarat Pemurnian Sukatan Pelajaran Peperiksaan ICT	7 Januari 2021
Mesyuarat Pemurnian Sukatan Pelajaran Peperiksaan Biology	7 Januari 2021

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA SUKATAN  
PELAJARAN PEPERIKSAAN STPM/MUET TAHUN  
2021 (MATA PELAJARAN SAINS SOSIAL)**

Siri	Tarikh
Mesyuarat Pemurnian Sukatan Pelajaran Peperiksaan Literature in English	8 dan 9 Februari 2021 (secara hibrid)





# MESYUARAT PERINGKAT URUS SETIA

## MESUARAT PERINGKAT URUS SETIA

Mesyuarat	Siri	Tarikh
Mesyuarat Pengurusan MPM (KPI sekurang-kurangnya 10 kali setahun)	Ke-91 (secara hibrid)	23 Februari 2021
	Ke-92 (secara hibrid)	15 September 2021
	Ke-93 (secara hibrid)	2 Disember 2021
Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun  (KPI sekurang-kurangnya empat kali setahun)	Suku Tahun Keempat 2020	27 Januari 2021
	Suku Tahun Pertama 2021	5 April 2021
	Suku Tahun Kedua 2021	9 Julai 2021
	Suku Tahun Ketiga 2021	11 Oktober 2021
Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan  (KPI sekurang-kurangnya empat kali setahun)	Suku Tahun Keempat 2020	11 Oktober 2021
	Suku Tahun Pertama 2021	27 Januari 2021
	Suku Tahun Kedua 2021	5 April 2021
	Suku Tahun Ketiga 2021	11 Oktober 2021
Kajian Semula Pengurusan bagi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015  (KPI sekurang-kurangnya sekali setahun)	Ke-22	24 Ogos 2021
Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) MPM  (KPI sekurang-kurangnya tiga kali setahun)	Tidak bersidang pada tahun 2021 (Masih di dalam proses membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi MPM. Diperlukan bagi tujuan pelaporan status pelaksanaan dan kemajuan inisiatif untuk mesyuarat.)	
Panel Pembangunan Sumber Manusia  (KPI sekurang-kurangnya sekali setahun)	Ke-14	17 Jun 2021
Jawatankuasa Pemandu ICT  (KPI sekurang-kurangnya tiga kali setahun)	Ke-51 (secara dalam talian)	4 Mac 2021
	Ke-52 (secara dalam talian)	21 Jun 2021
	Ke-53	13 Disember 2021

Mesyuarat	Siri	Tarikh
Majlis Bersama Jabatan  (KPI sekurang-kurangnya empat kali setahun)	Ke-76	20 April 2021
	Ke-77	12 Ogos 2021
	Ke-78	30 November 2021
Penyelarasan Keselamatan antara MPM dengan Agensi Luar  (KPI sekurang-kurangnya tiga kali setahun)	Bil. 1/2021 (secara hibrid)	7 Januari 2021
	Bil. 2/2021 (secara hibrid)	25 Mei 2021
	Bil. 3/2021 (secara hibrid)	21 Disember 2021
Jawatankuasa Keselamatan MPM  (KPI sekurang-kurangnya tiga kali setahun)	Bil. 1/2021 (secara hibrid)	16 Mac 2021
	Bil. 2/2021 (secara hibrid)	28 Julai 2021
	Bil. 3/2021	9 Disember 2021
Mesyuarat antara MPM dengan Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri  (KPI sekurang-kurangnya sekali setahun)	Ke-74	19 Januari 2021
	Ke-75	26 Ogos 2021
	Ke-76	4 Oktober 2021
Mesyuarat Profesional MPM	Bil.1/2021 (Kali ke-19)	9 Julai 2021
	Bil. 2/2021 (Kali ke-20)	21 Oktober 2021
Jawatankuasa Pengurusan Risiko	Bil. 1/2021 (secara hibrid)	12 Julai 2021





**MENEROKA  
MASA HADAPAN**

## MENEROKA MASA HADAPAN MPM

Sebagai persediaan pasca COVID-19 dan bagi menyahut seruan kerajaan ke arah pendigitalan penyampaian perkhidmatan (IT) selaras dengan cabaran teknologi digital dan robotik pada era revolusi perindustrian 4.0, MPM telah melaksanakan penyampaian perkhidmatan berasaskan IT seperti yang berikut:

- a. pembinaan sistem platform untuk peperiksaan/ujian secara dalam talian bagi peperiksaan/ujian kelolaan MPM melalui kelulusan Mesyuarat Majlis Bil.1/2021 (ke-155) pada 9 Mac 2021;
- b. pelancaran *Achieve A MUET Reading Trial* secara dalam talian pada 23 Disember 2021 untuk dipasarkan kepada orang awam, khususnya kepada calon MUET. *Achieve A MUET Reading Trial* adalah latih tubi secara dalam talian yang boleh diduduki oleh calon MUET secara sukarela sebelum menduduki MUET *Reading* yang sebenar supaya calon lebih bersedia dan berkeyakinan untuk menduduki MUET;
- c. Pemeriksaan secara dalam talian (*e-marking*) untuk peperiksaan STPM bagi mata pelajaran yang berikut Syariah, Ekonomi, Pengajian Perniagaan, Information & Communications Technology, Physics, Chemistry, dan Biology;
- d. Peperiksaan secara dalam talian (*e-testing*) untuk peperiksaan *Medical Specialist Pre-Entrance Examinations* (MedEx) bagi pihak Majlis Dekan Perubatan Universiti Awam;
- e. peperiksaan Imtihan *al-Kafaah Li a-Lughah al-Arabiyyah* (IKLA) mulai peperiksaan tahun 2021 yang dikendalikan oleh MPM bagi pihak USIM; dan
- f. peperiksaan Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW) mulai peperiksaan tahun 2021. Peperiksaan SKBMW merupakan peperiksaan kelolaan MPM yang termaktub dalam Jadual 1 Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. Pada tahun 2021, sebanyak 40 warganegara Jepun telah menduduki peperiksaan ini secara dalam talian di Jepun.

## PENDIGITALAN PENGOPERASIAN

Dalam mendukung pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025, MPM telah merangka inisiatif pendigitalan di MPM dengan sistematik dan komprehensif untuk dilaksanakan sepanjang 2021.

Sebagai satu daripada langkah untuk memastikan semua kakitangan MPM celik digital menjelang tahun 2025, MPM telah membangunkan Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat dan Kehadiran Mesyuarat secara dalam talian. Penggunaan sistem ini dapat membantu MPM dalam memperkemaskan prosedur dalaman yang melibatkan laporan kehadiran, laporan penggunaan bilik dan laporan tempahan makanan.


Dalam mendepani pandemik COVID-19, MPM telah melaksanakan semua aktiviti perbincangan, mesyuarat, taklimat, bengkel dan latihan secara dalam talian sepanjang tahun 2021. Ini termasuklah semua perbincangan yang melibatkan penjawat MPM yang berada di seluruh negara. Pemakluman kepada semua penjawat telah dilaksanakan secara digital.

Seperti yang dirancang di dalam Pelan Digital, semua perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat akan memanfaatkan teknologi digital yang dikemudi oleh Revolusi 4.0. Antara pelan yang telah dilaksanakan ialah peluasan kaedah pendigitalan pembayaran secara dalam talian sehingga 60% daripada semua proses pembayaran. MPM berhasrat untuk melaksanakan pendigitalan pembayaran secara dalam talian bagi keseluruhan proses menjelang tahun 2023.

Selain daripada itu, pelaksanaan pemeriksaan skrip jawapan secara dalam talian, iaitu MECScore telah berjaya dilaksanakan bagi peperiksaan Ulangan 1 STPM 2020, Semester 1 dan Semester 2 STPM 2021. Mata pelajaran yang terlibat ialah Information, Communications and Technology (ICT), Syariah, dan Pengajian Perniagaan. Dengan pelaksanaan MECScore ini, pengendalian skrip jawapan calon menjadi lebih efisien. Proses pemarkahan juga dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan tepat.

## MENEROKA MASA HADAPAN

Proses pelaksanaan MECScore adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.



Selaras dengan hasrat MPM untuk menjadi badan pentaksiran yang mengungguli pentaksiran secara digital, MPM telah mengorak langkah melaksanakan peperiksaan secara dalam talian bagi peperiksaan MedEx, IKLA dan SKBMW. Malahan, bagi menjamin kebolehpercayaan peperiksaan yang dikendalikan, ketiga-tiga peperiksaan tersebut telah diadakan dengan pengawasan (*proctored exam*) sepanjang peperiksaan berlangsung.



## PLATFORM ACHIEVE A

Pada 23 Disember 2021, MPM telah melancarkan *Platform Achieve A* untuk Pengajian Am Trial dan MUET Reading Trial ke portal MPM seksyen Achieve A. Achieve A yang berkonsepkan latih tubi dijangkakan akan dapat membantu calon mengukur tahap pencapaian kendiri dan memperkuuhkan tahap pengetahuan/pemahaman calon dalam mata pelajaran Pengajian Am STPM dan kertas Reading dalam MUET agar lebih bersedia untuk menduduki kertas peperiksaan/ujian yang berkenaan. Calon boleh mendapatkan Pengajian Am Trial atau MUET Reading Trial dengan harga RM10.00 per pakej melalui portal Achieve A di alamat <http://www.mpm.edu.my/achieveA/>. Pembayaran boleh dibuat secara dalam talian melalui FPX sama ada menggunakan kredit kad atau debit kad. Achieve A telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Bil. 2/2019 (ke-149) (Lembaga Pengelola) yang bersidang pada 18 Julai 2019 dan diluluskan oleh YB Menteri Pendidikan pada 1 Ogos 2019.

**READY FOR MUET?**  
TRY ANSWERING NOW

**More than 10 sets of MUET questions available!**

For further inquiries, please email us at [achievea@mpm.edu.my](mailto:achievea@mpm.edu.my)

**Timed Assessment**  
Each test is timed and automatically graded to determine a final achievement.

**Personal Score**  
Your test is automatically graded and your score is displayed.

**Practice Opportunity**  
All the test items are repeated so you can practice again to improve your results.

**Confirmation**  
Download your achievement certificate or reward of your achievement.

- 1 Besøk Achieve A.  
<http://achievea.mpm.edu.my>
- 2 Prøv den gratis læseprøven (20 minutter).
- 3 Velg din foretrukne pakke.
- 4 Betal din tilgangsfee via  
FPX/VISA/MASTERCARD.
- 5 Svar på de test-spørsmålene basert  
på den valgte pakken.
- 6 Hent dine resultater.  
Resultater vises som poengskala fra 1 (de laveste) til 20 (de høyeste).



JAMINAN  
KUALITI

# SISTEM PENGURUSAN KUALITI MPM

## AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN KUALITI MPM

MPM telah dianugerahkan Sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 bagi pengurusan STPM dan MUET daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan The International Certification Network (IQNet) (nombor sijil QMS01934) yang telah diterima pada 15 Oktober 2020 dan tempoh sah sijil ini adalah sehingga 31 Julai 2023. Pada 20 dan 21 September 2021, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menjalankan audit pensijilan semula ke atas Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 MPM bagi pengurusan STPM dan MUET. MPM sekali lagi telah berjaya mengekalkan penganugerahan Sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 bagi pengurusan STPM dan MUET daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan "The International Certification Network" (IQNet) (nombor sijil QMS01934).



## PENGIKTIRAFAN KEPADA KECEMERLANGAN DAN KUALITI

### Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MPM bagi tahun 2020 tidak dapat diadakan pada tahun 2021 kerana pematuhan SOP COVID-19 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Sijil APC dan Anugerah Insentif Khas (AIK) telah diserahkan kepada semua penerima pada 2 Julai 2021.

Seramai 14 staf MPM telah menerima APC dan 26 staf telah menerima AIK bagi majlis APC Tahun 2020, tetapi tiada penerima Anugerah Khidmat Setia Tahun 2021.

### Senarai Nama Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bagi Tahun 2021

Bil	Nama
1.	Encik Mohd Tarmizi bin Hati @ Mohd Hadi
2.	Cik Siti Qamarina binti Hamzah
3.	Encik Mohd Shakir bin Mohd Salleh
4.	Encik Ahmad Zufrie bin Abd Rahman
5.	Encik Azman bin Hussein
6.	Encik Mohamad Khairul Asyraf bin Mohd Fauzi
7.	Encik Farid Izzudin bin Mohamad Yusof
8.	Puan Nur Khairunisa binti A Aziz
9.	Encik Mohd Ishak bin Arshad
10.	Encik Zainal Abiddin bin Ahmad @ Mohd
11.	Encik Abdul Sufian bin Bakri
12.	Puan Rosmah binti Mohd Zabidi
13.	Puan Yushaliza binti Md Yusop
14.	Encik Mohamad Roslan bin Saad

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bagi Tahun 2021




## **Senarai Nama Penerima Anugerah Insentif Khas Bagi Tahun 2021**

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>
1.	Puan Zalika Laily binti Mohd Zain
2.	Puan Mazlina binti Mohamad Aris
3.	Puan Suriyati binti Shamsuri
4.	Encik Mohd Nasrun bin Bero
5.	Puan Norazlina binti Abdul Manaf
6.	Encik Muhammad Zarul bin Zainol
7.	Encik Hairuddin bin Mohd Diah
8.	Encik Nik Abdul Zufayri bin Ali
9.	Encik Ahmad Syukri bin Mohd Fauzi
10.	Tuan Haji Muhammad Fahmi bin Abd Rahim
11.	Encik Muhammad Lutfi bin Lokman
12.	Puan Syahidah binti Mohd Salleh
13.	Puan Norita binti Zainuddin
14.	Encik Muhammad Syazwan Faiz bin Jefri
15.	Puan Siti Wahidah binti Ahmad
16.	Puan Hairinora binti Haridin
17.	Encik Amir Maaruf bin Ramle
18.	Encik Muhammad Farhan bin Abd Ghafar
19.	Puan Noorhidhayah binti Che Haron
20.	Encik Arif Hafizuddin bin Lazli
21.	Encik Ahmad Shahir bin Abd Razak
22.	Encik Azrul bin Mahmud
23.	Encik Razak bin Abdul Kadir
24.	Encik Rosman bin Mohd Mokhtar
25.	Puan Hulmah binti Gaguling
26.	Puan Ummi Nadzrah binti Abd Rahman

## **Penerima Anugerah Insentif Khas Bagi Tahun 2021**





# **PROGRAM JERAYAWARA JOM DUK STPM**

## PROGRAM JOM DUK STPM TAHUN 2021

Pada tahun ini, MPM juga turut mengadakan Program Jom Duk STPM di beberapa buah negeri. Program ini melibatkan guru dan pelajar STPM yang lebih bersifat majlis dialog secara bersemuka dan dalam talian. Jadual program ini adalah seperti berikut:


### LAPORAN PROGRAM TURUN PADANG PENGURUSAN MPM TAHUN 2021

Bil	Nama Kursus	Penceramah	Penganjur	Tarikh dan Tempat
1	Jom STPM 2021	Encik Adnan bin Husin (MPM)	Majlis Guru Kaunseling Kedah	27.5.2021 Google Meet
2	Jom STPM 2021	Encik Adnan bin Husin (MPM)	SMKA Maahad Hamidiah, Selangor	8.6.2021 Google Meet
3	Jom STPM 2021	Encik Adnan bin Husin (MPM)	SMK Munshi Abdullah, Melaka	17.7.2021 Google Meet
4	Jom STPM 2021	Encik Adnan bin Husin (MPM)	PPD Penampang, Sabah	31.7.2021 Google Meet
5	Taklimat STPM – 'Y F6'	Encik Amir bin Abdul Jaya (MPM)	KTE Bandar Utama, Selangor	26.7.2021 Google Meet
6	Ceramah Hala Tuju STPM	Pn Sharifah Norsana binti Syed Abdullah (MPM)	KTE Sri Istana, Selangor	26.7.2021 Google Meet
7	Ceramah Pentaksiran dan Hala Tuju Pelajar STPM	Encik Amir bin Abdul Jaya (MPM)	SMK Putrajaya Presint 5(1)	27.7.2021 Google Meet

## JOM STPM

### Kelebihan dan Halatuju

Pada 25 Mei 2021, MPM telah memberi taklimat Jom STPM secara dalam talian yang telah dianjurkan oleh Majlis Guru Kauseling Kedah. Taklimat diberikan oleh Encik Adnan bin Husin, Ketua Eksekutif MPM dan ia telah disertai oleh guru-guru kauseling di seluruh negeri Kedah sebagai satu perkongsian untuk diberikan kepada pelajar lepasan SPM sekolah masing-masing.



Pada 8 Jun 2021, pihak MPM telah dijemput oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidiah, Selangor untuk memberi taklimat berkaitan kelebihan dan hala tuju pelajar STPM. Taklimat ini telah diberikan oleh Encik Adnan bin Husin, Ketua Eksekutif MPM secara dalam talian.



### Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan

MPM yang telah membuat sesi lawatan dan memberi taklimat Jom STPM di Pusat Tingkatan Enam di SMK Labuan pada 17 November 2021.





### SMK Pulau Bum-Bum Semporna, Sabah

Pada 19 November 2021, pihak MPM yang telah diketuai oleh Encik Adnan bin Husin telah memberi taklimat berkaitan STPM di SMK Pulau Bum-Bum Semporna, Sabah.



## TAKLIMAT STPM – 'Y F6'

Pada 26 Julai 2021, MPM telah dijemput khas oleh KTE Bandar Utama, Selangor untuk memberi taklimat berkaitan STPM kepada pelajar dan guru KTE tersebut secara dalam talian 'google meet'. Taklimat telah diberikan oleh Encik Amir bin Abdul Jaya, Pegawai Mata Pelajaran Pengajian AM STPM.



**JOM STPM 2021**

Pada 26 September 2021, Encik Adnan bin Husin, Ketua Eksekutif MPM telah menyertai program Menjulang Gemilang: Bicara Ilmu STPM yang berlangsung di atas talian anjuran Pusat Tingkatan Enam SMK Putatan dan SMK Limbanak dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Penampang, Sabah. Program bertujuan untuk memberi fokus kepada pengetahuan am berkaitan STPM kepada pelajar tingkatan 6 rendah tahun 2021 dan semua ibubapa pelajar.

**Program Menjulang Gemilang 4.0 : Bicara Ilmu STPM**

Pada 26 September 2021, Encik Adnan bin Husin, Ketua Eksekutif MPM telah dijemput dalam program Menjulang Gemilang 4.0: Bicara Ilmu STPM anjuran Unit Kecemerlangan STPM, SMK Mutiara Rini, Johor. Program dilaksanakan secara atas talian dengan melibatkan pelajar STPM Semester 1 dan 2 sekolah tersebut.





Kunjungan Hormat Ketua  
Eksekutif MPM ke Pejabat  
Pengarah Jabatan Pendidikan  
Wilayah Persekutuan Labuan



Powered by StreamVard

PN Sharifah (Majlis Peperiksaan Malaysia)

Nur Fathinah, SEPA

JPT Kemasukan BPKP JPT - FB rasm... YouTube

PROGRAM HALA TUJU PELAJA... YouTube





# LAPORAN PEPERIKSAAN

# SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2021

## CALON

Sebanyak 50,251 calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM 2021.

Daripada jumlah calon yang telah mendaftar tersebut, sebanyak 45,612 calon (90.77 peratus) telah hadir menduduki peperiksaan Semester 1 STPM 2021, 41,461 calon (82.51 peratus) hadir menduduki peperiksaan Semester 2 STPM 2021, manakala 40,938 calon (81.47 peratus) hadir menduduki peperiksaan Semester 3 STPM 2021.

Bagi peperiksaan ulangan pula, sebanyak 39,783 calon (87.22 peratus) telah mendaftar peperiksaan Ulangan Semester 1 STPM 2021 dan 38,542 calon (92.96 peratus) telah mendaftar peperiksaan Ulangan Semester 2 STPM 2021.

Daripada jumlah calon yang telah mendaftar untuk mengulang, sebanyak 39,223 calon (98.59 peratus) telah hadir menduduki peperiksaan Ulangan Semester 1 STPM 2021 dan 38,044 calon (98.71 peratus) telah hadir menduduki peperiksaan Ulangan Semester 2 STPM 2021.



**CALON YANG MENDAFTAR**

Jenis Calon	Semester 1		Semester 2		Semester 3		Ulangan Semester 1		Ulangan Semester 2	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Calon sekolah kerajaan	50,060	99.62	44,170	99.52	42,001	99.13	39,493	99.27	38,296	99.36
Calon sekolah swasta	71	0.14	71	0.16	72	0.17	66	0.17	58	0.15
Calon persendirian individu	101	0.20	125	0.28	277	0.65	205	0.52	170	0.44
Calon sekolah kerajaan negeri	19	0.04	19	0.04	19	0.04	19	0.05	18	0.05
Calon sekolah integriti	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Jumlah	50,251	100.00	44,385	100.00	42,369	100.00	39,783	100.00	38,542	100.00

**CALON YANG HADIR**

Jenis Calon	Semester 1		Semester 2		Semester 3		Ulangan Semester 1		Ulangan Semester 2	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Calon sekolah kerajaan	45,463	99.67	41,333	99.69	40,741	99.52	39,022	99.49	37,882	99.57
Calon sekolah swasta	67	0.15	62	0.15	60	0.15	60	0.15	54	0.14
Calon persendirian individu	63	0.14	47	0.11	118	0.29	122	0.31	90	0.24
Calon sekolah kerajaan negeri	19	0.04	19	0.05	19	0.05	19	0.05	18	0.05
Calon sekolah integriti	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Jumlah	45,612	100.00	41,461	100.00	40,938	100.00	39,223	100.00	38,044	100.00

Perbandingan bilangan calon Semester 1 STPM 2021, Semester 2 STPM 2021, Semester 3 STPM 2021, Ulangan Semester 1 STPM 2021, dan Ulangan Semester 2 STPM 2021 yang mendaftar dan yang hadir mengikut mata pelajaran adalah seperti yang berikut:

Mata Pelajaran	Semester 1		Semester 2		Semester 3		Ulangan Semester 1		Ulangan Semester 2	
	Bilangan Mendaftar		Bilangan Hadir		Bilangan Mendaftar		Bilangan Hadir		Bilangan Mendaftar	
	Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir	Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir	Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir	Bilangan Hadir	Bilangan Hadir	Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir
Pengajian Am	50,243	45,566	44,372	41,369	42,340	40,886	29,969	29,378	24,703	24,215
Bahasa Melayu	34,639	31,187	30,244	28,008	28,717	27,676	13,274	12,916	15,494	15,231
Bahasa Cina	338	307	302	288	299	285	211	202	179	173
Bahasa Tamil	736	667	665	618	653	619	428	420	319	309
Bahasa Arab	1,572	1,513	1,511	1,443	1,480	1,436	1,101	1,089	929	922
Literature in English	78	63	68	60	71	61	45	42	17	16
Kesusasteraan Melayu Komunikatif	7,328	6,576	6,312	5,761	5,965	5,669	3,563	3,484	3,971	3,904
Syariah	2,012	1,920	1,904	1,812	1,860	1,807	1,295	1,279	1,073	1,062
Usuluddin	992	956	948	917	941	916	611	605	581	578
Tahfiz Al-Quran	118	118	117	113	116	111	43	43	39	39
Sejarah	26,878	24,154	23,437	21,583	22,258	21,291	14,632	14,293	12,188	11,945
Geografi	13,718	12,432	12,069	11,068	11,474	10,953	9,288	9,116	7,113	7,020
Ekonomi	15,568	14,185	13,906	13,066	13,344	12,920	8,478	8,212	9,694	9,494
Pengajian Perniagaan	19,585	17,665	17,320	16,212	16,547	15,944	11,630	11,367	10,688	10,458
Perakaunan	2,488	2,297	2,289	2,198	2,223	2,165	1,667	1,630	1,042	991
Mathematics M	788	722	722	679	698	676	534	520	443	422
Mathematics T	4,070	3,831	3,779	3,643	3,712	3,623	3,064	2,999	2,367	2,224
Information and Communications Technology	661	619	600	569	590	556	425	407	341	324
Physics	1,966	1,848	1,835	1,774	1,801	1,753	1,243	1,192	1,209	1,150
Chemistry	3,976	3,736	3,687	3,563	3,622	3,536	2,447	2,350	2,404	2,285
Biology	2,121	1,985	1,959	1,881	1,926	1,868	1,546	1,482	1,354	1,268
Sains Sukan	4,189	3,795	3,696	3,412	3,484	3,361	2,068	2,031	1,939	1,902
Seni Visual	10,970	9,743	9,406	8,569	8,782	8,435	5,484	5,392	2,709	2,668

## KERTAS PEPERIKSAAN

Sebanyak 23 mata pelajaran telah ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2021.

Kertas peperiksaan yang disediakan dalam dwibahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu terdapat enam mata pelajaran. Mata pelajarannya ialah Mathematics M, Mathematics T, Information and Communications Technology, Physics, Chemistry, dan Biology.

Calon dibenarkan mengambil maksimum lima mata pelajaran termasuk Pengajian Am. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon mengambil empat mata pelajaran kerana Bahagian Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi telah menetapkan bahawa hanya empat mata pelajaran yang diambil kira, iaitu Pengajian Am dan tiga mata pelajaran terbaik, bagi tujuan pemilihan ke Universiti Awam (UA). Sejak 2008, atas keprihatinan kerajaan, yuran peperiksaan STPM calon sekolah kerajaan adalah percuma kerana dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan.

Sebanyak 3,651 calon (8.03 peratus) menduduki lima mata pelajaran pada peperiksaan Semester 1 STPM 2021. Pada Semester 2 STPM 2021 berjumlah 3,150 calon (7.63 peratus), dan pada peperiksaan Semester 3 STPM 2021 berjumlah 3,560 calon (8.42 peratus).

Manakala sebanyak 41,809 calon (91.97 peratus) menduduki empat mata pelajaran pada peperiksaan Semester 1 STPM 2021, 38,122 calon (92.37 peratus) pada peperiksaan Semester 2 STPM 2021, dan 38,736 calon (91.58 peratus) pada peperiksaan Semester 3 STPM 2021.

## PENTADBIRAN PEPERIKSAAN

Peperiksaan bertulis STPM 2021 bagi Semester 1, Semester 2, Semester 3, Ulangan Semester 1, Ulangan Semester 2, Jadual Ganti Semester 3, dan Jadual Ganti Ulangan Semester 2 telah dijalankan pada tarikh seperti yang berikut:

Bil.	STPM 2021	Tarikh Asal
1	Semester 1	16, 17, 18, dan 22 Mac 2021
2	Semester 2	25 hingga 28 Oktober 2021
3	Ulangan Semester 1	14 hingga 17 Februari 2022
4	Semester 3	25, 26 Mei 2022 dan 13, 14, 15 Jun 2022
5	Ulangan Semester 2	16, 20, 21 dan 22 Jun 2022
6	JG Semester 3	25 hingga 28 Julai 2022
7	JG Semester 2	1 hingga 3 Ogos 2022

Nota: Peperiksaan JG ialah peperiksaan khusus yang diadakan untuk calon yang tidak dapat hadir pada peperiksaan asal disebabkan masalah COVID-19.

## LAPORAN PEPERIKSAAN

Jumlah pusat peperiksaan Semester 1 STPM 2021 ialah 660 pusat, manakala 655 pusat bagi Semester 2 STPM 2021 dan 655 pusat bagi Semester 3 STPM 2021.

Bilangan penjawat peperiksaan yang dilantik untuk mentadbir peperiksaan STPM 2021 mengikut semester adalah seperti yang berikut:

Penjawat Peperiksaan	Bilangan Penjawat Peperiksaan STPM 2021				
	Semester 1	Semester 2	Semester 3	Ulangan Semester 1	Ulangan Semester 2
Penyelia Kawasan	405	403	410	410	410
Ketua Pengawas	658	655	704	649	649
Timbalan Ketua Pengawas	657	655	704	649	649
Pengawas	2,834	3,688	3,933	3,880	3,880
Jumlah	4,554	5,401	5,751	5,588	5,588

## PEMERIKSAAN SKRIP JAWAPAN

Bilangan pemeriksa yang dilantik untuk peperiksaan STPM 2021 mengikut semester adalah seperti yang berikut:

Penjawat Peperiksaan	Bilangan Pemeriksa Peperiksaan STPM 2021				
	Semester 1	Semester 2	Semester 3	Ulangan Semester 1	Ulangan Semester 2
Ketua Pemeriksa	23	23	23	23	23
Timbalan Ketua Pemeriksa	14	13	13	15	6
Ketua Kumpulan	201	174	153	215	85
Pemeriksa	1,519	1,189	1,112	1,696	682
Jumlah	1,757	1,399	1,301	1,949	796

Mesyuarat penyelarasan pemeriksaan skrip jawapan diadakan sebelum pemeriksa menjalankan kerja memeriksa. Mesyuarat penyelarasan pemeriksaan skrip jawapan telah diadakan di beberapa buah lokasi di sekitar Lembah Klang.

Mesyuarat penyelarasan peperiksaan bertulis bagi peperiksaan Semester 1 STPM 2021 telah diadakan dari 25 Mac 2021 hingga 22 April 2021, manakala penyelarasan peperiksaan Semester 2 STPM 2021 dari 8 hingga 10 November 2021. Mesyuarat penyelarasan peperiksaan Semester 3 STPM 2021 pula dari 20 Jun sehingga 27 Jun 2022.

### **ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN STPM 2021 (SEMESTER 1, SEMESTER 2, SEMESTER 3, ULANGAN SEMESTER 1, ULANGAN SEMESTER 2)**

Keputusan peperiksaan Semester 1 STPM 2021 telah diumumkan pada 30 Jun 2021, keputusan peperiksaan Semester 2 STPM 2021 pada 29 Disember 2021, dan keputusan peperiksaan Semester 3 STPM 2021 pada 9 Ogos 2022. Manakala keputusan peperiksaan Ulangan Semester 1 STPM 2021 pada 27 Mei 2022 dan juga Ulangan Semester 2 STPM 2021 telah diumumkan pada 11 Ogos 2022.

Keputusan peperiksaan ulangan akan dibandingkan dengan keputusan peperiksaan Semester yang berkenaan, bagi memilih keputusan yang terbaik antara keduanya. Keputusan keseluruhan peperiksaan STPM 2021 adalah berdasarkan gabungan keputusan terbaik bagi ketiga-tiga Semester.

Daripada 23 mata pelajaran yang ditawarkan, sebanyak 19 kertas telah mencatatkan peratusan melebihi 50 peratus lulus penuh, iaitu Gred C dan ke atas pada Semester 1 STPM 2021, 20 kertas pada Semester 2 STPM 2021, 22 kertas pada Semester 3 STPM 2021, 19 kertas pada Ulangan Semester 1 STPM 2021, dan 11 kertas pada Ulangan Semester 2 STPM 2021.

Pencapaian calon dalam peperiksaan Semester 1 STPM 2021, Semester 2 STPM 2021, dan Semester 3 STPM 2021 mengikut kertas, peratusan lulus penuh, peratusan lulus sebahagian, dan peratusan gagal adalah seperti yang berikut:

Mata Pelajaran	Semester 1			Semester 2			Semester 3					
	Bilangan Hadir	Peratusan Lulus Penuh	Peratusan Lulus Sebahagian	Bilangan Hadir	Peratusan Lulus Penuh	Peratusan Lulus Sebahagian	Bilangan Hadir	Peratusan Lulus Penuh	Peratusan Lulus Sebahagian			
Pengajian Am	45,566	64.91	21.92	13.17	41,369	54.25	21.45	24.29	40,886	64.59	23.58	11.84
Bahasa Melayu	31,187	86.07	10.90	3.03	28,008	65.31	15.76	18.93	27,676	63.28	27.32	9.41
Bahasa Cina	307	88.60	5.54	5.86	288	79.51	16.67	3.82	285	81.75	7.02	11.23
Bahasa Tamil	667	63.42	28.34	8.25	618	72.98	20.87	6.15	619	66.56	23.26	10.18
Bahasa Arab	1,513	45.80	20.03	34.17	1,443	48.51	17.19	34.30	1,436	45.26	29.18	25.56
Literature in English	63	60.32	26.98	12.70	60	88.33	8.33	3.33	61	72.13	19.67	8.20
Kesusasteraan Melayu Komunikatif	6,576	67.88	22.57	9.55	5,761	46.64	29.07	24.28	5,669	69.50	20.83	9.67
18	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Keempat MPM April 2021	23 April 2021	MPM
19	Forum Perdana Ehwal Islam Di TV1 "Nikmat yang Dirindui"	29 April 2021	RTM

## PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN

Bil.	Nama Ceramah	Tarikh	Anjuran
20	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Kelima MPM April 2021	30 April 2021	MPM
21	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Pertama MPM Mei 2021	07 Mei 2021	MPM
22	[Webicara Derma Organ 2021] - Derma Organ Perspektif Islam	20 Mei 2021	KKM
23	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Ketiga MPM Mei 2021	21 Mei 2021	MPM
24	Program Webinar Palestine: Apa Peranan Kita	01 Jun 2021	PUSPANITA
25	Forum Perdana Ehwal Islam "Takut Allah atau Takut Covid-19"	03 Jun 2021 - 03 Julai 2021	RTM
26	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Pertama MPM Jun 2021	04 Jun 2021	MPM
27	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Kedua MPM Jun 2021	11 Jun 2021	MPM
28	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Ketiga MPM Jun 2021	18 Jun 2021	MPM
29	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Keempat MPM Jun 2021	25 Jun 2021	MPM
30	Agenda Awani - Keputusan Peperiksaan STPM Tahun 2020	02 Julai 2021	Astro Awani
31	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Pertama MPM Julai 2021	02 Julai 2021	MPM
32	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Kedua MPM Julai 2021	09 Julai 2021	MPM
33	Taklimat Tabung Haji Kepada Kakitangan MPM: Norma Baru Perkhidmatan TH Kemudahan Yang Memudahkan	16 Julai 2021	Tabung Haji
34	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Ketiga MPM Julai 2021	16 Julai 2021	MPM
35	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Keempat MPM Julai 2021	23 Julai 2021	MPM
36	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Kelima MPM Julai 2021	30 Julai 2021	MPM
37	Bicara Tokoh Siri 1: Tok Janggut	03 Ogos 2021	Muzium Negara
38	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Pertama MPM Ogos 2021	06 Ogos 2021	MPM
39	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Kedua MPM Ogos 2021	13 Ogos 2021	MPM

Bil.	Nama Ceramah	Tarikh	Anjuran
40	Tazkirah Dhuha: "Ke Mana Ku Bawa Diriku"	13 Ogos 2021	MPM
41	Kehadiran Ceramah Puspanita Kementah - Survival Wanita Dalam Norma Baharu	18 Ogos 2021	KPM
42	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Ketiga MPM Ogos 2021	20 Ogos 2021	MPM
43	Bicara Penyelidikan Festival Of Ideas (Fol), KPT: Bahasamu Budayaku (YLMC) : Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris di Terengganu	20 Ogos 2021	MPM
44	Wacana Integriti: Kesedaran Gangguan Seksual di Tempat Kerja	20 Ogos 2021	KPM
45	Wawancara Layar Putih Itbm   Merdeka Jiwa & Minda - Sebuah Aspirasi Kemerdekaan dalam Pendidikan	20 Ogos 2021	ITBM
46	Bicara Maya Puspanita JPM Siri 1/2021: Kesedaran Kesihatan Mental : "Cabaran Adaptasi Norma Baharu"	25 Ogos 2021	JPM
47	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Keempat MPM Ogos 2021	27 Ogos 2021	MPM
48	Ceramah Akrab MPM: Pengurusan Stres dalam Norma Baharu	03 September 2021	MPM
49	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Pertama MPM September 2021	03 September 2021	MPM
50	Jemputan Sebagai Panel Fblive Bersama Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA)	08 September 2021	MPM
51	Kehadiran - Webinar Kesatuan Sekerja: Cabaran dan Peluang dalam Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan	09 September 2021	KPM
52	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Kedua MPM September 2021	10 September 2021	MPM
53	Bual Bicara - Sokong Vaksin (Vaksin vs COVID-19: Mana Lebih Mudarat)	13 September 2021	PUSPANITA
54	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Ketiga MPM September 2021	17 September 2021	MPM
55	Program Wanita Bijak Urus Siri 2: Jasmani Sihat, Wanita Hebat	24 September 2021	PUSPANITA Cawangan KPM
56	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Keempat MPM September 2021	24 September 2021	MPM
57	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Keempat MPM September 2021	24 September 2021	MPM
58	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Pertama MPM Oktober 2021	01 Oktober 2021	MPM
59	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Kedua MPM Oktober 2021	08 Oktober 2021	MPM

## PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN

Bil.	Nama Ceramah	Tarikh	Anjuran
60	Program Malaysia Book Of Records Tazkirah Terpanjang 24 Jam Tanpa Henti Sirah Rasulullah SAW, Sempena Maulidur Rasul dan Sambutan Bulan Dakwah 1443H	18 Oktober 2021-19 Oktober 2021	YADIM
61	Program Semarak Cinta Rasul: Pusapanita Bersalawat	21 Oktober 2021	PUSPANITA Cawangan KPM
62	Program Terapi Kelompok : Kapsul Emosi Secara dalam Talian	21 Oktober 2021	LPPKN
63	Program Wanita Bijak Urus Siri 1 : Pilihan Di Tangan Anda	27 Oktober 2021	MPM
64	Borak Santai: Kecekapan Penguasaan Bahasa Inggeris Pada Abad Ke - 21 melalui CEFR	29 Oktober 2021	Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia (ITBM)
65	Bicara Karyawan: Susu Ibu Pengikat Kasih Sayang	01 November 2021	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
66	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Pertama MPM November 2021	05 November 2021	MPM
67	Wacana Ilmu KPM: Kebolehpasaran Murid Berkeperluan Khas (MBK)	08 November 2021	KPM
68	Majlis Sambutan Dekad Bahasa Kebangsaan Sektor Pendidikan 2021	08 November 2021	KPM
69	Wacana Ilmu Program Pemerksaan Kurikulum Siri 2: Pengayaan dan Pengukuhan & Sumber	09 November 2021	KPM
70	Bicara Professional KPM: Arus Kecil Di Aliran Perdana	09 November 2021 - 08 November 2021	KPM
71	Pertumbuhan dan Perkembangan Bayi dan Kanak-kanak	10 November 2021	INTAN
72	Wacana Ilmu KPM : Pengupayaan Pemimpin Sekolah Dalam Memastikan Keberkesanan PdPr	10 November 2021	KPM
73	Wacana Ilmu Program Pemerksaan Kurikulum Siri 1: Pemugaran Literasi dan Numerasi	10 November 2021	KPM
74	Wacana Ilmu - Lanskap Digital Wadah Digital Pendidikan Alaf Baruaf Baru	10 November 2021	KPM
75	Ceramah Maulid Al Rasul	11 November 2021	MPM
76	Ceramah Maulidur Rasul: Cinta Tak Terungkap	11 November 2021	MPM
77	Bicara Profesional Kpm: Hala Tuju dan Cabaran Program Transformasi Sekolah	11 November 2021	KPM
78	Wacana Ilmu KPM: Keseimbangan Psikologi dan Kehidupan Bekerjaya Dalam Mendepani Cabaran Pandemik Covid 19	11 November 2021	KPM
79	Majlis Bacaan Yassin Mingguan Kedua MPM Nov 2021	12 November 2021	MPM

Bil.	Nama Ceramah	Tarikh	Anjuran
80	Panduan Pengurusan Bersuci dan Bersolat Bagi Pesakit	15 November 2021	INTAN
81	Bicara Profesional KPM: Forum Inspirasi Pendidikan Siri 1, Tahun 2021 - Pendidikan Cemerlang Adiwira Pelajar	15 November 2021	KPM
82	Pemakanan Sihat Aidilfitri 2.0	15 November 2021	KPM
83	Bicara Profesional KPM: Navatif Guru Baharu, Kesediaan dan Hala Tuju	16 November 2021	KPM
84	Wacana Ilmu : Strengthening School-Based Assessment Empowering Teachers In The Classroom	16 November 2021	KPM
85	Wacana Ilmu Program Pemerksaan Kurikulum Siri 3: Pemerksaan PBD	16 November 2021	KPM
86	Program Bual Bicara Delima	17 November 2021	KPM
87	Pengurusan Aset Kerajaan	17 November 2021	KPM
88	Bekerja Dari Rumah	17 November 2021	KPM
89	Perhimpunan Bulanan MPM November 2021	22 November 2021	MPM

## SEMINAR DAN PERSIDANGAN YANG DIHADIRI OLEH STAF MPM

Bil.	Nama Latihan	Tarikh	Anjuran
1	Seminar Tahunan Kesihatan Vaksin CoCOVID-19: Antara Ikhtiar dan Harapan	15 April 2021	PUSPANITA
2	Perancangan Pengisian Program Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021	07 Mei 2021	KPM
3	Series in Education	18 Mei 2021-20 Mei 2021	KPM dan World Bank Malaysia
4	3rd International STEM Seminar 2021 (ISS) 2021	25 Mei 2021	Universiti Malaya
5	Taklimat Akta Koperasi (Pindaan) 2021 Untuk Koperasi di Bawah Seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan	25 Mei 2021	SKM Wilayah Persekutuan
6	Seminar Kecergasan dan Pengurusan Berat Badan	18 Jun 2021	PUSPANITA
7	Webinar Pengurusan Diet Ideal Membentuk Imej Korporat JAKIM	01 Julai 2021	Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)
8	Webinar COVID-19: Terkini dan Kepentingan Vaksin di Tempat Kerja	15 Julai 2021	Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM)
9	Seminar Parenting: 3 Kesalahan Terbesar Ibu Ayah Terhadap Anak-Anak	22 Julai 2021	ESQ
10	Pemantapan Pengurusan Tingkatan Enam	23 Julai 2021	KPM
11	Seminar Parenting: Menawan Hati Anak-Anak	01 Ogos 2021	ESQ
12	1st International Conference on English Language (ICEL) 2021.	25 Ogos 2021-26 Ogos 2021	KPM
13	Pembentangan Platform e-Dagang Fuiyoh Untuk Webinar Padan Niaga Koperasi Wilayah Persekutuan	12 Oktober 2021	MPM
14	Sesi Libat Urus Pelaksanaan Program Visibility dan Pemasaran Produk/Perkhidmatan Koperasi	14 Oktober 2021	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
15	Kursus Pemeriksaan Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri	08 November 2021 - 09 November 2021	ANGKASA
16	Creating The Conditions For Success	09 November 2021	Cambridge Assessment
17	Agenda Awani Dengan Tuan Ketua Eksekutif Selaku Panel Jemputan	01 Julai 2021	Astro Awani
18	Buletin Didik Edisi Khas dengan Tuan Ketua Eksekutif Selaku Panel Jemputan	02 Julai 2021	DIDIK TV



# PRESTASI KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 27.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 (Akta 225).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

## **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Majlis Peperiksaan Malaysia serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 (Akta 225). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Peperiksaan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**


Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Peperiksaan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Peperiksaan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persempahan sama ada keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

## Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 (Akta 225) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(ZIRAWATI BINTI KADIR)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA



SHAH ALAM, SELANGOR  
15 OGOS 2022

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI  
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Kami, Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly dan Adnan bin Husin yang masing-masing merupakan Pengurus dan salah seorang daripada Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia (Majlis), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Majlis Peperiksaan Malaysia berserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia bagi memberikan pandangan benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MPM pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,



**PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY**

Pengerusi  
Majlis Peperiksaan Malaysia

Di: Bandar Baru Selayang  
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: **31 MAR 2022**

Bagi pihak Majlis,



**ADNAN BIN HUSIN**

Ahli  
Majlis Peperiksaan Malaysia

Di: Bandar Baru Selayang  
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: **31 MAR 2022**


PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Saya, Suhana binti Sadina Ali, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Peperiksaan Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Majlis Peperiksaan Malaysia berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas  
di ..... **SELAYANG SELANGOR** .....  
pada ..... **31 MAR 2022** .....

  
SUHANA BINTI SADINA ALI C.A.(M)

Di hadapan saya,





## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

	2021	2020
	RM	RM
<i>Note</i>		<i>Seperiti Yang Dinyatakan Semula</i>
<b>ASET</b>		
<b>ASET SEMASA</b>		
Tunai dan Baki Bank	3 12,705,508	11,474,962
Deposit Tetap	4 191,035,701	203,000,000
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	5 725,472	107,000
Lain-lain Belum Terima dan Deposit	6 967,480	1,113,553
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>	<hr/> 205,434,161	<hr/> 215,695,515
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>		
Lain-lain Belum Terima dan Deposit	6 1,120,246	986,089
Kerja Dalam Pelaksanaan	7 -	60,538
Pelaburan Jangka Panjang	8 11,399,832	10,879,689
Hartanah dan Peralatan	9 26,110,068	27,206,608
Aset Tidak Ketara	10 390,265	547,556
<b>JUMLAH ASET BUKAN SEMASA</b>	<hr/> 39,020,411	<hr/> 39,680,480
<b>JUMLAH ASET</b>	244,454,572	255,375,995
<b>LIABILITI</b>		
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	11 573,347	236,496
Lain-lain Belum Bayar	12 15,391,802	27,316,390
Peruntukan Manfaat Kakitangan	13 31,124	169,458
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>	<hr/> 15,996,273	<hr/> 27,722,344
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>		
Peruntukan Manfaat Kakitangan	13 366,874	311,800
<b>JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA</b>	<hr/> 366,874	<hr/> 311,800
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	16,363,147	28,034,144
<b>ASET BERSIH</b>	228,091,425	227,341,851
<b>ASSET BERSIH</b>		
Kumpulan Wang Disatukan	14 228,091,425	227,341,851
<b>JUMLAH ASSET BERSIH</b>	<hr/> 228,091,425	<hr/> 227,341,851

*Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 6 hingga 27 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*



**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	Nota	2021	2020
		RM	RM
<b>HASIL</b>			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	15	10,000,000	15,000,000
Urus Niaga Pertukaran	16	36,981,230	7,410,601
Lain-lain Hasil	17	5,131,954	7,286,821
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>52,113,184</b>	<b>29,697,422</b>
<b>PERBELANJAAN</b>			
<b>EMOLUMEN</b>			
Gaji dan Upahan		7,393,947	7,271,047
Elaun-elaun Tetap		2,322,248	2,423,423
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan		1,326,004	1,298,326
Elaun Lebih Masa Kakitangan		141,794	170,242
Faedah-faedah Kewangan yang Lain		390,939	282,059
		11,574,932	11,445,097
<b>PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</b>			
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup		9,820,391	7,167,721
Pengangkutan Barang-barang		630,543	566,652
Perhubungan dan Utiliti		2,181,369	1,482,875
Sewaan		1,409,459	659,201
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti		21,720	23,882
Bekalan dan Bahan-bahan Lain		986,100	1,005,902
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		1,709,962	1,456,213
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti		18,696,085	13,387,720
		35,455,629	25,750,166
<b>PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP</b>			
		1,086,794	964,148
Susutnilai Hartanah dan Peralatan		2,883,369	2,867,099
Susutnilai Aset Tidak Ketara		362,886	347,007
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>51,363,610</b>	<b>41,373,517</b>
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH BAGI TAHUN</b>		<b>749,574</b>	<b>(11,676,095)</b>

*Note-note yang dibentangkan di muka surat 6 hingga 27 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*



**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	<b>LEBIHAN TERKUMPUL</b>	
	<b>RM</b>	
<b>Baki pada 1 Januari 2020</b>		
Seperti yang dinyatakan terdahulu	239,017,946	
Kurangan Bersih	(11,676,095)	
<b>Baki pada 31 Disember 2020</b>	<b>227,341,851</b>	
<b>Baki pada 1 Januari 2021</b>	227,341,851	
Lebihan Bersih	749,574	
<b>Baki pada 31 Disember 2021</b>	<b>228,091,425</b>	

*Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 6 hingga 27 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*



## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	2021	2020
	RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		<i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>
Lebihan / (Kurangan) Bersih	749,574	(11,676,095)
Pelarasan Bukan Tunai:-		
Susutnilai Hartanah dan Peralatan	2,883,369	2,867,099
Susutnilai Aset Tidak Ketara	362,886	347,007
Rugi bagi Pelupusan / Penjualan Aset dan Hapuskira	4,799	27,069
Peruntukan Manfaat Pekerja	121,899	141,972
Hasil daripada faedah	(4,633,090)	(7,015,299)
Pelarasan Pinjaman Kakitangan	1,900	902
<b>Kerugian Operasi sebelum Pergerakan Bersih Modal Kerja</b>	<b>(508,663)</b>	<b>(15,307,345)</b>
Pergerakan Bersih Modal Kerja:-		
Urusniaga Pertukaran dan Lain-lain Belum Terima	79,939	2,258,958
Urusniaga Pertukaran dan Lain-lain Belum Bayar	(11,587,737)	22,071,476
<b>Tunai (digunakan dalam) / dijana daripada aktiviti operasi</b>	<b>(12,016,461)</b>	<b>9,023,089</b>
Keuntungan Deposit Tetap	4,103,123	6,113,818
Bayaran Manfaat Pekerja	(205,159)	(117,992)
<b>ALIRAN TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM / DIJANA DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>	<b>(8,118,497)</b>	<b>15,018,915</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Hasil Penjualan Aset	42,230	-
kerja Dalam Pelaksanaan	60,538	(59,148)
Perolehan Hartanah dan Peralatan	(1,833,859)	(1,894,324)
Perolehan Aset Tidak Ketara	(205,595)	(284,440)
Skim Pembiayaan Kakitangan:-		
Terimaan Pembiayaan Kakitangan	247,514	452,555
Bayaran Pembiayaan Kakitangan	(430,300)	(671,700)
Terimaan Keuntungan Pembiayaan Kakitangan	24,358	24,603
Pelaburan Jangka Panjang	(520,143)	(496,863)
<b>ALIRAN TUNAI BERSIH DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>(2,615,257)</b>	<b>(2,929,317)</b>
(PENGURANGAN) / PERTAMBAHAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(10,733,754)	12,089,598
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	<b>214,474,962</b>	<b>202,385,364</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>203,741,208</b>	<b>214,474,962</b>
<b>KOMPONEN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI :-</b>		
Tunai dan Baki Bank	12,705,508	11,474,962
Deposit Tetap	191,035,700	203,000,000
	<b>203,741,208</b>	<b>214,474,962</b>

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 6 hingga 27 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



**NOTA PERBANDINGAN DAN BAJET SEBENAR**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	<b>JUMLAH BAJET DILULUSKAN</b>	<b>PINDAAN</b>	<b>JUMLAH SEBENAR</b>	<b>VARIAN BAJET^</b>
			<b>RM</b>	
<b>PENERIMAAN</b>				
Pemberian Kerajaan	25,000,000	25,000,000	10,000,000	15,000,000
Yuran dan Caj Peperiksaan	42,000,000	42,000,000	36,981,230	5,018,770
Faedah	5,000,000	5,000,000	4,633,090	366,910
Lain-lain Hasil	300,000	300,000	498,864	(198,864)
<b>JUMLAH PENERIMAAN</b>	<b>72,300,000</b>	<b>72,300,000</b>	<b>52,113,184</b>	<b>20,186,816</b>
<b>PEMBAYARAN</b>				
Gaji dan Upahan	6,960,000	7,389,910	7,389,897	13
Elaun-Elaun Tetap	1,848,000	1,692,480	1,692,477	3
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	1,300,000	1,326,006	1,326,004	2
Elaun Lebih Masa Kakitangan	260,000	141,800	141,794	6
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	287,000	390,965	390,940	25
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	9,966,600	9,913,472	9,913,346	126
Pengangkutan Barang-Barang	1,004,400	627,607	627,602	5
Perhubungan dan Utiliti	2,016,900	2,180,265	2,180,171	94
Sewaan	2,118,700	1,414,475	1,414,409	66
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman	3,900	2,640	2,639	1
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti	78,800	19,084	19,080	4
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	1,711,400	978,859	978,747	112
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	1,689,720	1,709,992	1,709,962	30
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	18,604,900	18,054,218	18,054,123	95
Manfaat Kakitangan	322,100	537,579	537,567	12
Bayaran-Bayaran Lain	384,700	368,668	368,638	30
<b>JUMLAH PEMBAYARAN</b>	<b>48,557,120</b>	<b>46,748,020</b>	<b>46,747,396</b>	<b>624</b>
<b>PENERIMAAN BERSIH</b>	<b>23,742,880</b>	<b>25,551,980</b>	<b>5,365,788</b>	<b>20,186,192</b>

<sup>^</sup> Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Pindaan dengan Jumlah Sebenar.  
 Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 6 hingga 27 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 1

#### LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

Majlis Peperiksaan Malaysia (Majlis) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1980 di bawah Undang-undang Malaysia, iaitu Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. Aktiviti utama Majlis adalah seperti berikut.

- (a) Menyediakan dan menerbitkan sukanan pelajaran peperiksaan dan spesifikasi ujian yang lengkap dan sesuai bagi peperiksaan/ujian Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), dan *Malaysian University English Test* (MUET);
- (b) Mendaftarkan calon bagi peperiksaan/ujian STPM dan MUET dengan cekap;
- (c) Menyediakan kertas peperiksaan/ujian yang jitu, sah, boleh dipercayai, saksama, dan adil bagi peperiksaan/ujian STPM, MUET, psikometrik dan ikhtisas;
- (d) Mentadbirkan peperiksaan/ujian STPM, MUET, psikometrik dan ikhtisas dengan cekap dan adil; dan
- (e) Mengeluarkan keputusan peperiksaan/ujian STPM, MUET, psikometrik dan ikhtisas yang piawaianya diiktiraf oleh institusi penerima lulusan.

Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 telah diluluskan pada Mesyuarat Majlis Bil. 1/2022 (Ke-159) pada 31 Mac 2022.

### NOTA 2

#### DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

##### 2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

##### 2.2 Pengiktirafan Hasil

###### (i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus Niaga Bukan Pertukaran, selain pemberian dalam bentuk perkhidmatan, yang memenuhi takrif sesuatu aset akan diiktiraf apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti dan nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Urus Niaga Bukan Pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Geran Kerajaan merupakan pendapatan Urus niaga Bukan Pertukaran. Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti Geran Mengurus akan diambil kira sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti Geran Pembangunan akan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan dilunaskan apabila syarat-syarat prestasi masa hadapan dipenuhi.

#### (ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti. Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:-

##### (a) Pendapatan Faedah

Hasil pendapatan daripada Simpanan Tetap diiktiraf atas dasar perkadarhan masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaun jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset. Pendapatan daripada Simpanan Tetap diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan.

##### (b) Yuran Peperiksaan

Hasil diiktiraf menurut konsep akruan. Yuran bagi peperiksaan/ujian diiktiraf sebagai hasil pada tahun kewangan ia dilaksanakan.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### 2.3 Hartanah dan Peralatan

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Setiap unit aset yang kosnya RM2,000 atau lebih dan mempunyai jangka hayat melebihi satu tahun akan dipermodalkan.

Nilai dibawa item harta dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf harta dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

#### 2.4 Aset Tidak Ketara

Aset Tak Ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset Tak Ketara diambil alih secara berasingan diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, Aset Tak Ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan Aset Tak Ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### **NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

Sesuatu Aset Tak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Kadar susutnilai bagi Aset Tak Ketara adalah seperti berikut:-

- |              |   |               |
|--------------|---|---------------|
| (a) Perisian | : | 33½ % setahun |
| (b) Hakcipta | : | 10% setahun   |

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

#### **2.5 Susutnilai**

Susutnilai Hartanah dan Peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan masing-masing. Baki bersih aset tetap hendaklah tidak kurang daripada RM1.

Tanah hak milik bebas dan Kerja Dalam Pelaksanaan tidak disusutnilai.

Kadar susutnilai adalah seperti berikut:-

- |                             |   |                         |
|-----------------------------|---|-------------------------|
| (c) Tanah Pajakan           | : | mengikut tempoh pajakan |
| (d) Bangunan dan Pembaikan  | : | 2% setahun              |
| (e) Perabot dan Peralatan   | : | 10 - 33½ % setahun      |
| (f) Kenderaan               | : | 20% setahun             |
| (g) Kemudahan dan Pembaikan | : | 10 - 33½ % setahun      |
| (h) Komputer                | : | 10 - 33½ % setahun      |

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak daripada tarikh laporan tahun lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan diselaraskan secara prospektif.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### 2.6 Manfaat Pekerja

##### (i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

##### (ii) Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti manfaat Gantian Cuti Rehat (GCR) akan diiktiraf secara akruan apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan. Manfaat GCR adalah berdasarkan 1/30 daripada gaji akhir yang meliputi gaji pokok hakiki dan Imbuhan Tetap tertakluk kepada bilangan hari maksimum sebanyak 150 hari.

##### (iii) Pelan Sumbangan Terancang

Seperti diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

#### 2.7 Cukai

Mengikut kuasa di bawah 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 Menteri Kewangan telah bersetuju Majlis Peperiksaan Malaysia dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan bagi pendapatan bagi tempoh tahun taksiran bermula tahun 2002.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### 2.8 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan akan dipermudahkan dalam Hartanah dan Peralatan setelah bekalan/kerja/perkhidmatan telah sempurna dibekalkan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam pelaksanaan.

#### 2.9 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar. Majlis hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

##### (i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai. Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### (ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

#### 2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan dan deposit di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank-bank berlesen dan institusi kewangan dan sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

#### 2.11 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

##### (i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskauan sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambil kira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### (ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Kerugian kemerosotan diiktiraf serta merta sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah menggunakan pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambil kira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

#### 2.12 Aset Kewangan

##### (i) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (a) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (b) pembayaran tertunggak;
- (c) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- (d) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elauan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elauan. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### (ii) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain. Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

#### 2.13 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

#### 2.14 Maklumat yang dibentangkan pada Penyata Kedudukan Kewangan

Apabila entiti tidak mempunyai modal saham, ia hendaklah mendedahkan aset bersih/ekuiti, sama ada pada muka Penyata Kedudukan Kewangan atau dalam nota, yang ditunjukkan secara berasingan:

- (a) Caruman modal, sebagai jumlah terkumpul pada tarikh pelaporan bagi sumbangan daripada pemilik, tolak pengagihan kepada pemilik;
- (b) Lebihan atau kurangan terkumpul;
- (c) Rizab, termasuk keterangan tentang jenis dan tujuan setiap rizab dalam aset bersih/ekuiti; dan
- (d) Kepentingan minoriti.

Majlis mempunyai Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Tabung Biasiswa Kakitangan, Tabung Perubatan Kakitangan, Tabung Umrah bagi Anugerah Khidmat Setia, Kumpulan Wang Pembiayaan Kenderaan dan Komputer. Kumpulan Wang Disatukan didekahkan pada nota Penyata Kewangan.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### 2.15 Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

#### 2.16 Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif pada setiap tarikh laporan adalah ditentukan dengan merujuk harga pasaran disebut tanpa mengurangkan kos urus niaga.

#### 2.17 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan ahli lembaga pengarah.

#### 2.18 Maklumat Bajet

Bajet Tahunan disediakan menurut kepada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Majlis sahaja dan tidak mengambil kira bajet kumpulan wang yang lain kerana tiada keperluan pendedahan kepada pihak luar. Jumlah bajet tahunan Majlis telah diluluskan oleh Menteri Pendidikan Malaysia.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### 2.19 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

##### Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

#### 2.20 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

##### (i) Kerugian Rosotnilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

##### (ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah dan Peralatan

Semua hartaanah dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartaanah dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.



**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	<b>2021</b>	<b>2020</b>
<b>NOTA 3 TUNAI DAN BAKI BANK</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Tunai Dalam Tangan	33,000	19,000
Baki Bank	<u>12,672,508</u>	<u>11,455,962</u>
	<u><b>12,705,508</b></u>	<u><b>11,474,962</b></u>
<b>NOTA 4 DEPOSIT TETAP</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Simpanan Bank-bank Berlesen	<u><b>191,035,701</b></u>	<u><b>203,000,000</b></u>
Kadar keuntungan bagi simpanan tetap dengan bank-bank berlesen ialah antara 1.95% - 3.60% setahun (2020: 1.95% - 4.10% setahun). Tempoh matang simpanan tetap ialah antara 3 bulan hingga 12 bulan.		
<b>NOTA 5 URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Penghutang Yuran Peperiksaan	<u><b>725,472</b></u>	<u><b>107,000</b></u>
<b>NOTA 6 LAIN-LAIN BELUM TERIMA DAN DEPOSIT</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Faedah Terakru Simpanan Tetap	505,609	876,878
Penghutang Pelbagai	183,916	5,449
Wang Cagaran dan Prabayar	14,634	14,634
Penghutang Pinjaman Kenderaan	1,322,102	1,160,677
Penghutang Pinjaman Komputer	<u>61,465</u>	<u>42,004</u>
	<u><b>2,087,726</b></u>	<u><b>2,099,642</b></u>
Dianalisa seperti berikut:		
Kurang daripada 12 Bulan	967,480	1,113,553
Lebih daripada 12 Bulan	<u>1,120,246</u>	<u>986,089</u>
	<u><b>2,087,726</b></u>	<u><b>2,099,642</b></u>



**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	<b>2021</b>	<b>2020</b>
<b>NOTA 7 KERJA DALAM PELAKSANAAN</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada	60,538	1,390
(+) Tambahan Pada Tahun Semasa	-	59,148
(-) Diklasifikasi ke Hartanah dan Peralatan	<u>(60,538)</u>	<u>-</u>
Baki pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>60,538</u>

<b>NOTA 8 PELABURAN JANGKA PANJANG</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Simpanan Akaun Amanah Institusi	<u>11,399,832</u>	<u>10,879,689</u>

Kadar keuntungan bagi simpanan Akaun Amanah Institusi ialah 5.00% setahun untuk tempoh simpanan 60 bulan.

*(Baki halaman ini adalah kosong)*



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 9 HARTANAH DAN PERALATAN

	Tanah Hakmilik Bebas	Tanah Pajakan	Bangunan & Pembalikan	Perabot & Peralatan	Kenderaan	Kemudahan & Pembalikan	Komputer	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>2021</b>								
<b>Kos</b>								
Pada 1 Januari 2021	5,097,972	962,658	24,915,688	5,822,840	1,579,347	2,864,521	12,540,008	53,783,034
Tambahan	-	-	737,410	529,570	119,762	45,909	401,208	1,833,859
Pelupusan	-	-	-	(985,872)	(107,607)	-	(3,465,939)	(4,559,418)
Pada 31 Disember 2021	5,097,972	962,658	25,653,098	5,366,538	1,591,502	2,910,430	9,475,277	51,057,475
<b>Susutnilai terkumpul</b>								
Pada 1 Januari 2021	-	171,067	8,874,809	3,810,597	1,060,145	1,740,026	10,919,782	26,576,426
Susutnilai Tahun Semasa	-	9,625	500,332	692,561	199,223	452,276	1,029,352	2,883,389
Pelupusan	-	-	-	(985,709)	(60,977)	-	(3,465,702)	(4,512,388)
Pada 31 Disember 2021	-	180,692	9,375,141	3,517,449	1,198,391	2,192,302	8,483,432	24,947,407
<b>Nilai Buku Bersih</b>								
Pada 31 Disember 2021	5,097,972	781,966	16,277,957	1,849,089	393,111	718,128	991,845	26,110,068
<b>2020</b>								
<b>Kos</b>								
Pada 1 Januari	5,097,972	962,658	24,652,575	5,655,658	2,024,355	2,213,272	11,827,228	52,333,718
Tambahan	-	-	383,113	167,182	-	651,249	712,780	1,894,324
Pelupusan	-	-	-	-	(445,008)	-	-	(445,008)
Pada 31 Disember 2020	5,097,972	962,658	24,915,688	5,822,840	1,579,347	2,864,521	12,540,008	53,783,034
<b>Susutnilai Terkumpul</b>								
Pada 1 Januari 2020	-	161,442	8,380,516	3,146,555	1,245,600	1,390,721	9,802,432	24,127,266
Susutnilai Tahun Semasa	-	9,625	494,293	664,042	232,484	349,305	1,117,350	2,887,099
Pelupusan	-	-	-	-	(417,939)	-	-	(417,939)
Pada 31 Disember 2020	-	171,067	8,874,809	3,810,597	1,060,145	1,740,026	10,919,782	26,576,426
<b>Nilai Buku Bersih</b>								
Pada 31 Disember 2020	5,097,972	791,591	16,040,879	2,012,243	519,202	1,124,495	1,620,226	27,206,808

Nota:-

<sup>1</sup> Tempoh Pajakan Harta Tetap Pengurusan bagi Tanah dan Bangunan adalah sehingga 7 Julai 2091.

<sup>2</sup> Tempoh Pajakan Harta Tetap Pembangunan bagi Tanah dan Bangunan adalah sehingga 8 Jun 2102.



**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	<b>2021</b>	<b>2020</b>
<b>NOTA 10 ASET TIDAK KETARA</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	1,289,486	1,005,046
Tambahan	205,595	284,440
Pelupusan	-	-
Pada 31 Disember	1,495,081	1,289,486
<b>Susutnilai terkumpul</b>		
Pada 1 Januari	741,930	394,923
Susutnilai Tahun Semasa	362,886	347,007
Pelupusan	-	-
Pada 31 Disember	1,104,816	741,930
<b>Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember</b>	<b>390,265</b>	<b>547,556</b>
<b>NOTA 11 URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pembiutang Bekalan dan Perkhidmatan	<b>573,347</b>	<b>236,496</b>
<b>NOTA 12 LAIN-LAIN BELUM BAYAR</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Hasil Tertangguh	15,111,361	27,288,155
Pembiutang Potongan Gaji	35,955	28,235
Perbelanjaan Terakru	244,486	-
	<b>15,391,802</b>	<b>27,316,390</b>



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

2021

2020

### NOTA 13 PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

Majlis telah menerima pakai keperluan MPSAS 25, iaitu manfaat Gantian Cuti Rehat (GCR) yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan. Bayaran manfaat GCR adalah sejumlah wang tunai yang diberikan kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang tidak berpeluang menghabiskan cuti rehat disebabkan kepentingan perkhidmatan dan telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1974 melalui Pekelliling Perkhidmatan Bilangan 1/1974. Manfaat GCR adalah berdasarkan 1/30 daripada gaji akhir yang meliputi gaji pokok hakiki dan Imbuhan Tetap tertakluk kepada bilangan hari maksimum sebanyak 150 hari.

	RM	RM
Pada 1 Januari	481,258	457,278
Bayaran Tahun Semasa	(205,159)	(117,992)
Pelarasan Anggaran - Terkurang/(Terlebih)	121,899	141,972
Baki pada 31 Disember	<u>397,998</u>	<u>481,258</u>
 Dianalisa seperti berikut:-		
Matang dalam tempoh 12 bulan	31,124	169,458
Matang dalam tempoh melebihi 12 bulan	366,874	311,800
	<u>397,998</u>	<u>481,258</u>

Peruntukan GCR dibuat pada setiap tahun tertakluk kepada Kadar Terdiskaun (*Discounted Rate*) mengikut Kadar Faedah bagi Pembiayaan Kerajaan, iaitu 4% dan Kadar Peningkatan Gaji mengikut kadar peningkatan tahunan Belanjawan Emolumen Kerajaan, iaitu 5%. Pada 31 Disember 2021 bilangan kakitangan tetap yang layak menerima bayaran manfaat kakitangan adalah berjumlah 153 orang. (2020:149 orang)



**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	2021	2020
<b>NOTA 14 KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	216,244,311	227,451,942
(Kurangan) / Lebihan	1,164,115	(11,207,631)
Pindahan Ke Tabung Biasiswa Kakitangan	(5,000,000)	-
Baki pada 31 Disember	<u>212,408,426</u>	<u>216,244,311</u>
 <b>Tabung Biasiswa Kakitangan Majlis - Peruntukan RM5 juta</b>		
Jumlah yang telah digunakan sehingga 1 Januari	(1,033,788)	(804,004)
Baki pada 1 Januari	(33,788)	195,996
(+) Tambahan Peruntukan Tahun Semasa	5,000,000	-
(-) Bayaran Tahun Semasa	(146,299)	(229,784)
Baki pada 31 Disember	<u>4,819,913</u>	<u>(33,788)</u>
 <b>Tabung Perubatan Kakitangan Majlis - Peruntukan RM5 juta</b>		
Jumlah yang telah digunakan sehingga 1 Januari	(1,742,849)	(1,504,169)
Baki pada 1 Januari	4,257,151	4,495,831
(-) Bayaran Tahun Semasa	(259,752)	(238,680)
Baki pada 31 Disember	<u>3,997,399</u>	<u>4,257,151</u>
 <b>Tabung Umrah bagi Anugerah Khidmat Setia - Peruntukan RM2 juta</b>		
Jumlah yang telah digunakan sehingga 1 Januari	(125,823)	(125,823)
Baki pada 1 Januari	1,874,177	1,874,177
(-) Bayaran Tahun Semasa	(8,490)	-
Baki pada 31 Disember	<u>1,865,687</u>	<u>1,874,177</u>
 <b>Kumpulan Wang Pembiayaan Kenderaan</b>		
Baki pada 1 Januari	4,000,000	4,000,000
(+) Tambahan Peruntukan	-	-
Baki pada 31 Disember	<u>4,000,000</u>	<u>4,000,000</u>
 <b>Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer</b>		
Baki pada 1 Januari	1,000,000	1,000,000
(+) Tambahan Peruntukan	-	-
Baki pada 31 Disember	<u>1,000,000</u>	<u>1,000,000</u>
 <b>Baki Keseluruhan Kumpulan Wang Disatukan</b>	<b><u>228,091,425</u></b>	<b><u>227,341,851</u></b>



**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	<b>2021</b>	<b>2020</b>
<b>NOTA 15 URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Geran Mengurus	10,000,000	15,000,000
	<u><u>10,000,000</u></u>	<u><u>15,000,000</u></u>
<b>NOTA 16 URUS NIAGA PERTUKARAN</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran Peperiksaan	36,981,230	7,410,601
	<u><u>36,981,230</u></u>	<u><u>7,410,601</u></u>
<b>NOTA 17 LAIN-LAIN HASIL</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Faedah dan Dividen	4,633,090	7,015,299
Jualan Penerbitan dan Pelbagai	86,769	85,108
Pendapatan Lain	408,647	182,876
Terimaan Bukan Hasil	3,448	3,538
	<u><u>5,131,954</u></u>	<u><u>7,286,821</u></u>
<b>NOTA 18 PENDEDAHAN PIHAK BERKEPENTINGAN</b>		
Majlis diurus oleh Lembaga Pengelola yang terdiri daripada semua Naib Canselor Universiti Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengarah Peperiksaan, lima (5) orang ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia. Bilangan Ahli Majlis pada 31 Disember 2020 adalah 28 orang (2019: 28 orang). Ahli Majlis terlibat secara langsung dalam merangka hala tuju dan mengawal dasar utama ke atas semua aktiviti Majlis, manakala Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang terdiri daripada Ketua Eksekutif dan Timbalan Ketua Eksekutif 1 merupakan penggerak utama dalam memastikan setiap dasar atau aktiviti yang dirangka dapat dilaksanakan. Ganjaran termasuk elauan dan emolumen kepada Ahli Majlis dan Pengurusan Tertinggi adalah seperti yang berikut:		
Ahli Majlis	490,628	563,103
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	401,891	481,575
	<u><u>892,519</u></u>	<u><u>1,044,678</u></u>



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 19 NOTA BAGI PENYATA PRESTASI BELANJAWAN

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021. Bajet asal telah diluluskan oleh Menteri Kanan Pendidikan pada 2 Oktober 2020.

Bajet dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis pebelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah sebenar dalam Penyata Kewangan ini telah dinyatakan semula pada asas tunai berdasarkan kepada dana mengurus. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet Majlis yang menjurus kepada bajet mengurus sahaja.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan Penyata Kewangan ini disediakan. Tiada perbezaan masa bagi Majlis.

Perbezaan entiti wujud apabila belanjawan tidak mengambil kira program-program atau aktiviti-aktiviti yang direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti di bawah:

Tahun 2021	Operasi	Pelaburan	Jumlah
	RM		
<b>Jumlah sebenar atas dasar perbandingan seperti yang dibentangkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar</b>			
Sebenar	5,365,788	-	5,365,788
Perbezaan asas	(13,484,285)	(2,615,257)	(15,579,398)
<b>Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai</b>		<b>(8,118,497)</b>	<b>(2,615,257)</b>
			<b>(10,733,754)</b>



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 20 PENDEDADAHAN LIABITILI LUAR JANGKA

Majlis telah mendapat Pengecualian Cukai menerusi perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

- 1) mengecualikan Majlis daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun berhubung dengan punca pendapatannya yang dinyatakan dalam Jadual:-

#### Jadual

- a) Peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam bentuk geran;
- b) Pendapatan yang diterima berkenaan dengan suatu amaun yang boleh dikenakan ke atas dan dipungut daripada mana-mana orang mengikut peruntukan undang-udang yang berkaitan; dan
- c) Apa-apa derma atau sumbangan yang diterima.

Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.42) ini telah diwartakan pada 2 Ogos 2003.

- 2) tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan melepaskan MPM daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Pada bulan Januari 2022, Majlis telah menerima kunjungan daripada Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang memaklumkan berkenaan cukai yang sepatutnya dikenakan ke atas pendapatan daripada faedah/keuntungan yang tidak termasuk daripada punca pendapatan dalam Jadual.

Justeru itu, Majlis telah memohon pengecualian cukai pendapatan di bawah subseksyen 127(3A) ACP iaitu pengecualian cukai yang diberikan oleh Menteri Kewangan secara khusus. Perintah Pengecualian yang dimohon adalah seperti berikut:-

- 1) mengecualikan MPM daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang berhubung dengan semua punca pendapatannya; dan
- 2) tempoh pengecualian adalah pada semua masa yang material dari mula penubuhan MPM di bawah Akta tubuhnya.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### NOTA 21 ANGKA PERBANDINGAN

Majlis telah mengkelaskan semula item-item perbandingan dalam Penyata Kewangan Tahun 2020 untuk mematuhi pembentangan tahun kewangan semasa.


Tahun 2020	Seperti yang dinyatakan sebelum ini	Seperti yang dinyatakan semula
	RM	
<b>ASET</b>		
<b>ASET SEMASA</b>		
Deposit Tetap	213,879,689	203,000,000
<b>ASET BUKAN BUKAN SEMASA</b>		
Pelaburan Jangka Panjang	-	10,879,689

*(Baki halaman ini adalah kosong)*

## RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN MPM TAHUN 2021


### Kedudukan Kewangan


Majlis Peperiksaan Malaysia telah merekodkan akaun bagi tahun berakhir 2021 dengan lebahan bersih sebanyak RM749,574 berbanding kurangan bersih sebanyak RM11,676,095 yang direkodkan pada tahun 2020. Jumlah lebahan bersih ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM 12,425,669 (106.4%) daripada kurangan bersih pada tahun sebelumnya. Hal ini disebabkan oleh peperiksaan yang ditangguhkan pada tahun 2020 berikutan pandemik Covid-19 telah dapat dilaksanakan pada tahun 2021.



### Pendapatan

Pendapatan MPM yang diperoleh adalah sebanyak RM52,113,184 bagi tahun 2021 berbanding RM29,697,422 bagi tahun 2020. Ini menunjukkan telah berlaku peningkatan sebanyak RM22,415,762 (75%) pada hasil yang diperoleh oleh MPM pada tahun 2021. Sumber pendapatan yang diperoleh MPM termasuklah geran Kerajaan, pendapatan dari pelaburan, hasil peperiksaan, dan juga pendapatan lain. Peratusan terbesar pendapatan yang diterima MPM adalah daripada hasil yuran peperiksaan iaitu sebanyak RM36,981,230 (71%) daripada jumlah keseluruhan pendapatan yang direkodkan. Namun begitu, kebergantungan pendapatan daripada geran semakin berkurangan pada tahun 2021 berbanding 50.5% daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2020 hasil daripada peningkatan pendapatan selain dari geran sebanyak RM27,415,762 (186%) dan sekatan geran yang dilaksanakan oleh Kerajaan.






Sumber pendapatan bagi MPM adalah terdiri daripada geran Kerajaan, yuran peperiksaan, pendapatan pelaburan dan lain-lain pendapatan.


Peningkatan pendapatan secara drastik bagi yuran peperiksaan kerana peperiksaan yang ditangguhkan pada tahun 2020 berikutan perintah kawalan pergerakan oleh Kerajaan bagi membendung penularan wabak Covid-19 telah dapat dilaksanakan pada tahun 2021. Manakala pendapatan bagi geran Kerajaan mengalami penurunan sebanyak RM5 juta (50%) kerana sekatan peruntukan oleh Kerajaan. Penurunan pendapatan dari pelaburan pula adalah disebabkan penurunan Kadar Dasar Semalam (OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

### Perbelanjaan


Sebanyak RM51,363,610 telah dibelanjakan oleh MPM pada tahun 2021 berbanding RM41,373,517 pada tahun 2020 di mana peningkatan sebanyak RM9,990,093 (24%) telah direkodkan. Perbelanjaan yang tertinggi dibiayai adalah daripada kategori Perkhidmatan dan Bekalan di mana MPM telah membelanjakan sejumlah RM21,113,364 (41%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pada tahun 2021. Jenis perbelanjaan lain adalah seperti Perjalanan dan Perhubungan, Gaji dan Elaun, Penyelenggaraan dan Pembaikan, Pemberian dan Kenaan Tetap dan Susutnilai Aset.



Perbelanjaan tertinggi bagi tahun 2021 ialah Perkhidmatan dan Bekalan iaitu sebanyak RM21,113,364 (41%) diikuti dengan Perjalanan dan Perhubungan sebanyak RM12,632,303 (25%). Sebanyak RM11,574,932(23%) telah dibelanjakan bagi Gaji dan Elaun manakala RM3,246,255 (6%) melibatkan belanja Susutnilai Aset. Penyelenggaraan dan pembaikan serta Pemberian dan Kenaan Tetap pula masing-masing menelan belanja sebanyak RM1,709,962 (3%) dan RM1,086,794 (2%). Secara keseluruhan, perbelanjaan pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak RM9,99,093 (24%) berbanding tahun 2020. Peningkatan yang paling ketara adalah perbelanjaan Perjalanan dan Perhubungan serta Bekalan dan Perkhidmatan kerana peperiksaan yang ditangguhkan pada tahun 2020 berikutan perintah kawalan pergerakan oleh Kerajaan bagi membendung penularan wabak Covid-19 telah dapat dilaksanakan pada tahun 2021.



## PERBANDINGAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2017-2021



MPM berjaya merekodkan lebihan pendapatan bersih pada tahun 2021 sebanyak RM749,574 berbanding kurangan bersih sebanyak RM11,676,095 pada tahun 2020. Namun begitu, lebihan pendapatan tahun 2021 menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya. Hal ini disebabkan penurunan hasil pendapatan dari pelaburan berikutan penurunan Kadar Dasar Semalam (OPR) yang ditetapkan oleh BNM. Selain itu, penurunan ini juga dipacu oleh pengurangan peruntukan geran sebanyak RM5,000,000 kerana sekatan geran yang dilaksanakan oleh Kerajaan.


Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod prestasi selama 5 tahun (2017 – 2021), MPM pada tahun 2021 masih berjaya mengekalkan hasil pendapatan atas purata dan perbelanjaan bawah purata sepanjang 5 tahun tersebut sekaligus membuktikan perancangan kewangan MPM pada tahun 2021 berjaya mengekalkan prestasi yang baik terutama dalam memastikan impak negatif daripada penularan COVID-19 tidak menjaskan operasi dan prestasi kewangan.

### Aset dan Liabiliti


Jumlah Aset Semasa yang dicatatkan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM205,434,161 berbanding dengan RM215,695,515 pada tahun 2020 iaitu penurunan sebanyak RM10,261,354 (4.8%). Manakala Jumlah Aset Bukan Semasa tahun 2021 adalah sebanyak RM39,020,411 berbanding dengan RM39,680,480 iaitu penurunan sebanyak RM660,069 (1.7%) berbanding 2020. Ini menjadikan Jumlah Aset Keseluruhan tahun 2021 sebanyak RM244,454,572.

Jumlah Liabiliti Semasa yang direkodkan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM15,996,273 berbanding dengan RM27,722,344 pada tahun 2020, penurunan sebanyak RM11,726,071 (42.3%). Jumlah Liabiliti Bukan Semasa tahun 2021 pula adalah sebanyak RM366,874 berbanding dengan RM311,800 pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM55,074 (17.7%). Ini menjadikan Jumlah Liabiliti Keseluruhan sebanyak RM16,363,147 pada tahun 2021. Secara keseluruhannya, Aset Bersih MPM pada tahun 2021 mencatatkan peningkatan sebanyak RM749,574 (0.003%) berbanding tahun 2020.

**KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI BAGI TAHUN 2021**








# BADAN KEBAJIKAN, KEBUDAYAAN, DAN SOSIAL KAKITANGAN (BKKS) DAN PUSPANITA

## AKTVITI 2021 BADAN KEBAJIKAN, KEBUDAYAAN, DAN SOSIAL KAKITANGAN (BKSK)

### Program Bacaan Yassin dan Tahlil



Program ini diadakan pada setiap hari Jumaat bermula jam 8.45 pagi secara dalam talian. Seorang khalifah yang dilantik akan mengetuai bacaan Yassin dan doa. Tahlil semasa sesi bacaan Yassin turut diadakan jika terdapat permintaan daripada kakitangan MPM.



Program bacaan Surah Yassin secara dalam talian

### Ceramah Sambutan Isra' dan Mikraj MPM

Sesi Ceramah Sambutan Isra' dan Mikraj MPM telah diadakan pada 25 Mac 2021 secara dalam talian. Penceramah jemputan ialah Ustaz Ahmad Syahir bin Jiri, Penolong Pengarah Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Rasulullah SAW Tauladan Terhebat'. Penyertaan kakitangan MPM adalah sangat menggalakkan dan mendapat sambutan yang baik.



### **Program Tadarus Al-Quran Ramadan 1443H**

Program ini bermula dari 14 April 2021 (2 Ramadan 1443 H) hingga 6 Mei 2021 (24 Ramadan 1443 H). Seramai 57 orang kakitangan telah menyertai program ini. Alhamdulillah semua peserta tadarus al-Quran dapat menyelesaikan juzuk yang diberi dengan jayanya.

### **Jamuan Berbuka Puasa**

Program ini telah diadakan pada 7 Mei 2021 (25 Ramadan 1443 H). Jamuan kali ini disediakan secara dalam bungkusan kerana pematuhan kepada SOP bagi mencegah penularan COVID-19

## Majlis Khatam Al-Quran

Program ini telah diadakan pada 7 Mei 2021 (25 Ramadan 1443 H) bermula dari jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengah hari secara dalam talian. Majlis khatam Al-Quran diketuai oleh Ustaz Hairuddin bin Mohd Diah Al-Hafiz. Setelah tamat pembacaan doa khatam, Pengurus BKSKK telah menyampaikan cenderahati kepada wakil peserta lelaki dan wanita.



Gambar sekitar Majlis Khatam al Quran 1443H/2021M (Cari gambar wakil perempuan)

## Poster maklumat isu semasa

BKKSK telah melaksanakan aktiviti penyebaran maklumat secara info grafik kepada ahli melalui siaran poster di Facebook BKSKK dalam bentuk digital banner dan dipamerkan di dalam lif MPM.



## Kuiz Umum Ramadan dan Syawal

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memperkasakan pemahaman ahli berkaitan dengan ibadah puasa dan Syawal di samping mengimarahkan bulan Ramadan. Kuiz umum Ramadan dan Syawal ini dijalankan pada 30 April 2021 bersamaan 18 Ramadan 1442 Hijrah secara dalam talian menggunakan Google form iaitu pautan URL Google form kuiz dikongsi di dalam group Whatsapp Ahli BKSK MPM 2020/2022. Aktiviti ini mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan menerima sebanyak 55 penyertaan ahli.



## Sambutan Hari Pekerja 2021

Bagi meraikan sambutan Hari Pekerja 2021, pihak BKSK telah memberikan cenderamata berbentuk metal roller pen kepada semua ahli pada 3 Mei 2021. Pemberian cenderamata ini bertujuan untuk menghargai sumbangan dan keringat ahli yang berganding bahu memajukan MPM.



### Kuiz 'Malaysia Tanah Airku' dan Peraduan Teka Bilangan Guli Dalam Balang

Aktiviti kuiz 'Malaysia Tanah Airku' dan peraduan santai Teka Bilangan Guli Dalam Balang dijalankan serentak pada 16 September 2021 bersempena sambutan Hari Malaysia yang ke-64 secara dalam talian di group Whatsapp Ahli BKSK MPM 2020/2022 menggunakan aplikasi Wordwall bagi kuiz 'Malaysia Tanah Airku' dan laman facebook BKSK MPM 2020-2022 bagi peraduan santai Teka Bilangan Guli Dalam Balang. Aktiviti ini dianjurkan secara bersama dengan aktiviti Bahasa Kebangsaan Tahun 2021. Matlamat aktiviti kuiz ini dijalankan adalah untuk memupuk sikap semangat patriotik dalam kalangan ahli supaya cintakan negara disamping dapat menambah pengetahuan tentang negara tercinta.

Kedua-dua aktiviti ini mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada ahli dengan menerima sebanyak 43 penyertaan untuk kuiz 'Malaysia Tanah Airku' dan 56 penyertaan untuk peraduan santai Teka Bilangan Guli Dalam Balang. Setiap aktiviti mempunyai 3 pemenang hadiah utama dan 10 hadiah saguhati penyertaan terawal sebanyak RM20.00 terhad kepada penyertaan kuiz 'Malaysia Tanah Airku' sahaja.



## **Warisan Bahasa: Peribahasa dan Maknanya**

Aktiviti ini dijalankan selama 3 hari iaitu pada 15 hingga 18 November 2021 secara dalam talian, iaitu dengan menghantar penyertaan melalui e-mel. Program ini dianjurkan sempena aktiviti Minggu Bahasa Kebangsaan 2021. Tujuan aktiviti ini adalah untuk meningkatkan minat ahli terhadap nilai peribahasa Melayu dalam memahami dan mengaplikasikan peribahasa dalam konteks dunia sebenar dan telah mendapat sambutan menggalakkan daripada ahli.

Aktiviti ini mempunya tiga pemenang utama dan hadiah saguhati untuk setiap penyertaan sebagai tanda penghargaan di atas kesudian ahli menyertai program yang dianjurkan oleh BKSKK.



### Sumbangan Sempena Hari Raya Aidil Fitri 1443H

Pada 5 Mei 2021 bersamaan 23 Ramadan 1443H, BKSKK telah memberi sumbangan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini. Sumbangan yang telah diberikan kepada semua ahli BKSKK adalah kuih raya berlainan jenis, popia simpul kasih dan 'Ready-to-eat' Rendang Tok.



Sumbangan barang keahlian sempena Sambutan Hari Raya.

## SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-64

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-64, BKSK telah menganjurkan Peraduan Foto 'Jalur Gemilang Di Hatiku' dari 16 Ogos hingga 16 September 2021. Matlamat peraduan ini dilaksanakan adalah untuk menyemai semangat cintakan negara dan seterusnya untuk mencungkil bakat dan kreativiti ahli BKSK melalui seni fotografi dan nukilan kenegaraan. (Namakan pemenang dan hadiahnya)

Peraduan telah dijalankan secara dalam talian dan gambar beserta kapsyen yang kreatif dimuat naik ke Facebook BKSK. Pemenang telah dipilih berdasarkan jumlah 'likes' paling banyak yang telah diterima dan juga penilaian juri. Pemarkahan telah diberi mengikut peratusan setiap bahagian iaitu 50% untuk jumlah 'likes' di Facebook, 25% dari markah kreativiti dan 25% dari markah kapsyen yang diberikan. Hadiah yang disediakan adalah dalam bentuk wang tunai.



Pemenang Peraduan Foto 'Jalur Gemilang Di Hatiku'



Kak Long Sha

2d - 🏆

Saya bangga menjadi rakyat Malaysia kerana masyarakat Malaysia hidup harmoni tanpa mengira kepelbagaian kaum, budaya, dan agama. Malaysia juga mempunyai panorama yang indah, lokasi yang strategik, dan makanan yang unik.

#Malaysiaprihatin2021

#MerdekaDenganMPM

#HariKemerdekaan2021



Zarul Zainol

Sep 7 - 🎉

Saya bangga menjadi rakyat Malaysia kerana Malaysia mempunyai masyarakat majmuk. Rakyat hidup harmoni tanpa mengenal erti perbezaan agama, bangsa dan budaya. Kepelbagaian kaum ini juga mewujudkan kepelbagaian jenis makanan.



#MalaysiaPrihatin2021

#MerdekaDenganMPM

#HariKemerdekaan2021



Dent Hairuddin


Moderator - Aug 28 - 🎉

Saya bangga menjadi rakyat Malaysia kerana Malaysia aman damai, bersatu hati, bersatu padu, tolong menolong dan bekerjasama.

#MalaysiaPrihatin2021

#MerdekaDenganMPM

#HariKemerdekaan2021



## **PERHIASAN JALUR GEMILANG SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN YANG KE-64**

Aktiviti menghias jalur gemilang sempena bulan Kemerdekaan yang ke-64 ini telah dijalankan di lobi aras 1 Majlis Peperiksaan Malaysia. Aktiviti ini dilakukan bertujuan untuk memupuk semangat cinta akan negara kepada ahli BKSKS serta warga staf MPM yang lain. Bendera jalur gemilang telah dipasang di dinding-dinding lobi. Pokok perhiasan juga telah dipasang di perkarangan lobi dan digantung padanya gambar-gambar penyertaan yang telah dimuatnaik oleh peserta Peraduan Foto 'Jalur Gemilang Di Hatiku'. Ahli jawatankuasa telah bersama-sama membantu dalam menjayakan aktiviti ini.



## **Sumbangan Fogging Machine dan Disinfectant**

Pemberian sumbangan fogging machine dan disinfectant (sanitize solution) ini telah diedarkan pada 3 Ogos 2021 bersamaan 24 Zulhijjah 1443H. Sumbangan ini diedarkan kepada setiap bahagian sebagai usaha mencegah penularan COVID-19.

### Sumbangan Oxymeter dan RTK Kit

BKKSK telah memberi sumbangan satu unit Oxymeter dan dua kotak RTK Kit telah diedarkan kepada semua ahli BKKSK pada 25 Ogos 2021 bersamaan 16 Muharam 1443H. Tujuan sumbangan ini untuk menggalakkan ahli supaya membuat pemeriksaan kesihatan kendiri sebagai langkah awal pemantauan kesihatan kendiri.



## JOM MAKAN DURIAN

BKKSK telah menguruskan program Jom Makan Durian yang diadakan pada 3 Mac 2021. Program ini tidak diadakan secara berkumpul seperti tahun-tahun sebelumnya. Bagi tujuan pencegahan penularan dan pematuhan SOP COVID-19, agihan durian telah diedarkan kepada semua ahli BKKSK di dalam bekas makanan melalui wakil bahagian.



## PROGRAM SUMBANGAN BUBUR LAMBUK

BKKSK telah memberi sumbangan bubur lambuk kepada ahli BKKSK pada 5 Mei 2021. Pada tahun ini, bubur lambuk tidak dimasak seperti tahun-tahun sebelumnya tetapi telah ditempah khas untuk diagihkan.



## CERAMAH MAULIDUR RASUL

Ceramah ini diadakan pada 11 November 2021 bertempat di Dewan Besar MPM. AJK Jamuan dan Keraian telah menempah nasi tomato dan air kotak untuk diagihkan kepada semua staf MPM mengikut Bahagian. Program ini berlangsung dengan meriah.



## **Pemberian Baju Melayu dan Baju Kurung**

Bagi menggalakkan ahli BKSK memakai baju kebangsaan setiap hari Jumaat, maka BKSK mengambil inisiatif dengan memberi sumbangan sepasang baju Melayu dan baju Kurung kepada setiap ahli. Sumbangan ini telah dilaksanakan pada 27 Ogos 2021 sehingga 30 September 2021.



## Ceramah Pemakanan Sihat

BKKSK telah menganjurkan ceramah kesihatan bertajuk "Pemakanan Sihat" pada 8 September 2021 secara dalam talian. Penceramah jemputan ialah Cik Siti Ameerah Shaheera binti Shalihin (CIK SAS), iaitu merupakan pakar dietetik di Studio Diet Malaysia. Ahli diterangkan dengan konsep pemakanan sihat dan perkara-perkara berkaitan pemakanan seperti mitos dan fakta, kandungan nutrisi dan lain-lain. Setelah selesai ceramah, BKKSK mengadakan kuiz terbuka melalui aplikasi Quizizz. Tiga pemenang telah diberi wang saguhati.



The Quizizz interface shows the following details:

- Game Title: Berapakah Makanan Sehat yang perlu dimakan dalam setiap?
- Number of Questions: 8
- Participants:
  - syhiddah mohd salih
  - Zulkaria Bin Sulaiman
  - zuhar
  - Zulkaria kamaludin
  - nik zulayni
  - Nazrun
  - Mohd Shakir
  - Monica
- Quizizz URL: <https://www.quizizz.com/game/10749>

## Ceramah Kecergasan Fizikal

BKKSK juga telah menganjurkan satu sesi ceramah yang bertajuk "Pemakanan Sihat" pada 20 September 2021 secara dalam talian. Penceramah jemputan ialah Puan Nur Atiqah binti Mohd Pirdaus, iaitu merupakan jurulatih kecergasan daripada syarikat HealthifyMe. Ceramah ini adalah bertujuan memberi pendedahan tentang jenis senaman, faktor penurunan berat badan, cara mendapatkan berat badan ideal dan sebagainya. Setelah selesai ceramah, Jawatankuasa mengadakan kuiz terbuka melalui aplikasi Quizizz. Tiga pemenang telah diberi wang saguhati.



### Pemeriksaan Kesihatan

BKKSK telah menganjurkan Program Pemeriksaan Kesihatan yang diadakan pada 5 dan 6 Oktober 2021 di Auditorium, MPM secara percuma. Pemeriksaan kesihatan ini dilaksanakan oleh syarikat Pathlab yang melibatkan ujian darah dan air kencing. Sesi konsultansi terhadap keputusan ujian ini telah diadakan pada 12 Oktober 2021. Seramai 101 ahli BKKSK telah menyertai pemeriksaan ini.



## MPM Virtual Run 2021

Ini merupakan program penutup bagi tahun 2021. Program ini berlangsung selama dua minggu, iaitu bermula pada 17 hingga 31 Oktober 2021. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengamalkan aktiviti larian sebagai satu gaya hidup yang sihat semasa dan selepas waktu bekerja. Setiap peserta dikehendaki melakukan jenis larian yang disenaraikan kemudian menghantar bukti larian kapada JK Sukan untuk disemak. Peserta yang berjaya melengkapkan larian telah diberi cenderamata iaitu sehelai t-shirt, pingat, dua helai pelitup muka, dan sijil penyertaan. Seramai 96 orang peserta yang berjaya menamatkan larian ini. Tahniah!!!



## LAPORAN AKTIVITI PUSPANITA MPM TAHUN 2021

### **Wakil MPM Ke Mesyuarat Agung Ke-38 PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia**

Mesyuarat Agung Ke-38 PUSPANITA Cawangan KPM (CKPM) telah diadakan pada 2 Mac 2021 bertempat di Dewan Serbaguna Blok E12, Kementerian Pendidikan Malaysia dan secara langsung di Facebook Puspanita CKPM. Mesyuarat dirasmikan oleh YBhg. Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, merangkap Penasihat PUSPANITA CKPM. Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) telah menghantar 2 orang wakil merangkap AJK Pelaksana iaitu Puan Mazlina binti Mohamad Aris dan Puan Zalika Laily binti Mohd Zain ke mesyuarat tersebut di KPM. MPM juga telah memberi sumbangan dalam penghasilan Buku Laporan Tahunan PUSPANITA Tahun 2020 bersama-sama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain itu, bagi menggalakkan penyertaan ahli dalam Mesyuarat Agung Puspanita CKPM, Puspanita MPM telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Sesi Cabutan Bertuah Siri 1 untuk ahli yang mendaftar untuk menghadiri Mesyuarat Agung Puspanita CKPM Secara Online.



## Lawatan Ke Kompleks Kraf Kuala Lumpur

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Puspanita MPM sekali lagi telah menerima jemputan ke Kompleks Kraf Kuala Lumpur sempena Promosi Warna-warni Aidilfitri 2021 yang berlangsung dari 15 April hingga 2 Mei 2021. Seramai 7 orang ahli terpilih untuk menyertai lawatan ke Kompleks Kraf pada 28 April 2021. Para peserta diberi taklimat ringkas berkenaan aktiviti yang berlangsung sebelum dibawa melawat ke gerai-gerai pameran dan jualan. Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program berlangsung seperti demonstrasi kraf, demonstrasi masakan kuih tradisional, interaktif kraf serta gerai jualan dan bazar Ramadan.



## Pertandingan Mencipta Dan Melafazkan Pantun Kemerdekaan

Puspanita MPM dengan kerjasama Puspanita Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Biro Penerbitan dan Dokumentasi, Puspanita Cawangan Kementerian Pelajaran Malaysia (CKPM) telah menganjurkan Pertandingan Mencipta dan Melafazkan Pantun Kemerdekaan secara rakaman video. Pertandingan berlangsung dari 14 hingga 30 Ogos 2021 dan terbuka kepada semua ahli Puspanita CKPM. Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil bakat ahli dalam mencipta dan melafazkan pantun. Seramai 10 orang ahli dari bahagian-bahagian di KPM telah mendaftar dan menghantar video penyertaan melalui medium Telegram "Pertandingan Pantun Merdeka PUSPANITA CKPM". Berikut adalah senarai pemenang pertandingan:

PEMENANG	
PERTANDINGAN MENCINTA DAN MELAFAZKAN PANTUN KEMERDEKAAN	
TEMPAT PERTAMA (RM800.00)	SITI KHADIAH BINTI HJ. ANIFFIN
TEMPAT KEDUA (RM500.00)	HAIWULSARAH BINTI HASNIN
TEMPAT KETIBA (RM300.00)	DALIZWA DEENA BINTI SAJIDIN
SABU KATI (RM100.00)	
	ADRINA BINTI HASNIN
	FAEZAH BINTI MUHAMAD
	DR. WAN ZALIMA BINTI WAN OTTHMAN

### Tabung Bantuan Frontliners COVID-19

Sebagai menzahirkan rasa terima kasih dan terharu dengan dedikasi petugas barisan hadapan yang bekerja keras menangani penularan wabak COVID-19 sepanjang tahun 2020 dan 2021, Puspanita MPM telah mengambil inisiatif menubuhkan Tabung Bantuan Frontliners COVID-19 bagi menyantuni petugas barisan hadapan di Hospital Selayang dan Hospital Kuala Lumpur. Kutipan sumbangan bagi tabung ini dijalankan sepanjang bulan Ogos secara dalam talian dan juga secara tunai.

Kutipan bernilai RM2700 diserahkan kepada JAM'IYAH (Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan), NGO yang menguruskan pembelian barang-barang keperluan kepada pasukan perubatan Hospital Selayang dan Hospital Kuala Lumpur. Sumbangan disalurkan dalam bentuk makanan sebagai menghargai peranan petugas hospital itu dalam memberikan perkhidmatan terbaik terhadap masyarakat terutama ketika menghadapi pandemik Covid-19.



## **Majlis Perpisahan dan Luncheon Puspanita**

Majlis Perpisahan dan Luncheon Puspanita diadakan untuk meraikan ahli-ahli Puspanita yang telah bersara dari jawatan dan jabatan kerajaan tahun 2020-2021 iaitu Puan Hajah Sharifah Noora binti Dato' Syed Tahir, Cik Hajah Nurashiqin bt Zakariah, dan Puan Fauziah binti Abd Aziz. Majlis ini diadakan pada 10 Disember 2021 di Restoran Rebung Chef Ismail dan disertai oleh 60 orang ahli Puspanita termasuk ahli yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan ucapan dari Pengerusi Puspanita MPM, Puan Sofia Nor binti Molhit dan diikuti oleh ucapan yang diraikan Puan Hjh Sharifah Noora bt Dato' Syed Tahir dan Puan Fauziah bt Abdul Aziz. Seorang lagi ahli iaitu Cik Hjh Nurashiqin bt Zakariah yang telah bersara pada tahun 2020 tidak dapat bersama-sama di majlis ini kerana mempunyai komitmen lain.

Majlis ditangguhkan pada jam 2.15 petang dan diakhiri dengan makan tengah hari dan sesi bergambar.





**M**ajlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. MPM adalah badan peperiksaan di Malaysia yang diiktiraf untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Ujian Malaysian University English Test (MUET) termasuk kaedah MUET on Demand (MoD), dan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW). Sijil STPM diiktiraf di peringkat antarabangsa, dan telah berkolaborasi dengan Cambridge Assessment United Kingdom sejak tahun 1980. Di samping itu, MUET juga turut telah diiktiraf dan diterima oleh beberapa universiti terkemuka di luar negara.



**Majlis Peperiksaan Malaysia**  
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor

📞 +603 - 6126 1600  
📠 +603 - 6136 1488  
✉️ ceo@mpm.edu.my

- Majlis Peperiksaan Malaysia
- majlispeperiksaan
- MEC MPM

